

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"KITA umat Islam hari ini wajarlah melihat dan mengambil peringatan daripada isi Sejarah Hijrah yang agung ini. Jangilah ia dijadikan hanya untuk didengar atau dibaca saja, tetapi hayatilah sebagai teladan." - Titah sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 pada 14 Mac 2002.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"PANDANGLAH orang-orang yang di bawah kamu, jangan pandang orang-orang di atas kamu. Maka ia (cara begini) adalah amat baik supaya kamu tidak menolak nikmat Allah ke atas kamu." - Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim.

TAHUN 47 BILANGAN 16

RABU 17 APRIL 2002/1423 رابو 4 صفر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Berangkat ke Istiadat Pengebumian The Queen Mother

LONDON, United Kingdom. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berada di London bagi Istiadat Pengebumian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Elizabeth, The Queen Mother pada 9 April lalu.

Istiadat Pengebumian bermula pada hari Jumaat lalu dengan keranda yang mengandungi jenazah Kebawah Duli Yang Maha Mulia The Queen Mother diarak dengan penuh istiadat dari Queen's Chapel di Istana St. Jame's ke Westminster Hall dalam kompleks Houses of

Parliament bagi penghormatan terakhir.

Satu upacara keagamaan telah diadakan di Westminster Abbey sebelum jenazah Kebawah Duli Yang Maha Mulia The Queen Mother diarak untuk dimakamkan di St. George's Chapel dalam kawasan Windsor Castle.

Baginda bersama-sama beberapa orang pembesar dan kenamaan asing memberikan penghormatan terakhir kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia The Queen Mother di Westminster Abbey.

Di antara pembesar-pembesar asing yang hadir ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Margrethe II, Queen Denmark; Kebawah Duli Yang Maha Mulia King

Carl Gustav, Raja Sweden; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Beatrix, Queen Netherlands; Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Harald, Raja Sweden; Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Juan Carlos, Raja Sepanyol; Puan Yang Terutama Mary McAleese, Presiden Republik Ireland; Tuan Yang Terutama Jean Chretien, Perdana Menteri Kanada, Tuan Yang Terutama John Howard, Perdana Menteri Australia dan Puan Yang Terutama Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Elizabeth, The Queen Mother mangkat pada jam 3.15 petang hari Sabtu 30 Mac di Royal Lodge, Windsor Castle dalam usia 101 tahun.

Organisasi perlu pekerja berdisiplin, rajin

Jangan hanya tahu makan gaji

BERAKAS. - Sebuah organisasi mempunyai objektifnya sendiri dan memerlukan tenaga manusia serta sumber lain seperti kewangan dan teknologi untuk menggerakkannya.

Tidak ada organisasi yang boleh hidup dengan baik jika tenaga manusianya hanya tahu makan gaji dan berpeluk tubuh.

Setiasua Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab menjelaskan perkara tersebut di Majlis Perasmian Pendaftaran dan Profiling Calon-calon Skim Lanjutan Kemahiran Industri dan Teknologi Info-Komunikasi Sektor Swasta yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 11 April lalu.

Tambah beliau, dalam era bersaing ini, organisasi sangat memilih tenaga kerja yang mahir dan berilmu, berpengalaman, rajin dan berdisiplin untuk memberikan prestasi kerja yang tinggi.

Oleh itu tegas beliau, majikan hanya akan terus menggaji pekerja jika organisasi tersebut berpendapatan baik. Walau bagaimanapun jika pendapatan rendah hatta pekerja yang baik sekalipun terpaksa di-berhentikan atau dicutikan.

"Tidak ada waktu dan ruang bagi sesiapa pun yang mengidamkan kehidupan bermakna tanpa usaha dan kerja yang kuat,"

Oleh Abu Bakar HAR

tegasnya lagi.

Beliau juga berharap sejak hari itu bermulalah kesedaran secara menyeluruh dalam mengoptimalkan penggunaan tenaga tempatan sama ada yang sudah tersedia berpendidikan dan mahir mahupun mereka yang boleh dilatih.

Tujuan utama secara luaran skim yang diperkenalkan ini adalah untuk memenuhi bidang latihan sebagai prasyarat pengambilan bekerja anak tempatan di sektor swasta bagi mengurangkan pengangguran, manakala secara dalaman ia lebih dari untuk mengurangkan pengangguran.

Beliau juga mengingatkan kepada pemuda-pemudi yang telah mendapat pekerjaan di sektor swasta di peringkat bawah dan menengah supaya mempunyai pendekatan yang lebih strategik serta menjadikan pekerjaan itu bukan semata-mata untuk menyelesaikan masalah pengangguran tetapi sebagai batu loncatan kemajuan untuk mengetahui selok-belok perusahaan dan perniagaan sebagai kelayakan yang lebih berguna atau ketika nanti jika mereka menjalankan perniagaan sendiri.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata, Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Pertahanan dan Menteri Penerbangan Awam, Kingdom of Tonga, di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM menerima mengadap PM Tonga

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata, Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Pertahanan dan

Menteri Penerbangan Awam, Kingdom of Tonga, di Istana Nurul Iman.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara dua hala terutama usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Tonga.

Hadir sama di majlis pada 15 April itu ialah Setiausaha Penerbangan Awam Kingdom of Tonga, Tuan 'Ahovalamocemapa Faletau dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata berada di negara ini bagi lawatan selama lima hari.

TAHUKAH AWDA

PEMANDU-PEMANDU yang enggan mematikan enjin kenderaan semasa mengisi minyak, menggunakan telefon bimbit dan merokok di stesen-stesen minyak boleh dijatuhi hukuman denda \$2,000 bagi kesalahan pertama dan sekiranya diadakwa untuk kali kedua dan seterusnya akan dihukum penjara enam bulan dan denda \$4,000 di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 Seksyen 37 (2).

Hubungan diplomatik Brunei - Armenia

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Armenia mulai 15 April 2002.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalanan hubungan diplomatik itu telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di New Delhi, India.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh TYT Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke India, sementara itu TYT Armen Baibourian, Duta Besar Republik Armenia ke India mewakili republik berkenaan.

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita 1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Menggual Tawak-tawak Kegunahankah lagi di zaman canggi ini?

- Muka 3

Apakah dikatakan keluarga dalam masyarakat Melayu

- Muka 2 ANEKA

Agama Islam ubat mujarab pesakit jiwa

- Muka 3 ANEKA

65 Kesalahan dalam 'OPS Sepadu PPJ4'

- Muka 5 ANEKA

Tindakan diambil ke atas pemandu enggan patuhi peraturan

- Muka 16 ANEKA



17 APRIL 2002 BERSAMAAN 1423 4 صفر

ISLAM BUKAN PENGANJUR KEGANASAN

SESI Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFI) Mengenai Keganasan, dalam sidang yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini telah mengeluarkan deklarasi mengenai keganasan. Deklarasi itu antara lain membantah sebarang keganasan yang berlaku sejak peristiwa 11 September tahun lalu yang lebih banyak dikaitkan dengan Islam. Sedangkan agama Islam sendiri adalah agama yang mencintai keamanan, kesejahteraan dan keselamatan dan bukannya penganjur keganasan sebagaimana yang diwar-warkan oleh Barat.

Dalam Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Keganasan ini juga telah merangka Pelan Tindakan bagi mempertingkatkan usaha di peringkat antarabangsa untuk memperbetulkan persepsi dan imej buruk yang dilemparkan terhadap Islam. Para Menteri Luar OIC juga melahirkan keazaman secara kolektif dalam memerangi keganasan dan bertindak balas terhadap sebarang perkembangan yang menjejaskan Muslimin dan negara-negara Islam.

Pelan Tindakan itu antara lain bertujuan bagi mengukur sejauh mana pengukuhan kerjasama OIC dalam menyegerakan ke atas Kod Tatalaku OIC dan konvensyen mengenai usaha memerangi keganasan antarabangsa dan menegakan imej dan peradaban Islam yang sebenar serta memperkukuhkan kerja di kalangan masyarakat yang berlainan budaya dan kepercayaan agama yang berbeza.

Bagi menjayakan pelan tindakan itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan menaungi satu mesyuarat antarabangsa bersama 13 anggota OIC bagi menubuhkan satu jawatankuasa mengawasi pelaksanaan pelan tindakan tersebut.

Negara Brunei Darussalam sendiri, sebagai salah sebuah anggota OIC akan terus memberikan komitmennya dalam memberikan kerjasama dengan semua negara untuk menangani Pelan Tindakan Memerangi Keganasan. Pendirian negara dalam menangani isu keganasan amat jelas disuarakan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel dan bersama-sama dengan rakan anggota OIC.

Para Menteri Luar OIC dalam sidangnya di Kuala Lumpur sendiri dengan tegas menyuarakan bahawa pihak antarabangsa mesti mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya keganasan bukannya menuding jari kepada umat Islam semata-mata, kerana penganut agama lain juga bersalah sebagai penganas jika mereka terlibat dalam keganasan.

Dalam isu keganasan antarabangsa ini, OIC jelas mengutuk segala bentuk dan manifestasi keganasan termasuk keganasan negara, tanpa mengira motifnya, pelakunya dan mangsanya, memandangkan ia merupakan ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan manusia sejagat dan antarabangsa.

Apa yang mustahak dilakukan ialah satu persetujuan antarabangsa perlu dicapai bagi mengutuk sesuatu insiden tertentu sebagai tindakan ganas oleh penganas sebagaimana yang berlaku di wilayah rakyat Palestin yang dilakukan oleh rejim Israel ketika ini yang melakukan keganasan negara dengan mencerobohi dan membunuh penduduk Palestin. Di sinilah peranan PBB amat diperlukan dan juga masyarakat antarabangsa supaya tidak mengamalkan sikap pilih kasih dengan membiarkan rejim Israel bermaharajalela melakukan keganasan terhadap rakyat Palestin, kerana tindakan ganas rejim itu bukan sahaja mengancam keselamatan dan keamanan antarabangsa, tetapi juga boleh mencetuskan peperangan besar di rantau Asia Barat.

Kewibawaan Majlis Keselamatan PBB sepatutnya ditonjolkan agar masyarakat antarabangsa tidak hilang keyakinan terhadap sistem pengurusan dalam menangani isu-isu tersebut. Di samping itu rumusan dan penyelesaian yang menyeluruh perlu dicari, bukan saja dilihat dari sudut tindakan ketenteraan tapi merangkumi soal politik, sosial dan ekonomi.

Bagi menangani isu keganasan masyarakat dunia perlu mencapai persetujuan antarabangsa mengenai takrif sebenar keganasan, bukannya bertindak secara kolektif terhadap mereka yang mencetuskannya, lebih-lebih lagi mengutuk atau mendiskriminasi sesuatu kaum atau agama dalam kegiatan penganas.

HALUAN...

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga maka kita dapat hadir bersama-sama di majlis pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Majlis kerana telah menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan majlis pada hari ini.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa sejak Skim Pembayaran Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya diperkenalkan pada tahun 1954 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1955, pembayaran pencen-pencen dan elaun-elaun di bawah skim ini telah dibuat melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di negara ini.

Pembayaran pencen melalui penghulu dan ketua kampung yang telah berjalan hampir setengah abad ini telah membuktikan bahawa cara tersebut adalah merupakan satu cara yang berkesan, bukan hanya ia dapat menjimatkan tenaga pekerja iaitu dengan menggunakan sepenuhnya sumber tenaga kerja yang sedia ada, tetapi juga memberi peluang kepada penghulu dan ketua kampung untuk berinteraksi dengan anak buah masing-masing.

Di samping kebaikan dan keberkesanannya, kita juga sering mendengar beberapa kejadian yang tidak diinginkan telah berlaku seperti kejadian kecurian, kehilangan, keciciran dan lain-lain lagi. Kita juga sering mendengar masalah yang telah dihadapi oleh penghulu dan ketua kampung dalam membuat pembayaran ini terutama sekali dari segi keselamatan kewangan dan juga diri penghulu dan ketua kampung itu sendiri. Dengan meningkatnya jumlah penerima pencen umur tua dari setahun ke setahun, sudah tentunya tanggungjawab penghulu dan ketua kampung bertambah berat dan semakin mencabar kerana ia melibatkan jumlah kewangan yang banyak.

Oleh yang demikian, usaha yang telah dibuat oleh pihak Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat dalam melaksanakan pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan ini adalah satu langkah yang baik dan bertepatan dengan waktunya, terutama sekali dalam era globalisasi yang mana penggunaan teknologi tinggi dalam kehidupan seharian semakin berleluasa.

Dengan cara ini, sekurang-kurangnya, risiko-risiko yang dihadapi oleh penghulu dan ketua kampung sewaktu membuat

pembayaran ini, insya Allah akan berkurangan.

Dalam perkara yang sama, sukacita kaola/peramba/saya menarik perhatian semua penghulu dan ketua kampung bahawa walaupun pembayaran pencen umur tua telah dibuat melalui sistem perbankan, sebagai percubaan, penghulu dan ketua kampung akan terus bertanggungjawab dalam membuat pembayaran pencen-pencen, elaun-elaun dan bantuan-bantuan kebajikan kepada orang-orang yang tidak berdaya, mereka yang uzur, balu-balu, orang-orang susah dan seumpamanya. Saya juga menyeru kepada semua penghulu dan ketua kampung supaya akan sentiasa mengadakan perjumpaan dan permuza-karahan dengan anak-anak buah kampung masing-masing bagi memastikan kebajikan penduduk akan sentiasa terjaga dan terpelihara.

OLEH yang demikian, usaha yang telah dibuat oleh pihak Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat dalam melaksanakan pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan ini adalah satu langkah yang baik dan bertepatan dengan waktunya, terutama sekali dalam era globalisasi yang mana penggunaan teknologi tinggi dalam kehidupan seharian semakin berleluasa.

Pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan LANGKAH BAIK DAN TEPAT



UCAPAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Majlis Pelancaran 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua Melalui Bank di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong pada 3 Mac 2002.

benar susah dan berke-layakan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Di samping itu juga, penghulu dan ketua kampung hendaklah proaktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kampung masing-masing bebas dari gejala sosial yang semakin berleluasa di negara ini yang boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, kaola/peramba/saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Islamic Bank of Brunei di atas kerjasama yang telah

diberikan bagi menjayakan projek ini. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Jabatan Perbadanan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dan Jabatan Audit di atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam melaksanakan projek ini dan mudah-mudahan usaha yang berke-bajikan ini akan mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wataala jua, dan dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dirancang, insya Allah.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MENGQUAL TAWAK-TAWAK KEGUNAHANKAH LAGI DI ZAMAN CANGGIH INI?

BILA disebut 'gual tawak-tawak lama', anak-anak sekarang lebih ramai yang tidak dapat memahaminya, apa ertinya, apa gunanya dan bagaimana menggunakannya. Malah di antara kanak-kanak kita itu ada pula yang tidak tahu apa usulnya tawak-tawak tersebut. Bagaimanapun lebih ramai agaknya yang tahu apa yang disebut 'gulintangan'. Ini semua kerana pendedahan secara berterusan. Kenapa kanak-kanak itu lebih tahu tentang gulintangan? Sebabnya ialah alat bunyi-bunyian tradisi kita itu hampir setiap kegiatan yang bercorak kebudayaan tempatan ianya sering sahaja digunakan. Dan dalam waktu yang sama, hampir setiap waktu diumumkan apabila acara yang berkaitan itu hendak dihidangkan. Misalnya, juruacara akan menyebut lebih kurang perkataan begini: "acara kita selanjutnya ialah persembahan gulintangan dari Badan Kebudayaan itu dan ini," dan yang seumpamanya. Tetapi jarang sekali disebutkan yang lain dari itu. Wal hal untuk menghidupkan irama yang lahir dari paluan gulintangan itu bukanlah dari gulintangan itu sendiri semata-mata bahkan ada alat-alat lain lagi yang juga penting untuk menghidupkan irama dan lagu yang diciptakannya. Ini termasuklah alat seperti 'tawak-tawak' itu tadi selain dari 'gendang labik' dan 'canang' dan juga gong. Sebenarnya tentang ini kita agak kurang arif, tetapi orang kebudayaan seperti Awang Haji Azahari bin Gemok pakar dalam soal ini.

Perkara yang hendak kita sebut di sini ialah tentang sedikit dari peranan salah satu di antara beberapa buah alat bunyi-bunyian kita itu dan peranannya yang biasanya terpakai di waktu masa silam, masa yang sudah jauh berlalu, masa yang tidak ramai lagi orang kita dapat mengingatnya. Kita menyebut hal ini adalah semata-mata untuk anak-anak kita supaya mereka sedikit sebanyak mengetahui akan kebudayaan datuk nenek mereka pada waktu yang berlalu itu. Mereka juga perlu benar diperkenalkan atau didedahkan secara yang bersungguh-sungguh tentang perkara seumpama yang disebutkan itu. Sebab gunanya amat banyak dan amat berharga bagi satu bangsa yang berbudaya, beradat istiadat dan berperaturan. Ini juga barangkali boleh membantu dalam 'memperkasakan' jati diri anak-anak kita itu, apa lagi kalau kita memikirkan tentang Melayu dan kemelayuan kita itu sendiri. Melayu dan kemelayuan itu kalau kita bersedia untuk menyedarinya secara yang lebih mendalam adalah lebih banyak didukung atau dilatarbelakangi oleh budaya atau cara hidup orang Melayu yang juga banyak bergantung kepada kesenian dan kebudayaan ini.

Walaupun barangkali bahawa kesenian dan kebudayaan itu boleh saja berubah-ubah dikeranakan hendak menyesuaikan dengan masa atau dengan perubahan zaman apa lagi di era ICT ini, namun satu hal yang patut benar diingat ialah fungsinya dan hati nuraninya dalam citarasa orang-orang Melayu itu sendiri. Menurut pengalaman kita, dulu-dulunya, kesenian dan kebudayaan ini sangat-sangat dipelihara dan ianya terus dipelihara melalui penggunaannya yang tidak setakat oleh orang-orang biasa bahkan hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi daripada itu. Ada juga disebutkan, kalau tidak silap kita, bahawa kebudayaan itu sebenarnya adalah lambang bangsa atau kebudayaan itu adalah hati nurani bangsa. Jadi, amat bijaksana, barangkali kalau ada yang tidak mengabaikan atau diabaikan hanya dikeranakan kemasyarakatan atau timbulnya kegemaran atau kesukaan untuk menggantikannya dengan lain-lain 'seni' seperti semakin meluasnya penggunaan karaoke, bermukun, bergendang, tetapi sudah hampir tidak ada orang 'bersidundang', 'berdiang dangan', 'beranding', 'bertambur', 'bersyaer', 'bertambang' dan 'berumpung' secara bersahut-sahutan atau berganti-gantian.

Bila kita terkenang hal-hal yang begini ditambah pula jarang benar kita mendengarnya sekarang, orang lama merasakan seperti adanya benda yang berharga yang seolah-olah hilang. Tetapi menurut keyakinan kita, benda itu sebenarnya tidak hilang malah ia masih ada, cuma barangkali kita terlupa di mana kita menaruhnya. Kadang-kadang kita 'tersalah taruh' yang memudahkan pula kita terlupa apabila kita hendak mencarinya dan ketika kita hendak menggunakannya.

Kalau orang lama sekarang ini sudah tua dari segi umur dan memang penyakit lupa sudah mula menyerukuk di kepala, maka bila sudah salah taruh itu berlaku segalanya akan menjadi sukar untuk mendapatkannya semula apa lagi sudah berpindah-randah seperti berpindahnya suasana negara kita dari biasanya manual kepada automatik dan serba cantik, canggih dan mengkhayalkan. Bila kita khayal, maka penyakit lupa itu akan lebih teruk lagi. Mudah-mudahan kita tidak sampai lupa diri, lupa budaya sendiri, lupa akan aliran darah Melayu dalam badan sendiri, lupa akan dangsanak sendiri, lupa siapa kita pada asalnya dan mungkin banyak masalah lain yang diakibatkan dari penyakit lupa dikeranakan sudah berumur itu. Maka itu, sebelum tua datang bersimpuh, mungkin berfaedah bagi anak-anak sekarang supaya belajar-lajar untuk tidak menjauhkan diri dari bingkai bangsa sendiri. Menjadikan sesuatu yang baru itu sebagai pengalaman atau menjadikan sesuatu ilmu yang baru dan berguna itu sebagai tulang sum-sum untuk hidup dan berdiri tegak memang disuruh dan amat digalakkan. Kerana salah satu tujuan hidup ialah mengecap kebahagiaan dan untuk memastikan terjaminnya kebahagiaan itu ialah melalui ilmu dan kepandaian yang boleh pula dijadikan sulai dan tongkat dan dikuatkan lagi dengan suga-suga untuk menaani kebahagiaan itu.

Bagi orang dahulu terdapat beberapa cara untuk mengekal dan menyemarakkan kebahagiaan atau rasa bahagia itu. Antaranya adalah seperti yang diperumpamakan melalui peralatan muzik tradisional tawak-tawak, gong dan canang itu. Misalnya tentang perlunya 'mengqual tawak-tawak lama' yang biasanya membawa erti tentang perlunya bertanya itu. Kerana itu ada perumpamaan: malu bertanya sesat jalan. Jika ini terjadi, maka ianya akan bererti bahawa kesempurnaan sesuatu itu akan sukar dicapai kalau malu bertanya. Akibatnya berakibatlah kecikiran dan segala macam yang tidak menyenangkan. Maka itu, apakah mengqual tawak-tawak lama itu, masih kegunahankah lagi di zaman canggi ini?



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan menerima taklimat mengenai perkembangan, kemajuan dan peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama Dalam menyebarkan syiar Islam di negara ini. - Gambar oleh Halim HS.

Kerjasama pendidikan agama Islam

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah mengadakan lawatan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman di Kementerian tersebut pada 3 April lalu telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Sempena lawatan tersebut baginda telah disambatkan dengan pe-

sambah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan berkenan menandatangani buku pelawat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan rombongan kemudiannya disambatkan taklimat mengenai sejarah dan fungsi-fungsi jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut. Matlamat utama kementerian itu adalah untuk mengurus, mengekalkan dan mengembangkan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Sejurus kemudian baginda disambatkan dengan persembahan tayangan video yang berkisar mengenai perkembangan dan kemajuan agama Islam di negara ini. Baginda dan rombongan kemudiannya mengadakan

**Oleh
Bolhassan HAB**

lawatan ke mini pameran yang disambatkan oleh jabatan-jabatan di kementerian tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman telah membuat beberapa kerjasama melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuk kerjasama dalam pendidikan agama Islam.

Dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan rombongan berangkat mengadakan lawatan singkat ke Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie.

Dalam lawatan tersebut, baginda dan rombo-

ngan sempat menyaksikan Majlis Pengislaman bagi dua orang wanita Dusun dan Iban. Majlis Pengislaman bagi Dayang Rosni binti Masri dan Dayang Kestina anak Gending yang kini dikenali dengan nama Islamnya Dayang Fatin Nuramalina binti Abdullah Gending dilangsungkan di hadapan majlis baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman juga berkenan mengurniakan cenderamata dari Pusat Da'wah Islamiah kepada kedua-dua saudara baru itu.

Pusat Da'wah Islamiah adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam menyebarkan dan mengembangkan syiar Islam dan pengajarannya kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini.

Senyum Budiman



Bayaran pencen tua melalui bank

JERUDONG. - Pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan merupakan salah satu langkah yang baik dan bertepatan dengan waktunya, terutama sekali dalam era globalisasi yang mana penggunaan teknologi tinggi dalam kehidupan sehari-hari semakin meluas.

"Dengan adanya pembayaran melalui perbankan tersebut, sekurang-kurangnya risiko-risiko yang dihadapi oleh penghulu dan ketua kampung sewaktu membuat pembayaran akan berkurangan," demikian dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Majlis Pelancaran 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua Melalui Bank.

Majlis pelancaran tersebut berlangsung di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong pada 3 April

Oleh
Ak Jefferi PD

lepas.

Yang Berhormat berkata, sejak Skim Pembayaran Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya diperkenalkan pada tahun 1954 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1955, kesemua pembayaran dibuat melalui penghulu dan ketua kampung telah membuktikan bahawa cara tersebut adalah berkesan. Bukan hanya menjimatkan tenaga pekerja tetapi juga memberi peluang kepada penghulu dan ketua kampung untuk berinteraksi dengan anak buah masing-masing.

"Walaupun pembayaran pencen umur tua telah dibuat melalui sistem perbankan, sebagai percubaan, namun penghulu dan ketua kampung akan terus bertanggungjawab dalam membuat pembayaran pen-

cen-pencen, elau-elau dan bantuan-bantuan kebajikan kepada orang-orang yang tidak berdaya, mereka yang uzur, balu-bal, orang-orang susah dan seumpamanya," jelas Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru semua penghulu dan ketua kampung supaya akan sentiasa mengadakan perjumpaan dan permuzakarah dengan anak-anak buah kampung masing-masing bagi memastikan kebajikan penduduk sentiasa terjaga dan terpelihara.

"Dalam perkara ini pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat sebagai salah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam hal-chwal kebajikan masyarakat sentiasa berusaha sedaya upayanya bagi memastikan orang-orang susah dan yang memerlukan tidak akan

diabaikan," jelasnya lagi.

Yang Berhormat juga menekankan kepada penghulu dan ketua kampung agar lebih proaktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing di dalam memastikan kampung masing-masing bebas dari gejala-gejala sosial yang semakin berleluasa di negara ini yang mana boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung.

Di majlis pelancaran tersebut, Yang Berhormat juga telah menyampaikan buku-buku akaun kepada ketua kampung di keempat-empat daerah yang dipilih menyertai 'Pilot Project'.

Majlis pelancaran itu adalah anjuran Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

Majlis Sambutan Hijrah 1423 Biro Mencegah Rasuah (BMR)



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim ketika menyampaikan cenderahati daripada pegawai dan kakitangan BMR kepada Dayang Asmah binti Daud. - Gambar ihsan BMR.



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim bersama para pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah ketika hadir di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423. - Gambar ihsan BMR.

BERAKAS. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423 yang diselenggarakan dengan meraihan saudara baru jabatan itu yang telah memeluk agama Islam iaitu bagi Dayang Asmah binti Daud yang kini memilih nama Islamnya sebagai Dayang Asmah Zafirah binti Abdullah Daud.

Majlis tersebut telah diadakan pada 1 April yang mana merupakan

aktiviti Bahagian Keagamaan, Badan Kebajikan dan Sukan, Biro Mencegah Rasuah.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan ucapan Pengerusi Sambutan, Awang Haji Balim bin Haji Bali diikuti dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Drs Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiyah. Selepas itu acara menabur bunga rampai bagi meraihan saudara baru, didahului oleh Dayang Hajah Intan bte Haji Md. Kassim, Pengarah Biro Mencegah Rasuah dan seterusnya diikuti oleh pegawai-pegawai dan kakitangan wanita, Biro Mencegah Rasuah.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Asrakal oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah dan majlis pada hari itu diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyampaikan buku-buku akaun kepada seorang ketua kampung yang menyertai 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua Melalui Bank sejurus melancarkan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

ICT berkembang dengan pesat

Oleh Abdullah Asgar

Siber-Eko Brunei Darussalam.

GADONG. - Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud berkata, penyelidikan kecemerlangan di dalam teknologi maklumat (ICT) sekarang terus berkembang di negara ini dengan pesatnya.

Ia antara lain dijalankan oleh Majlis Teknologi Informasi Brunei (BITC) bersama Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan dan Jawatankuasa Eksekutif Program e-Dagang dengan visi Informasi Teknologi Kebangsaan bagi memastikan penggunaan IT sepenuhnya untuk kebaikan negara.

Beliau berucap demikian sebelum merasmikan Pelancaran Pameran Teknologi Komunikasi dan Informasi Brunei 2002 (BITEX) pada 4 April lalu di Kompleks Setia Kenangan, Kiulap.

Katanya, dengan gesaan kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 2001-2005 telah menyifatkan ICT sebagai kawasan pertumbuhan dan telah menyediakan input bagi membolehkan peningkatan dalam infrastruktur ICT dan penggunaan yang meluas serta perkembangan ICT di negara ini.

"Dengan sokongan yang padu ini, agenda kebangsaan ICT sekarang telah maju ke depan dengan cara berterusan didahului oleh ICT dan pelaksana bersangkutan melalui e-Program Brunei dan e-Program Kerajaan," jelasnya.

Menurutnya pelaksana program tersebut termasuk TAFIS, HRM, Kad Pintar Serbaguna, Perkhidmatan Pusat EG, Perkhidmatan Bandwidth EG, e-kesihatan, e-pendidikan, Mukim.net dan Taman

Selain itu jelasnya, program e-perniagaan kini sedang mempertingkatkan asas-asas seperti memupuk kesedaran, meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyemai keyakinan perniagaan dan pengguna.

Tambahnya, e-perniagaan pada umumnya juga bergantung kepada permintaan pengguna melalui internet dan keupayaan perniagaan untuk memperkenalkan penyelesaian e-perniagaan.

Jelasnya lagi, agenda ICT adalah satu kempen yang besar dan akan mengambil masa dan kos dengan perbelanjaan yang begitu banyak.

Sehubungan dengan itu, sektor swasta mesti menerajui kempen untuk membawa kemajuan ICT di Negara Brunei Darussalam dan sektor swasta juga harus bersedia menyahut semua cabaran tersebut semata-mata bagi menjayakan ICT.

Sebanyak 41 buah syarikat dan pengedar komputer di negara ini menyertai pameran empat hari itu.

Ia antara lain mempamerkan komputer dan skrinnya yang terkini. Kebanyakan peserta di pameran itu juga bersedia menerima tempahan orang ramai untuk jual beli komputer atau alat-alat ganti, di samping menawarkan harga potongan komputer peribadi yang terbaru.



PENGARAH Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud ketika menyaksikan Pameran Teknologi Komunikasi dan Informasi Brunei 2002 (BITEX) sejurus melancarkannya. Majlis berlangsung di Kompleks Setia Kenangan, Kiulap pada 4 April lalu. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Bayaran pencen tua melalui bank

JERUDONG. - Pembayaran pencen umur tua melalui sistem perbankan merupakan salah satu langkah yang baik dan bertepatan dengan waktunya, terutama sekali dalam era globalisasi yang mana penggunaan teknologi tinggi dalam kehidupan seharian semakin meluas.

"Dengan adanya pembayaran melalui perbankan tersebut, sekurang-kurangnya risiko-risiko yang dihadapi oleh penghulu dan ketua kampung sewaktu membuat pembayaran akan berkurangan," demikian dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Majlis Pelancaran 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua Melalui Bank.

Majlis pelancaran tersebut berlangsung di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong pada 3 April

Oleh
Ak Jefferi PD

lepas.

Yang Berhormat berkata, sejak Skim Pembayaran Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya diperkenalkan pada tahun 1954 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1955, kesemua pembayaran dibuat melalui penghulu dan ketua kampung telah membuktikan bahawa cara tersebut adalah berkesan. Bukan hanya menjimatkan tenaga pekerja tetapi juga memberi peluang kepada penghulu dan ketua kampung untuk berinteraksi dengan anak buah masing-masing.

"Walaupun pembayaran pencen umur tua telah dibuat melalui sistem perbankan, sebagai percubaan, namun penghulu dan ketua kampung akan terus bertanggungjawab dalam membuat pembayaran pen-

cen-pencen, elaun-elaun dan bantuan-bantuan kebajikan kepada orang-orang yang tidak berdaya, mereka yang uzur, balu-baluh, orang-orang susah dan seumpamanya," jelas Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru semua penghulu dan ketua kampung supaya akan sentiasa mengadakan perjumpaan dan permuakarah dengan anak-anak buah kampung masing-masing bagi memastikan kebajikan penduduk sentiasa terjaga dan terpelihara.

"Dalam perkara ini pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat sebagai salah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal kebajikan masyarakat sentiasa berusaha sedaya upayanya bagi memastikan orang-orang susah dan yang memerlukan tidak akan

diabaikan," jelasnya lagi.

Yang Berhormat juga menekankan kepada penghulu dan ketua kampung agar lebih proaktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing di dalam memastikan kampung masing-masing bebas dari gejala-gejala sosial yang semakin berleluasa di negara ini yang mana boleh menggugat kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung.

Di majlis pelancaran tersebut, Yang Berhormat juga telah menyampaikan buku-buku akaun kepada ketua kampung di keempat-empat daerah yang dipilih menyertai 'Pilot Project'.

Majlis pelancaran itu adalah anjuran Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad (IBB).



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyampaikan buku akaun kepada seorang ketua kampung yang menyertai 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua Melalui Bank sejurus melancarkannya. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

ICT berkembang dengan pesat

Oleh Abdullah Asgar

Siber-Eko Brunei Darussalam.

GADONG. - Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud berkata, penyelidikan kecemerlangan di dalam informasi teknologi maklumat (ICT) sekarang terus berkembang di negara ini dengan pesatnya.

Ia antara lain dijalankan oleh Majlis Teknologi Informasi Brunei (BITC) bersama Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan dan Jawatankuasa Eksekutif Program e-Dagang dengan visi Informasi Teknologi Kebangsaan bagi memastikan penggunaan IT sepenuhnya untuk kebaikan negara.

Beliau berucap demikian sebelum merasmikan Pelancaran Pameran Teknologi Komunikasi dan Informasi Brunei 2002 (BITEX) pada 4 April lalu di Kompleks Setia Kenangan, Kiulap.

Katanya, dengan gesaan kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 2001-2005 telah menyifatkan ICT sebagai kawasan pertumbuhan dan telah menyediakan input bagi membolehkan peningkatan dalam infrastruktur ICT dan penggunaan yang meluas serta perkembangan ICT di negara ini.

"Dengan sokongan yang padu ini, agenda kebangsaan ICT sekarang telah maju ke depan dengan cara berterusan didahului oleh ICT dan pelaksana yang bersangkutan melalui e-Program Brunei dan e-Program Kerajaan," jelasnya.

Menurutnya pelaksana program tersebut termasuk TAFIS, HRM, Kad Pintar Serbaguna, Perkhidmatan Pusat EG, Perkhidmatan Bandwidth EG, e-kesihatan, e-pendidikan, Mukim.net dan Taman

Selain itu jelasnya, program e-perniagaan kini sedang mempertingkatkan asas-asas seperti memupuk kesedaran, meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyemai keyakinan perniagaan dan pengguna.

Tambahnya, e-perniagaan pada umumnya juga bergantung kepada permintaan pengguna melalui internet dan keupayaan perniagaan untuk memperkenalkan penyelesaian e-perniagaan.

Jelasnya lagi, agenda ICT adalah satu kempen yang besar dan akan mengambil masa dan kos dengan perbelanjaan yang begitu banyak.

Sehubungan dengan itu, sektor swasta mesti menerajui kempen untuk membawa kemajuan ICT di Negara Brunei Darussalam dan sektor swasta juga harus bersedia menyahut semua cabaran tersebut semata-mata bagi menjayakan ICT.

Sebanyak 41 buah syarikat dan pengedar komputer di negara ini menyertai pameran empat hari itu.

Ia antara lain mempamerkan komputer dan skrinnya yang terkini. Kebanyakan peserta di pameran itu juga bersedia menerima tempahan orang ramai untuk jual beli komputer atau alat-alat ganti, di samping menawarkan harga potongan komputer peribadi yang terbaru.

Majlis Sambutan Hijrah 1423 Biro Mencegah Rasuah (BMR)



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan bin Haji Mohd. Kassim ketika menyampaikan cenderahati daripada pegawai dan kakitangan BMR kepada Dayang Asmah Zafirah. - Gambar ihsan BMR.

BERAKAS. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423 yang diselenggarakan dengan meraikan saudara baru jabatan itu yang telah memeluk agama Islam iaitu bagi Dayang Asmah binti Daud yang kini memilih nama Islamnya sebagai Dayang Asmah Zafirah binti Abdullah Daud.

Majlis tersebut telah diadakan pada 1 April yang mana merupakan

aktiviti Bahagian Keagamaan, Badan Kebajikan dan Sukan, Biro Mencegah Rasuah.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan ucapan Pengerusi Sambutan, Awang Haji Balim bin Haji Bali diikuti dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Drs Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah. Selepas itu acara menabur bunga rampai bagi meraikan saudara baru, didahului oleh Dayang Hajah Intan bte Haji Md. Kassim, Pengarah Biro Mencegah Rasuah dan seterusnya diikuti oleh pegawai-pegawai dan kakitangan wanita, Biro Mencegah Rasuah.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Asrakal oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah dan majlis pada hari itu diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah.



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim bersama para pegawai dan kakitangan Biro Mencegah Rasuah ketika hadir di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423. - Gambar ihsan BMR.



PENGARAH Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud ketika menyaksikan Pameran Teknologi Komunikasi dan Informasi Brunei 2002 (BITEX) sejurus melancarkannya. Majlis berlangsung di Kompleks Setia Kenangan, Kiulap pada 4 April lalu. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

ICT berjaya tarik pelabur asing

Oleh
Samle Haji Jait

JERUDONG. - Menteri Perhubungan berkata inisiatif beberapa buah negara ASEAN untuk meletakkan negara masing-masing sebagai pusat teknologi

maklumat komunikasi (ICT) telah menarik sebahagian besar pelabur asing dalam ekonomi mereka.

"Pelabur berkenaan telah menarik bidang-

bidang pembuatan, penyelidikan dan pembangunan serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pada masa yang sama membantu peraliran

teknologi," jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika melancarkan Forum dan Pertun-

jukan Bergerak Teknologi e-ASEAN, di Empire Hotel dan Country Club, 3 April lalu.

Menurutnya terdapat banyak peluang dan prospek yang meluas dalam sektor berkenaan seperti Negara Brunei Darussalam, tetapi negara perlu bersiap sedia menghadapi cabaran dalam melaksanakan perkhidmatan ICT tersebut.

Tambahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan lebih \$900 juta bagi kemajuan di sektor ICT.

Melalui Majlis BIT, Negara Brunei Darussalam telah menjalankan dan melaksanakan Pelan Induk IT Kebangsaan dengan penumpuan kepada e-Government dan projek e-Commerce sejajar dengan inisiatif e-ASEAN.

Forum dan Pertunjukan Teknologi adalah bertujuan untuk menarik modal bagi membiayai projek pilot e-ASEAN di samping menimbulkan kesedaran yang lebih baik bagi maksud perkembangan dan pemilihan projek-projek e-ASEAN.

Pertunjukan Bergerak juga menunjukkan faedah-faedah projek pilot yang terpilih dan meningkatkan minat mengeratkan talian, hubungan serta jalinan rakan kongsi antara penduduk-penduduk tempatan dan projek-projek pilot yang diketengahkan.

Perjanjian rangkai kerja e-ASEAN telah mengenal pasti dan mengeluarkan sebanyak 18 projek pilot yang akan dikendalikan di Republik Filipina, Kemboja dan Myanmar.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika berucap melancarkan Forum dan Pertunjukan Bergerak Teknologi e-ASEAN yang berlangsung di Empire Hotel dan Country Club. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sambutan Jubli Emas Maktab SOAS meriah dan sempurna

Oleh
Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sambutan Jubli Emas Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) di-kendalikan dalam bentuk sederhana, tetapi perlaksanaannya cukup baik, sempurna dan meriah serta bersejarah bagi maktab berkenaan.

Pengetua Maktab SOAS telah menjelaskan perkara itu sempena Majlis Malam Sumbangsih sempena Sambutan Jubli Emas penubuhan Maktab SOAS yang disambut pada 5 April lalu.

Beliau juga melahirkan rasa terima kasih kepada semua yang terlibat termasuk penyumbang dan berharap akan terus menerima sumbangan tertentu bila-bila masa yang diperlukan oleh maktab berkenaan.

Pengetua maktab itu

juga mengulangi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pelancaran Sambutan Jubli Emas maktab tersebut yang menyatakan bahawa Maktab SOAS telah membuktikan keunggulan dan kecemerlangan selaku sebuah maktab yang tertua dan berjaya.

Katanya titah baginda yang ingin melihat semua pihak turut menyumbangkan restu bagi kelangsungan maktab, di samping kegigihan pihak maktab berusaha bagi melahirkan pelajar-pelajar yang bermutu dan yang akan menjadi tenaga pembangunan kepada negara.

"Titah Kebawah Duli ini adalah menjadi tekad maktab ini," jelas Pengetua Maktab SOAS.

Katanya, maktab itu telah menerima sumbangan pertama selama 5 tahun dan sumbangan biasiswa bagi penuntut cemerlang di maktab tersebut bermula tahun ini.

Sementara itu, Majlis Malam Sumbangsih juga merupakan sebagai penghargaan kepada pihak-pihak

yang telah memberi sumbangan.

Sijil Penghargaan dan Cenderamata telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis; Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

Perayaan Sambutan Jubli Emas maktab berkenaan akan berakhir pada bulan Oktober depan.



YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin ketika menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada seorang penaja Sambutan Jubli Emas Maktab SOAS. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Sambutan Ulang Tahun Ke-35 Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei

Oleh
Dk. Hjh Saidah PHOA

SERIA.- Ahli-ahli Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei disarankan supaya sentiasa melengkapkan mutu pekerjaan mereka dengan sikap yang positif, fikiran terbuka, penuh prihatin dan inovatif bagi menjana produktiviti yang lebih mantap.

Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Mohd. Yusof menyuarakan perkara tersebut di Majlis Sambutan Ulang Tahun Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei Ke-35 (1964 - 1999) yang diadakan di Kelab Ria Brunei Shell (BSRC) pada 30 Mac lalu.

Tetamu kehormat yang juga Ketua Pendaftar Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei menambah, jika mereka tidak mempunyai sebarang persediaan, tidak berkeupayaan dan tidak berfikir untuk mengatasi cabaran dan saingan hebat di era globalisasi, mereka akan keting-

galan oleh maysarakat lain di dunia ini.

Oleh itu beliau menyeru mereka supaya mempunyai wawasan untuk terus memperbaiki diri sendiri dengan menurut perintah dan ajaran agama serta berbakti membantu negara, masyarakat dan ummah.

Selain itu mereka juga disarankan supaya sentiasa mengambil peranan aktif dalam kegiatan kebajikan serta mengadakan pelbagai aktiviti sukan dan ramah mesra di kalangan keluarga kesatuan setiap tahun.

Katanya semua amal kebajikan dan ramah mesra tersebut bertujuan bagi memupuk dan mempererat hubungan silaturahim di antara kesatuan dengan majikan dan sebagai aset kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Di majlis itu tetamu

kehormat telah menyampaikan cenderamata kepada tiga ahli kesatuan yang telah berkhidmat dengan syarikat selama 35 tahun dan telah menyumbangkan bakti dalam kesatuan yang hingga kini mempunyai lebih 300 ahli terdiri daripada pekerja-pekerja Syarikat Brunei LNG (BLNG) dan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Ketua Perhubungan Kaki-tangan dan Perkhidmatan BSP, Awang Haji Mohd. Zaini bin Awang Haji Omar dalam ucapannya pula berkata penggunaan teknologi tinggi sahaja tidak mencukupi jika mereka tidak mempunyai kaitangan yang cukup cekap bagi mengeksploitasinya.

Katanya pihak syarikat akan sentiasa membuat penilaian terhadap perkara-perkara yang bersangkutan dengan usulan nilai pekerja termasuk syarat-syarat dan perjanjian pekerjaan dengan

syarikat yang menjadi tajuk utama dalam Perjanjian Bersama di antara syarikat dan kesatuan tersebut.

"Perundingan-perundingan dan permuakarahannya antara syarikat dengan kesatuan akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan mereka dapat menyedikan suasana kerja yang kondusif dan membolehkan para pekerja menunjukkan prestasi yang terbaik dalam mencapai sasaran kerja masing-masing," katanya.

Tahun lalu BSP telah berjaya meningkatkan penghasilan minyak kepada 193,000 tong sehari, satu paras penghasilan paling tinggi sejak tahun 1979. Di samping itu ianya juga telah menghasilkan persamaan 178 kargo kelas B kepada BLNG yang menyumbang ke arah prestasi BLNG yang mencipta rekod penghasilannya sejumlah 200 kargo kelas B.



PESURUHJAYA Buruh, Awang Haji Mat Zahri menyampaikan cenderamata kepada seorang ahli Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei, Pengiran Hajah Hajjah binti Pengiran Haji Matarsad di Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-35 Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei yang diadakan di BSRC Seria. - Gambar oleh Dk. Hjh Saidah PHOA.

Lawatan muhibah Sultan Negeri Kedah Darul Aman Berangkat lawat UBD

Oleh
Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh
Masri Osman

RIMBA. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) merupakan universiti unggul di negara ini terbukti mampu melahirkan banyak bijak pandai anak bangsanya sendiri sebanding dengan kemampuan universiti-universiti lain di

rantau ini.

Jesteru dengan keunggulan sebagai sebuah institusi pendidikan tertinggi itu telah menarik minat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul

Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman berangkat melawat UBD sebagai salah satu atur cara keberangkatan ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula telah diberikan taklimat mengenai universiti berkenaan melalui tayangan video yang disampaikan oleh Naib Canselor UBD, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon.

Sejurus selepas itu, baginda kemudiannya dibawa melawat ke beberapa bahagian kemudahan yang terdapat di UBD termasuk lawatan ke Pusat Perkhidmatan Komputer, Perpustakaan dan ke Kedai Persatuan Mahasiswa UBD.

Awal dari itu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bersama dengan Timbalannya dan Naib Canselor UBD.

Berangkat sama dalam kunjungan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Haji Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah, Raja Muda Negeri Kedah Darul Aman dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz selaku pengiring Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman.

Dalam sesi lawatan tersebut baginda juga telah berkenan untuk beramah mesra dengan beberapa orang tenaga pengajar dan pelajar dari Malaysia yang melanjutkan pengajian mereka serta berkhidmat di UBD.

Sebelum berangkat meninggalkan UBD, baginda telah berkenan menanam sepon pokok sebagai tanda kenang-kenangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan menanam sepon pokok sebagai tanda kenang-kenangan keberangkatan baginda ke Universiti Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan menerima junjung ziarah beberapa orang pelajar dari Malaysia yang melanjutkan pengajian di UBD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan melawat Pusat Perkhidmatan Komputer UBD.



BAGINDA tertarik dengan pameran Al-Quran yang dipamerkan di Universiti Brunei Darussalam.



Sultan Kedah lawat Kementerian Hal Ehwal Ugama

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman di akhir lawatannya ke negara ini iaitu pada 3 April lepas berkesempatan berangkat melawat Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar, Berakas.

Keberangkatan tiba baginda di sana telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain serta para pegawai kanan di kementerian tersebut. Baginda disambangkan taklimat mengenai peranan dan perkembangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disambangkan oleh Setiausaha Tetap kementerian itu, Pengiran Dato Paduka Haji Yusoff.

Kemudian baginda dan rombongan berkenan berangkat

melawat Pusat Da'wah Islamiah. Di sana baginda berkenan menyaksikan majlis pengislaman dua orang wanita.

Gambar atas kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama sejurus tiba di kementerian itu. Sementara gambar kiri, baginda berkenan mengurniakan cenderamata kepada dua wanita yang telah memeluk agama Islam yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

SUNTIKAN VAKSIN HAEMOPHILUS INFLUENZAE JENIS b (Hib) DIPERKENALKAN

KEMENTERIAN Kesihatan sukacita maklumkan kepada orang ramai bahawa bermula 11 April 2002, suntikan vaksin Haemophilus Influenzae type b (Hib) diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam, melalui Program Imunisasi Kebangsaan.

Dengan adanya suntikan baru ini, kanak-kanak di bawah umur 5 tahun di Negara Brunei Darussalam akan mendapat perlindungan daripada 10 jenis penyakit yang berbahaya. Penyakit-penyakit tersebut ialah penyakit Tiba (batuk kering), Hepatitis B, Difteria (penyakit kerongkong), Pertussis (batuk kokol), Tetanus (kencing gigi), Poliomyelitis Measles (campak), Mumps (gajah-gajahan), Rubela dan penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kuman Haemophilus Influenzae jenis b (Hib).

Kuman Hib boleh menyebabkan beberapa jenis penyakit yang berbahaya di kalangan kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah terutamanya kanak-kanak berumur di bawah 1 tahun. Penyakit-penyakit tersebut termasuklah Meningitis (jangkitan kuman pada selaput otak), Epiglottitis (jangkitan kuman pada kerongkong) dan jangkitan kuman pada paru-paru, darah, tulang, sendi serta selaput jantung (pericardium). Penyakit-penyakit ini boleh menimbulkan pelbagai komplikasi atau masalah kesihatan seperti pekak, kecacatan anggota, kecacatan otak dan ia juga boleh membawa kepada kematian.

Penyakit-penyakit yang disebabkan oleh kuman Hib, insya-Allah, boleh dicegah melalui suntikan vaksin Hib. Suntikan ini akan diberikan kepada semua kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah. Bagi kanak-kanak yang di bawah 1 tahun, suntikan Hib akan diberikan sebanyak tiga kali. Manakala, bagi kanak-kanak yang berumur 1 hingga 5 tahun, suntikan Hib akan diberikan sekali sahaja.

Biasanya suntikan Hib tidak mempunyai apa-apa kesan sampingan. Walau bagaimanapun, jika anak damit yang telah menerima suntikan ini mengalami kesan sampingan dinasihatkan supaya berjumpa doktor atau jururawat di klinik kesihatan yang berhampiran.

Ibu bapa dan penjaga adalah diseru untuk membawa anak-anak mereka ke pusat-pusat/ klinik-klinik kesihatan yang berdekatan untuk mendapatkan suntikan mengikut jadual di dalam Program Imunisasi Kebangsaan.

Delegasi Brunei diraikan

Oleh Aliddin HM

KUALA LUMPUR. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar di rumah kediaman Yang Berhormat di Bukit Damansara di sini pada 4 April lalu.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ke majlis itu dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datin.

Majlis Santap Malam itu adalah bagi mengalu-alukan dan meraikan delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang diadakan di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan di sini.

Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia itu antara lain membincangkan dan bersetuju supaya Malaysia dan Negara Brunei Darussalam menjalankan promosi pelancongan bagi Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak secara bersama mengenai Kawasan Pertumbuhan Asia Timur (BIMP-EAGA).

Sementara pada 5 April lalu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak

Hajah Zariah berangkat meninggalkan Bandaraya Kuala Lumpur setelah menghadiri Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan dan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang berlangsung di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan Datin berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia.

Semasa berada di sini,

Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan bersabda yang antara lain menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam memberi kerjasama dengan semua negara dalam menangani sebarang keganasan.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabdanya, menegaskan akan pendirian Negara Brunei Darussalam dalam menangani isu keganasan yang disuarakan di beberapa mesyuarat yang diadiriinya sejak enam bulan lalu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar di Majlis Santap Malam di kediaman Yang Berhormat di Bukit Damansara. - Gambar oleh Hamadi HMS.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat meninggalkan Kuala Lumpur setelah menghadiri Sesi Khas ICFM Mengenai Keganasan dan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia (kiri). Sementara gambar kanan, YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berbual mesra bersama isteri Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia di Majlis Santap Malam. - Gambar oleh Hamadi HM.

DBP tawarkan potongan harga buku

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dewan Bahasa dan Pustaka telah menawarkan potongan harga dari 30 peratus hingga 70 peratus sepanjang jualan dan pameran buku sempena cuti persekolahan bermula 8 April hingga 20 April.

Jualan bersempena cuti penggal pertama itu diadakan di Perpustakaan Bandar Seri Begawan, Cawangan Tutong, Seria dan Belait.

Pegawai Pemasaran, Dayang Antin berkata orang ramai berpeluang memilih buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerusi potongan-potongan harga tertentu.

Katanya, waktu jualan bermula jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang bagi Daerah Brunei dan Muara, 9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi Daerah Tutong sementara Daerah Belait bermula jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang.

Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan agensi

Oleh Samle HJ

kerajaan yang paling banyak menerbitkan buku-buku hasil penulisan tempatan.



BUKU-BUKU seperti Majalah Mekar, Juara, Bahana dan lain-lain menarik perhatian kanak-kanak ini semasa jualan potongan harga Dewan Bahasa dan Pustaka sempena cuti persekolahan. - Gambar oleh Mohd. Zul-lizzi.

Ristaan ...



BANGUNAN Terminal Lapangan Terbang Lama ini (gambar atas) dirasmikan pada 8 Mei 1957 bagi menggantikan bangunan terminal kajang. Bangunan ini dilengkapi dengan ruang legar yang luas, ruang untuk minum dan persinggahan penumpang. Bangunan ketika ini digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Percetakan Kerajaan.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PEGUAM NEGARA (BAHAGIAN II)

Bil.	JENIS PERKHIDMATAN DAN PROSES TINDAKAN	TPOR
1.	Menjawab permohonan pendaftaran rakan kongsi orang luar negeri	90 hari (melibatkan jabatan-jabatan lain)
2.	Pendaftaran Surat Kuasa Wakil	14 hari
3.	Pendaftaran pembatalan Surat Kuasa Wakil (Revocation of Power of Attorney)	14 hari
4.	Pendaftaran penyerahan Surat Kuasa (Renunciation of Power of Attorney)	14 hari



Perdana Menteri Tonga lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berkenan mengadakan Majlis Santap Tengah Hari bagi meraikan Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata, Perdana Menteri Tonga.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan pada 13 April lalu (gambar atas kanan).

Duli Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Tonga berada di negara ini bagi lawatan selama lima hari.

Negara Brunei Darussalam dan Tonga menjalin

hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990.

Sementara itu pada 11 April lalu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Duli Yang Teramat Mulia Putera 'Ulukalala Lavaka Ata, Perdana Menteri Tonga (gambar atas kiri).

9 orang berjaya diberkas Operasi Samudera 1 di Kampong Ayer

Oleh Abdullah Asgar

GADONG. - Seramai sembilan orang telah diberkas oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam satu serbuan ke lapan buah rumah di Kampong Bolkiah A dan B, di Kampong Ayer.

Serbuan yang bermula jam 5.00 pagi hingga 8.00 pagi pada 13 April lalu itu berjaya memberkas seorang yang dipercayai membuat dua kesalahan iaitu Akta Imigresen dan Dadah.

Sementara enam orang yang lain ditahan kerana penyalahgunaan dadah, manakala dua yang lain diberkas atas kesalahan imigresen.

Menurut Penolong Pengarah Perlaksanaan dan Risikan BKN, Awang Haji Ahmad bin Metassan, dalam serbuan tersebut mereka juga berjaya merampas perkakas-perkakas yang dipercayai digunakan bagi tujuan menghisap dadah.

Katanya, seramai 43 pegawai penguat kuasa BKN dan 12 orang pegawai penguat kuasa imigresen terlibat dalam serbuan tersebut.

Tambahnya, kesemua mereka itu kini ditahan di BKN untuk siasatan lanjut sebelum diserahkan ke mahkamah untuk didakwa dan dijatuhi hukuman.

Jelasnya, serbuan yang dinamakan 'Operasi Samudera 1' bertujuan untuk

SERAMAI 43 pegawai penguat kuasa BKN dan 12 orang pegawai penguat kuasa imigresen terlibat dalam serbuan tersebut.

mengambil tindakan ke atas orang-orang yang didapati melanggar Akta-akta Penyalahgunaan Dadah dan yang berkaitan dengannya seperti Akta Imigresen dan Akta Kesalahan Jenayah yang lain.

Selain itu katanya, objektif operasi tersebut juga adalah sebagai langkah pencegahan dan juga memberikan kesedaran kepada orang ramai.

Di samping itu, tambahnya, ianya juga dapat mengeratkan hubungan antara agensi-agensi yang terlibat serta memudahkan dan menguatkan lagi tindakan-tindakan yang bakal diambil.

Katanya, kejayaan operasi itu hasil dari bantuan orang ramai kerana memberi maklumat mengenai kegiatan yang merugikan negara, bangsa dan boleh membawa maut di kampung mereka.

Oleh itu demikian beliau terus menyeru orang ramai dan masyarakat di negara ini supaya terus memberi kerjasama kepada BKN supaya kesalahan-kesalahan dadah di negara ini boleh terus dikurangkan dari masa ke semasa.



TIMBALAN Menteri Kewangan yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar menyampaikan sumbangan derma kepada seorang mangsa kebakaran. - Gambar oleh Abdullah HAD.

YSHHB sumbang bantuan \$12,900.00

Oleh
Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyumbangkan sejumlah \$12,900.00 kepada para penduduk yang terlibat dalam kebakaran.

Sumbangan kewangan itu diterima oleh 14 buah keluarga mengandungi 53 orang yang terlibat dalam kebakaran dan dari jumlah itu, tiga buah keluarga dari Kampong Pelambayan, Mukim Kota Batu; tiga keluarga dari Kampong Tanah Jambu, Mukim Mentiri; lima keluarga dari Kampong Melayu Asli, Mukim Belait dan dua keluarga dari Kampong Lorong Tiga Selatan, Mukim Seria.

Di samping itu juga, pihak YSHHB telah menyumbangkan bantuan kewangan kepada 10 orang penuntut yang belajar secara persendirian di seberang laut bagi membiayai pengajian tahun akhir mereka.

Mereka yang menerima sumbangan bantuan kewangan pembiayaan pendidikan berkenaan adalah

mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak YSHHB.

Mereka telah menuntut di seberang laut dalam pelbagai bidang terdiri daripada Dayang Sablinawati binti Awang Haji Sabli yang mengambil ijazah pertama dalam jurusan Syariah Dirasat Fiqhiah, Universiti Al-Azhar, Mesir; Dayang Hajah Noraini binti Awang Haji Saman, ijazah pertama dalam jurusan Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir; Dayang Norlinda binti Muhammad Deli, ijazah pertama (Hons) dalam jurusan Quantity Surveying, Staffordshire University, United Kingdom; Awangku Hishamuddin bin Pengiran Haji Hashim, ijazah pertama

(Hons) dalam jurusan Human Resource Management, University of Teeside Middlesbrough, United Kingdom; Dayang Aminah binti Haji Abdullah, ijazah pertama (Hons) dalam jurusan Podiatry, Queen Margaret University, United Kingdom; Awang Lim Ann Seng, ijazah pertama (B Eng Hons) dalam jurusan Civil Engineering, Liverpool John Moores University, United Kingdom; Awang Nor Nairan bin Haji Nor Shah, ijazah pertama (B Eng Hons) dalam jurusan Mechanical Engineering, Liverpool John Moores University, United Kingdom; Dayang Nurwira Azyati binti Haji Sabidi, ijazah pertama (Hons) dalam jurusan English Language dan Literature, University of Lincolnshire and Humberside, United Kingdom dan Dayang Nor Rezawati binti Haji Badaruddin, Program Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam jurusan Business Studies, University of Luton, United Kingdom.

Kedua-dua sumbangan kewangan itu telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kewangan yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar yang berlangsung di Kompleks YSHHB di ibu negara di sini 29 Mac lalu.

Salah satu tujuan penubuhan YSHHB ialah dalam bidang kebajikan dengan memberikan skim bantuan kepada mereka yang memerlukan untuk mempertingkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan Majlis Sambutan Awal Tahun 1423 Hijrah yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan Pekerja YSHHB dan merupakan aktiviti tahunan badan berkenaan dalam meraikan hari kebebasan Islam.

Ceramah khas juga disampaikan oleh Pensyarah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Ustaz Haji Azahari bin Haji Abdul Rahman yang berkisar mengenai Hijrah.

Pameran Ekspo Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis Perasmian Pameran Tabung Pembinaan Tugu Peringatan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta akan diadakan pada 28 April bertempat di Dewan Rumah Peringgahan Kerajaan jam 9.00 pagi.

Bersempena pameran tersebut, ekspo perdagangan yang akan disertai oleh para peniaga tempatan dan luar negeri termasuk negara-negara ASEAN, Pakistan, Iran dan India akan diadakan di Dewan Pusat Komersil Bumiputera selama seminggu bermula pada 28 April mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pameran Ekspo Perdagangan itu adalah untuk mengutip derma pembinaan Tugu Peringatan Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyaksikan salah sebuah gerai. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Anak yatim perlu diberi perhatian



SUMBANGAN BERTAMBAH ... Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin menyampaikan sumbangan dana kepada seorang anak yatim. - Gambar oleh Hamadi HM.

Oleh Ak. Jeffri PD

GADONG. Golongan yang kurang upaya seperti anak-anak yatim perlu diberi perhatian supaya menghindarkan mereka terdedah kepada sebarang aktiviti yang kurang sihat.

Dr. Haji Mahmod Shahrini, pence-ramah dari Pusat Da'wah Islamiyah semasa berceramah sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 juga menela-kan, anak-anak yatim perlu diberikan sokongan dan bimbingan bagi membolehkan mereka memiliki kehidupan setaraf dengan kanak-kanak lain. Majlis berlangsung di Balai Ibadat Persekutuan Pengakap, Kompleks Pengakap, Jalan

Gadong.

Hadir di majlis tersebut Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin yang juga selaku Naib Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Brunei Darussalam.

Pengiran Dato Paduka Haji Maidin juga menyampaikan derma kepada 12 orang anak yatim dalam Persekutuan Pengakap Sekolah Rendah Awang Semaun, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil dan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar. Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 dianjurkan oleh Persekutuan Pengakap Brunei Darussalam.

Pameran Jubli Emas Jabatan Penerangan

PAMERAN Sambutan Jubli Emas Sempena Penubuhan Jabatan Penerangan sedang diadakan bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi pameran tersebut pada waktu pejabat mulai 2 April hingga 30 April 2002 jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Imam gerakkan kegiatan masjid

Oleh
Bolhasan HAB

BUNUT. - Usaha-usaha yang semakin meluas yang dibuat oleh masjid bagi memeduli hal-ehwal masyarakat sekeliling khususnya golongan yang susah di negara ini amatlah mengembirakan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, usaha tersebut adalah bersesuaian dengan peranan imam yang dilantik sebagai amil bagi qaryah masing-masing.

"Amil itu berusaha bagi mengetahui fakir miskin dalam kawasanya. Kejayaan usaha imam dalam apa jua kegiatan masjid

adalah dengan bantuan dan sokongan Jawatankuasa Takmir Masjid, khususnya dalam mengenal pasti orang-orang yang susah, fakir miskin di dalam qaryah tersebut," jelas Yang Berhormat dalam ucapannya di Majlis Pelancaran Gerai Anak-anak Yatim Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim dan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Menurut Yang Berhormat, di dalam kategori fakir miskin itu termasuk-

lah anak-anak yatim yang ditinggalkan oleh ibu bapanya dalam keadaan susah.

Tambah Yang Berhormat, anak-anak yatim yang dalam keadaan susah memerlukan perlindungan dan pertolongan, supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dan mendapat pelajaran sehingga menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Majlis yang berlangsung di perkarangan Masjid Kampong Bunut pada 7 April lalu itu telah dimu-

lakan dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Juffe bin Haji Mega, Imam masjid tersebut selaku pengerusi majlis.

Gerai bagi mengutip dana tabung anak-anak yatim itu merupakan kesinambungan aktiviti-aktiviti anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut.

Beraneka barangan termasuk pakaian dan makanan dijual di gerai jualan yang berlangsung selama enam hari itu.

Hijrah bawa Islam maju

Oleh Bolhasan HAB

PULAU. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bersabda, tanpa Hijrah umat Islam tidak akan menjadi umat mulia, terhormat, maju dan menjadi contoh kepada umat yang lain dalam semua aspek kehidupan seperti yang dituntut oleh agama.

"Oleh itu sewajarnya kita mengambil iktibar, mempelajari dan menghayati ajaran, hikmah dan falsafah peristiwa agung ini jika kita ingin

menjadi ummah contoh, mulia dan maju dalam semua aspek kehidupan seperti yang telah ditunjukkan oleh generasi umat Islam terdahulu," sabda Yang Amat Mulia di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423.

Timbalan Menteri Pertahanan juga menyeru semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan supaya sentiasa mengukuhkan aqidah, bekerja dengan cemerlang, bertanggungjawab terhadap pekerjaan, jujur, ikhlas dan amanah mengikut landasan agama Islam



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menyampaikan cenderamata. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Majlis yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah pada 5 April lalu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Yusof bin Haji Tahir, johan qari Kementerian Pertahanan 2001.

Majlis tersebut diseri-

kan dengan ceramah yang berkisar mengenai Peristiwa Hijrah yang disampaikan oleh pence-ramah dari Pusat Da'wah Islamiyah, Awang Haji Mail bin Awang Besar.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423 bagi Kementerian Pertahanan dikendalikan oleh Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan wanita yang menghadiri Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Sesi Khas ICFM Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur

ICFM sepakat kutuk sebarang bentuk keganasan

Oleh Aliddin Haji Moktal



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar, Negeri Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat di Majlis Penutup Rasmi Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di Seri Kembangan, Kuala Lumpur. - Gambar oleh Hamadi HM.

Ambil tindakan tegas terhadap rejim Israel

KUALA LUMPUR. - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengulangi pendirian mereka mengutuk sekeras-kerasnya serangan Israel terhadap Palestin yang jelas mengamalkan keganasan negara dan mendesak masyarakat antarabangsa mengambil tindakan tegas terhadap rejim tersebut.

Masyarakat antarabangsa tidak boleh mengamalkan sikap pilih kasih dengan membiarkan tindakan rejim Israel menggunakan ketenteraan seolah-olah untuk mempertahankan diri daripada serangan penganas.

Sedangkan dalam hal ini, Israel telah mencerooboh masuk dan menduduki wilayah rakyat Palestin.

"Kita sudah mengisytiharkan Israel sebagai negara penganas dan hari ini kita mengulangi pendirian bahawa Israel telah melakukan keganasan negara dan Israel perlu diambil tindakan oleh masyarakat antarabangsa," jelas Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia di Majlis Penutup Rasmi Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berlangsung di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan di sini pada 3 April lalu.

Menurut Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar, OIC mahu Israel mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan mengundurkan semua pasukan tenteranya dari pen-

cerobohan yang dilakukan oleh Israel terhadap bandar dan daerah di Palestin yang merupakan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang nyata, katanya.

Yang Berhormat menambah, tindakan ketenteraan Israel itu amat jelas menunjukkan amalan keganasan oleh sesebuah negara.

"Kami (OIC) mendesak masyarakat antarabangsa supaya memikul tanggungjawab untuk menamatkan keganasan tentera Israel dan mahu supaya semua tentera Israel diundurkan dari wilayah yang diduduki dengan segera dan sepenuhnya," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat, dalam isu keganasan antarabangsa, OIC jelas mengutuk segala bentuk dan manifestasi keganasan termasuk keganasan negara, tanpa mengira mo-

tifnya, pelaku dan mangsa memandangkan ia merupakan ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Deklarasi Kuala Lumpur katanya, telah mempersetujui kehendak bersama untuk menentang keganasan dan mengambil tindakan terhadap perundangan yang mengancam keselamatan umat dan negara Islam selepas serangan 11 September tahun lalu.

"Kita tekankan semula bahawa keganasan tidak mempunyai sebarang imej tertentu dan tidak boleh dikaitkan dengan sekumpulan penduduk, agama atau budaya," ujarnya.

Apa yang penting kita perlu mengiktiraf dan menyedari bahawa bagi setiap tindakan akan ada tindak balas, katanya.



OIC bantah keganasan dikaitkan dengan Islam

KUALA LUMPUR. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat di Majlis Penutup Rasmi Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berlangsung di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan di sini pada 3 April lalu.

Para Menteri Luar OIC mengeluarkan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Keganasan. Deklarasi itu membantah sebarang keganasan yang dilakukan itu dikaitkan dengan Islam dan bersependapat untuk mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya keganasan, mengagaskan kembali seruan OIC untuk mengadakan mesyuarat antarabangsa yang dinaungi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan juga bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada 13 ang-

KUALA LUMPUR. - Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan telah berakhir dengan mencapai kejayaan dan sepakat mengutuk sebarang bentuk keganasan yang dilakukan.

Deklarasi Kuala Lumpur mengenai keganasan itu juga merangka pelan tindakan bagi mempertingkatkan usaha di peringkat antarabangsa untuk memperbetulkan persepsi dan imej buruk yang dilemparkan terhadap Islam.

Para Menteri Luar OIC melahirkan keazaman mereka secara kolektif dalam memerangi keganasan dan bertindak balas terhadap sebarang perkembangan yang menjejaskan Muslimin dan negara-negara Islam dalam perkembangan selepas insiden serangan 11 September yang lalu.

"Kami dengan sebulat suara mengutuk sebarang keganasan antarabangsa dalam apa sahaja bentuk, termasuk keganasan yang dilakukan oleh negara tanpa mengira motif, orang yang melakukannya dan mangsa-mangsa memandangkan keganasan membawa ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan ia dengan jelas mencabuli hak asasi manusia," jelas kenyataan Deklarasi Kuala Lumpur yang dikeluarkan setebal lima halaman itu di akhir Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang berakhir di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan di sini pada 4 April lalu.

Para Menteri Luar OIC mengutuk Israel kerana mempertingkatkan kempen ketenteraan terhadap penduduk Palestin termasuk bertindak kejam dan ganas terhadap orang-orang awam, menyebabkan bilangan maut terus meningkat, ekonomi Palestin terjejas dan pembinasaan sewenang-wenangnya rumah-rumah dan kemudahan infrastruktur, institusi-institusi dan struktur-struktur milik pihak berkuasa kebangsaan Palestin.

Di samping itu, para Menteri Luar OIC mengesahkan semula komitmen mereka terhadap tindakan antarabangsa dalam memerangi keganasan antarabangsa yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip tindakan Piagam PBB termasuk prinsip tidak campur tangan dalam hal-hal dalaman dan menghormati kedaulatan dan integriti wilayah dan juga undang-undang antarabangsa dan konvensyen dan instrumen antarabangsa.

Para Menteri Luar OIC mengulangi seruan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk merumuskan satu tindak balas yang diaturnya bersama oleh masyarakat antarabangsa terhadap segala bentuk keganasan.

Para Menteri Luar OIC juga bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa 13 anggota peringkat Menteri OIC mengenai keganasan antarabangsa dengan mandat untuk merumuskan syor-syor bagi hal-hal berikut iaitu langkah-langkah untuk memperkukuhkan kerjasama OIC dan koordinasi dalam memerangi keganasan antarabangsa, cara-cara mempercepatkan pelaksanaan Kod Tatalaku OIC dan konvensyen bagi memerangi keganasan antarabangsa, langkah-langkah untuk menampilkan imej sebenar Islam termasuk mengadakan seminar dan bengkel untuk menggalakkan persefahaman lebih baik mengenai Islam, budaya dan kepercayaan yang berbeza sebagai contoh menggunakan inisiatif seperti Dialog Antara Tamadun PBB dan Forum Bersama OIC-EU mengenai keharmonian dan peradaban serta langkah-langkah lain yang wajar dan selaras dengan Piagam OIC dan juga resolusi-resolusi persidangan OIM dan ICFM akan diambil sebagai tindak balas kepada perkembangan yang menjejaskan Islam dan umatnya ekoran tindakan untuk memerangi keganasan.

Jawatankuasa yang dibentuk itu akan bertanggungjawab memperkukuhkan lagi kerjasama serta menyelaras OIC dalam memerangi keganasan antarabangsa itu adalah sebahagian daripada Pelan Tindakan Dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang telah diluluskan dalam sesi itu.

Mesyuarat pertama jawatankuasa itu dijangka akan dapat diadakan dalam masa dua bulan lagi, memandangkan perkara itu penting ianya perlu diselesaikan.

Selain menyegerakan pelaksanaan Kod Tatalaku OIC dan Konvensyen Antarabangsa bagi memerangi keganasan dan juga diberikan tanggungjawab mengemukakan semua cadangan tindakan berkaitan isu keganasan kepada OIC dan ICFM untuk pertimbangan dan tindakan serta berusaha ke arah mencapai persetujuan antarabangsa mengenai takrif keganasan.

Malaysia telah dipilih menganggotai jawatankuasa 13 anggota itu kerana ia akan menjadi Pengerusi Sidang Kemuncak OIC pada tahun depan.

Keanggotaan jawatankuasa itu terdiri daripada Pengerusi ICFM sekarang dan persidangan akan datang iaitu Sudan serta Pengerusi Sidang Kemuncak OIC Ke-9, sekarang dan akan datang. Tiga wakil daripada rantau Asia, Arab dan Afrika akan turut dipilih.

MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika berucap menutup rasmi Sesi Khas ICFM Mengenai Keganasan yang berlangsung 3 April lepas di Seri Kembangan, Kuala Lumpur (kiri). - Gambar oleh Hamadi HM.





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dan Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke negara ini, Tuan Yang Terutama Badr-ud-Deen memotong kek sebagai memperingati Hari Pakistan Ke-62. Majlis berlangsung di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Hubungan Brunei - Pakistan semakin meningkat

Oleh Samle Haji Jait

JERUDONG. - Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan rasa gembira di atas peningkatan hubungan yang pesat di antara Republik Islam Pakistan dengan Negara Brunei Darussalam.

"Hubungan dua hala di antara kedua negara Islam ini akan dapat dikukuhkan di masa-masa akan datang," jelas Yang Berhormat di Majlis Sambutan Memperingati Hari Pakistan Ke-62 di Kelab Polo Jerudong 30 Mac lalu.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Badr-ud-Deen menjelaskan, Pakistan kini dalam proses mempromosi keamanan dan memerangi keganasan antarabangsa.

Tuan Yang Terutama juga menyatakan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menawarkan beberapa bidang pekerjaan kepada warga-negara Pakistan dan memuji usaha masyarakatnya yang sungguh-sungguh memberi khidmat mereka di sini.

Negara Brunei Darussalam menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Islam Pakistan sejak September 1984 yang terus ditingkatkan melalui per-

tukaran lawatan di peringkat ketua negara dan pegawai-pegawai kanan seperti lawatan Presiden General Zia-ul-Haq (1982), bekas Perdana Menteri Pakistan Puan Yang Terutama Benazir Bhutto (1986), Tuan Yang Terutama Nawaz Sharif (1999) dan Presiden Jenderal Pervez Musharraf bulan April 2000.

Lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1992 ke Republik itu merupakan catatan sejarah persahabatan yang baik buat kedua buah negara.

Perjanjian bagi Suruhanjaya Kerjasama dua hala di peringkat pegawai kanan juga ditangani pada Mac 1999 dan mesyuarat mengenainya telah diadakan di Islamabad pada bulan Oktober 2000.

Sokongan padu semua pihak jayakan Malam Gemilang '55

GADONG. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin berkata komitmen, sumbangan kerjasama dan sokongan padu dari semua peringkat masyarakat yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan orang persendirian telah berjaya mengendalikan Malam Gemilang '55 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh
Abu Bakar HAR

Darussalam Ke-55.

Katanya, acara yang masih segar dalam ingatan itu merupakan cetusan kasih dan penghormatan rakyat jelata kepada raja yang dikasihi yang mana adalah menggambarkan manifestasi kesediaan dan kesetiaan rakyat di negara ini dalam sama-sama mendukung acara-acara yang julung kali disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis yang diadakan pada 13 Ogos tahun lalu itu, tambahnya mencerminkan semangat permuafakatan, perpaduan dan keharmonian yang terjalin di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Yang Mulia menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil-sijil Penghargaan kepada penaja-penaja dan ahli-ahli Jawatankuasa Malam Gemilang '55 yang berlangsung pada 30 Mac di Centrepoin di sini.

Menurut Pengerusi Malam Gemilang '55, Dato Paduka Haji Awang Abdul Hapiz menyatakan majlis itu adalah sebagai lanbang dan inspirasi kasih dan sayang serta taat setia rakyat dan penduduk di negara ini yang menjadi tanda penghormatan dan junjung kasih terhadap baginda yang mana dengan kepimpinan bijaksana baginda juga seluruh rakyat dan penduduk negara ini dapat menikmati keamanan dan keharmonian hidup.



TIMBALAN Mentiri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang penaja sempena Malam Gemilang '55 yang diadakan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

EAWG bincangkan program terbaru infrastuktur maklumat

JERUDONG. - Mesyuarat Kumpulan Kerja E-ASEAN Ke-10 membincangkan berbagai perkara berkaitan usaha dan aktiviti para peserta kumpulan itu termasuk perkara yang ditimbulkan dalam Mesyuarat EAWG terdahulu selain membincangkan mengenai badan-badan dalam ASEAN yang masih relevan dan mempunyai hubungan dengan inisiatif e-ASEAN.

Mesyuarat itu juga dirasmikan oleh Pengerusi Kumpulan Kerja E-ASEAN, Dr Puchet Durongkaveroj pada 1 April lepas di sebuah hotel terkemuka di sini.

Mesyuarat itu juga membincangkan program terbaharu mengenai beberapa isu antaranya seperti memudahkan mewujudkan maklumat infrastruktur ASEAN, seni bina teknikal e-ASEAN,

memudahkan pertumbuhan perdagangan dan program kerja E-ASEAN mengenai keupayaan membangun e-masyarakat.

Kumpulan Kerja E-ASEAN (EAWG) memulakan mesyuarat informal bagi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang berlangsung di Manila dalam tahun 1999, dikendalikan oleh Pasukan Bertindak E-ASEAN yang mencadangkan bagi penyusunan semula kumpulan kerja dengan objektif kepada perlaksanaan syor mengenai E-ASEAN.

EAWG berperanan antaranya

Oleh Haji Ahmad HS

menjalankan projek-projek dan syor sebagai panduan Pasukan Bertindak E-ASEAN (EATF), mengendali kerja pertumbuhan-pertumbuhan yang masih relevan dengan negara ahli ASEAN bagi melaksanakan projek dan cadangan selain sebagai penasihat dan pembantu terhadap EATF dalam semua perkara yang berkaitan terhadap pelaksanaan inisiatif E-ASEAN.

Pengerusi bagi Kumpulan Kerja E-ASEAN akan digilir kepada setiap negara ahli setiap dua tahun sekali di mana Negara Brunei Darussalam diwakili oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Peindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.



MESYUARAT Kumpulan Kerja E-ASEAN Ke-10 yang berlangsung di sebuah hotel di Jerudong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

FESTIVAL MENCIPTA LAGU PATRIOTIK DAN KLIP VIDEO

RADIO Television Brunei buat julung-julung kalinya akan mengunkayahkan Festival Mencipta Lagu Patriotik Dan Klip Video 'SIM-PONI MERDEKA' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Projek ini akan dijadikan projek tahunan Radio Televisyen Brunei yang tujuan utamanya ialah untuk sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan. Untuk membolehkan lebih ramai lagi penyertaan, tarikh tutup menerima penyertaan telah pun dilanjutkan sehingga 10 Jun 2002 jam 4.00 petang.

Borang penyertaan bolehlah didapati dari:-

Penyambut Tetamu,
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam.

Studio RTB, Kuala Belait
Mini Studio RTB, Tutong
Mini Studio RTB, Temburong

Pembetulan

CERITA bertajuk 'TABUNG DARAH BERGERAK TERUS TERIMA SUMBANGAN' keluaran PELITA BRUNEI pada 27 Mac 2002 di muka surat 13 hendaklah dibaca BANTUAN DERMA DARAH SECARA BERAMAI BAGI DAERAH BELAIT KALI XVI/2002 dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Perubatan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait dikendalikan oleh Badan Sukarelawan Belia Kebangsaan 'SBK' Cawangan Daerah Belait dan bukannya dianjurkan oleh Jabatan Daerah Belait manakala penderma adalah seramai 310 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan/syarikat swasta/guru-guru dan penuntut-penuntut maktab sekolah, ahli-ahli persatuan belia dan orang-orang perseorangan. - Penyunting.

Pembayaran pencen tua, bantuan kebajikan cara tradisional ditiadakan

JERUDONG. - Berdasarkan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin semasa Hari Natal pada tahun 1954; warga tua berumur 60 tahun ke atas dan orang-orang tidak upaya akan diberi pencen/elaun bagi menjamin kebajikannya dan pemeliharaan yang secukupnya mulai 1 Januari 1955 dan satu Akta Pencen-Pencen Negara telah diluluskan dan berkuatkuasa pada 1 Januari 1955, sementara Skim Pencen ini telah dimasukkan dalam RKN 1 pada tahun 1955.

Dengan adanya Akta Pencen-pencen Negara yang telah diluluskan, mana-mana warga tua yang berumur 60 tahun ke atas berhak menerima pencen/elaun dalam menjamin kehidupan mereka di mana pencen-pencen/elaun ini diterima daripada penghulu dan ketua kampung masing-masing.

Tidak dapat dinafikan bahawa sistem pembayaran pencen melalui penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai pencen yang dikendalikan semenjak Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya berkuatkuasa pada 1 Januari 1955 telah pun berjalan dengan baik, licin dan teratur.

Perkara ini jelas dinyatakan oleh Ketua Unit/Pengawal Pencen-Pencen Negara, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin, di Majlis Pelancaran 'Pilot Project' Pembayaran Pencen Umur Tua melalui sistem perbankan. Majlis berlangsung di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong, pada 3 April, lalu.

"Walau bagaimanapun sistem pembayaran sedemikian ini di samping kebaikan yang diperolehi, ianya juga telah menimbulkan beberapa masalah dan kemudaratan kerana jumlah penerima yang semakin meningkat dari setahun ke setahun dan dalam masa yang sama risiko yang dihadapi oleh mereka yang dipertanggungjawabkan dalam membuat pembayaran kepada penerima-penerima pencen umur tua juga semakin tinggi," tambah beliau.

Beliau juga berkata, seperti yang kita sedia maklum penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membawa, mengambil dan membuat pembayaran wang tunai setiap bulan dengan jumlah yang agak besar, dan dengan tiadanya langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya, sudah setentunya membolehkan mereka ini terdedah kepada bahaya ancaman, kecurian, keciciran dan sebagainya.

Dalam hal ini Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi pembayaran pencen-pencen dan bantuan-bantuan kebajikan telah mula membuat kajian-kajian kemungkinan untuk mencari alternatif kepada pembayaran secara tradisional iaitu melalui ke-

Oleh Awangku Jefferi Pengiran Duraman

tua-ketua kampung dan penghulu-penghulu, bermula pada tahun 1990. Unit ini telah membuat kajian yang terperinci terhadap sistem pembayaran yang telah pun berjalan hampir setengah abad ini yang mana di antara kajian itu termasuklah pengedaran 'borang soal selidik' kepada semua penerima pencen umur tua pada tahun 1990 dan 1996 yang mana membolehkan mereka membuat pilihan sama ada 'setuju' atau 'tidak setuju' pembayaran pencen umur tua mereka dibuat melalui sistem perbankan. Hasil dari kedua-dua 'borang soal selidik' yang di edarkan pada tahun 1990 dan 1996 ini menunjukkan 80 peratus dari mereka lebih suka kepada sistem pembayaran secara tradisional.

"Walaupun hasil dari 'borang soal selidik' tersebut tidak berpihak kepada sistem baru yang akan diperkenalkan, tetapi Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat dengan mengambil kira pandangan pihak-pihak tertentu dan menilai 'pros' dan 'kons' sistem pembayaran tradisional ini tetap meneruskan usaha untuk mencari alternatif terbaik bagi memastikan kepentingan semua pihak diutamakan, iaitu dengan mengambil kira peraturan-peraturan kewangan, keselamatan penghulu dan ketua kampung, keselamatan wang kerajaan dan cara pembayaran yang lebih sistematik dan mudah serta berkesan," jelas beliau.

Beliau juga menjelaskan di mana satu tujuan secara dekat telah dibuat pada akhir tahun 1996, dengan menghantar beberapa



GAMBAR HIASAN ... KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin akan kebajikan orang-orang tua di negara ini, di mana kerajaan baginda telah mengurniakan elaun pencen tua sebanyak \$200.00 sebulan.



KETUA Unit/Pengawal Pencen-Pencen Negara, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin menjelaskan pihaknya akan sentiasa memastikan sistem baru pembayaran melalui bank tidak bercanggah dengan peruntukan tertentu dalam Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954.

orang pegawai unit ke negara jiran, di samping mendapatkan maklumat maklumat terperinci dari negara-negara yang telah

Sistem baru melalui bank terjamin dan selamat

dalam akaun khas ini setiap bulan bagi mengelakkan penutupan akaun ini secara automatik.

* Memberikan keutungan kepada penyimpan yang mempunyai purata baki bulanan tidak kurang dari \$150.00 sebulan.

* Membantu mengisi borang pengeluaran kepada mereka yang tidak dapat berbuat demikian.

Dayang Hajah Zaliha juga seterusnya berkata, bagi memastikan kehendak-kehendak dalam 'Bahagian 12' dari akta ini dipatuhi, satu mekanisme telah ditetapkan sebagai langkah pemantauan, di mana setiap penerima pencen umur tua dimestiakan untuk membuat urusan niaga dengan IBB sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh tiga bulan.

Sementara itu urusan niaga akan hanya boleh dibuat oleh penerima pencen umur tua itu sendiri kecuali jika penerima berkenaan terlalu tua dan uzur, tidak upaya dan sakit, maka ia dibenarkan berwakil kepada ketua kampung sahaja.

'Pilot Project' ini akan dikaji semula dalam tempoh tiga ke enam bulan selepas pelancarannya untuk mengetahui sejauh mana kejayaan yang dicapai, mengkaji kelemahan-kelemahan dan mencari jalan untuk mengatasinya. Kebolehlaksanaan 'Pilot Project' ini bergantung kepada kerjasama dari semua

pihak yang terlibat iaitu penerima yang komited, sistem pemantauan dan pengawasan yang berkesan dari pihak bank dan unit, komitmen dari penghulu dan ketua kampung serta kerjasama dari semua ahli keluarga penerima.

Ini sangat perlu diambil perhatian yang serius kerana 'Bahagian 17' dari akta ini ada memperuntukkan kepada mereka yang memberi keterangan palsu, yang mana boleh diambil tindakan undang-undang jika sabit kesalahannya iaitu dibukum enam bulan penjara dan dikenakan denda sejumlah \$5000.00

Sebanyak lima buah kampung dari keempat-empat daerah iaitu Kampong Sengkurong 'A' dan 'B' di Daerah Brunei-Muara, Kampong Pandan di Daerah Belait, Kampong Sengkarai di Daerah Tutong dan Kampong Menengah di Daerah Temburong telah dipilih untuk menyertai 'Pilot Project' yang melibatkan seramai 497 orang penerima pencen umur tua.

Bagi penerima-penerima pencen umur tua yang telah membuka akaun khas 'Al-Wadiah' dengan IBB di rumah ketua kampung masing-masing yang bermula pada 14 Mac yang lalu, akan mula menerima wang pencen tua mereka bagi bulan Mac dari semua cawangan IBB di seluruh negara.

pun melaksanakan pembayaran pencen dan bantuan kebajikan melalui perbankan. Hasil dari perbincangan yang dibuat dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam hal ini iaitu Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Audit, satu kesepakatan dan kesimpulan telah dapat dibuat bagi mengadakan alternatif terhadap sistem pembayaran secara tradisional dan seterusnya memperkenalkan sistem baru iaitu pembayaran melalui sistem perbankan dan memastikan sistem ini tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan titah perkenan bagi pindaan ke atas 'Aturan 9' dengan menambah cerai dari akta tersebut, bagi membolehkan pembayaran pencen-pencen dan elaun-elaun dibuat melalui sistem perbankan atau dengan cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengawal Pencen-Pencen Negara. Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac tahun 2001.

Bank Islam Brunei Berhad (IBB) adalah salah sebuah bank di negara ini yang telah berkesanggupan untuk bekerjasama bagi melaksanakan pembayaran melalui sistem perbankan ini. Bank ini selain dari

pada menawarkan perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang 'bayaran perkhidmatan' atau 'service charge' kepada pihak kerajaan, bank ini juga telah bermurah hati menawarkan perkhidmatan istimewa kepada penerima-penerima pencen umur tua yang di antaranya ialah:

* Menyediakan kaunter-kaunter khas pembayaran di semua cawangan IBB.

* Membuka akaun Al-Wadiah secara percuma atau tanpa deposit.

* Menetapkan hanya \$10.00 jumlah minima yang mesti tersimpan

JUMLAH PENERIMA PENCEN UMUR TUA (1998 - MAC 2002)

TAHUN	JUMLAH PENERIMA
1988	12,007
1999	12,678
2000	13,050
2001	13,724
MAC 2002	14,577

PERANGKAIAN PEMBAYARAN PENCEN UMUR TUA (1998 - 2002)

TAHUN	JUMLAH PEMBAYARAN	JUMLAH PENERIMA	PERUNTUKAN
1988	\$25,195,255.00	12,007	\$20,000,000.00
1999	\$30,404,850.00	12,678	\$30,000,000.00
2000	\$31,329,500.00	13,050	\$30,000,000.00
2001	\$32,890,400.00	13,724	\$30,000,000.00
MAC 2002	\$8,367,600.00	14,577	\$32,000,000.00

KADAR PEMBAYARAN PENCEN UMUR TUA SEJAK TAHUN 1955 HINGGA SEKARANG

1 Jan 1955 hingga 31 Ogos 1971	\$20.00
1 September hingga 30 November 1973	\$25.00
1 Disember 1973 hingga 31 Disember 1976	\$30.00
1 Januari 1977 hingga 31 Disember 1979	\$37.50
1 Januari 1980 hingga 31 Disember 1983	\$50.00
1 Januari 1984 hingga 30 April 1991	\$100.00
1 Mei 1991 hingga 30 Jun 1998	\$150.00
1 Julai hingga sekarang	\$200.00



BERAKAS. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan lebih dua juta kematian berlaku setiap tahun berpunca daripada kurangnya kegiatan fizikal.

Kegiatan fizikal yang dilakukan secara tetap boleh meningkatkan kualiti kehidupan melalui status kesihatan yang lebih baik serta boleh mengurangkan risiko penyakit kronik.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan menyatakan perkara tersebut di Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 2002 yang juga selaku pengerusi majlis bersama.

Berangkat melancarkan Hari Kesihatan Sedunia 2002 itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah pada 7 April lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri

**Oleh
Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh Ramli Tengah**

Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Hari Kesihatan Sedunia tahun ini yang bertemakan 'Begerak Untuk Kesihatan' memberi penekanan terhadap amalan cara hidup sihat terutama dalam pempun khusn terhadap kegiatan fizikal.

Kurangnya kegiatan fizikal dan corak pemakanan yang tidak sihat boleh menjadi penyebab kematian kedua di samping menjadi penyebab utama berlakunya penyakit-penyakit kronik



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan berangkat menyertai walkaton sejurus melancarkan Hari Kesihatan Sedunia 2002 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang peserta bertuah yang menyertai senamrobik dan walkaton sempena sambutan itu.

Kegiatan fizikal boleh mengurangkan penyakit kronik

dan kurang keupayaan.

Di Negara Brunei Darussalam, lima penyebab utama kematian telah dikenal pasti antaranya kanser, penyakit jantung, penyakit serebrovaskular, kencing manis, bronkitis, emfisema dan asma disebabkan oleh kurangnya kegiatan fizikal dan makan dengan berlebihan.

Kemuncak sambutan pada hari itu ialah pelancaran 'Brunei Workout' iaitu sejenis senamrobik yang sederhana dan diikuti dengan acara walkaton.

Lebih dua ribu orang menyertai walkaton yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu lelaki dan perempuan.

Kumpulan lelaki berjalan sejauh 4.8 kilometer dan kumpulan perempuan berjalan sejauh 2 kilometer.

Kegiatan yang mendorong kepada masyarakat sihat yang julung-julung kali diadakan telah diunkayahkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama beberapa buah agensi kerajaan dan swasta.

Ke arah menyebarkan dan menyebarkan mesej tema mengenai kegiatan fizikal sempena Hari Kesihatan Sedunia akan dilancarkan ke daerah-daerah lain di negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersama lebih dua ribu orang menyertai walkaton dengan berjalan sejauh 4.8 kilometer.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan cenderamata kepada seorang peserta walkaton sempena Hari Kesihatan Sedunia 2002.



HARI Kesihatan Sedunia 2002 yang bertemakan 'Begerak Untuk Kesihatan' memberikan penekanan terhadap amalan cara hidup sihat terutama dalam kegiatan fizikal. Gambar atas dan kiri kelihatan acara senamrobik sambutan itu yang disertai oleh kira-kira dua ribu peserta lelaki dan perempuan.

ARENA SUKAN

Sultan Kedah sertai Perlawanan Golf

Oleh Samle HJ

JERUDONG. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman berangkat menyertai Perlawanan Golf Persahabatan pada 2 April lalu.

Keberangkatan Sultan Negeri Kedah Darul Aman di Empire Hotel and Country Club telah dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pada perlawanan itu, Pasukan Negeri Kedah Darul Aman diketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, sementara Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain mengetuai pasukan Negara Brunei Darussalam.

Juga menyertai perlawanan ialah Dato Haji Yusof bin Nayan dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim.

Sebelum berangkat meninggalkan Empire Hotel and Country Club, Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan menerima pesambah.

Perlawanan tersebut merupakan antara atur cara lawatan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ke negara ini selama tiga hari.

STK juara hoki

SKUAD Tempur Khas (STK) dari Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) menjuarai Kejohanan Hoki antara divisyen peringkat ATLDB setelah menewaskan Bahagian Pengkalan dengan jaringan 2 - 1.

Perlawanan akhir kejohanan tersebut telah diadakan di Stadium Hoki Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 3 April lalu.

Pada pusingan pertama



KEBAWAH DYMM Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman menandatangani buku keberangkatan Empire Hotel and Country Club sambil diperhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM Sultan Negeri Kedah Darul Aman berkenan menyertai Perlawanan Golf Persahabatan sempena lawatan baginda ke negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Pelajar mempunyai peranan, tanggungjawab

GADONG. - Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie berkata, setiap pelajar di negara ini mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab bagi membuat persediaan dalam menghadapi dan mengharungi kehidupan yang lebih mencabar dengan pelbagai kemajuan dan

persaingan.

Abang Haji Hepnie berucap demikian ketika berucap merasmikan Sukan Tahunan Sekolah Menengah Sayyidina Husin Ke-2 pada 6 April lalu di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Katanya, para pelajar hendaklah mengambil

Oleh
Abdullah Asgar

peluang dan kesempatan masa, untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak-banyaknya dan memperoleh kemahiran dan mengharungi rintangan-rintangan dan cabaran-cabaran yang mendatang.

"Dari itu saya berseru supaya para pelajar sekalian untuk merenung jauh dan berfikir apa yang kamu mahu di waktu kamu sudah dewasa nanti," ujarnya.

"Selepas itu fikirkan lagi bagaimana mencapainya dengan bertawakal dan terus berusaha hingga berjaya kerana usaha itu mestilah datang dari kita sendiri," tegasnya.

Sukan tahunan tersebut mempertandingkan 13 jenis sukan balapan dan padang termasuk acara

tarik kalat yang melibatkan lebih 268 peserta dari rumah-rumah Anggerik, Melor, Teratai dan Cempaka.

Sekolah tersebut juga mempertandingkan barisan lalu terdiri dari rumah-rumah yang mengambil

bahagian.

Juga dipertandingkan ialah acara lari berganti-ganti 4 x 100 meter jemputan sekolah-sekolah. Sehingga laporan ini dibuat, Rumah Anggerik masih mendahului kutipan pingat

dengan 12 emas, 11 perak dan 11 gangsa berjumlah 34; diikuti Rumah Melor 9 emas, 9 perak dan 12 gangsa; Rumah Cempaka 11 emas, 9 perak dan 7 gangsa, manakala Rumah Teratai 7 emas, 9 perak dan 8 gangsa.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie ketika menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang memenangi pertandingan dalam Sukan Tahunan Sekolah Menengah Sayyidina Husin Ke-2 yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



KETUA Pesuruhjaya Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Zainal Abidin diperkenalkan kepada para pengakap yang menyertai Sukan Ria Pengakap Kebangsaan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Sukan Ria Pengakap dapat sambutan

BERAKAS. - Sukan Ria Pengakap Kebangsaan mendapat sambutan yang menggalakkan dari 10 buah pasukan Persatuan Pengakap seluruh negara.

Kejohanan dilancarkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Zainal Abidin berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, 7 April lalu.

Hampir 300 peserta menyertai Sukan Ria tersebut dalam acara lari ikat kaki, baling tali, makan maggi menggunakan candas, membawa bola ping pong dalam sudu, 'jimatkan air' dan berlari dengan kuda kepang.

Pengerusi kejohanan, Awang Saifulrijal Haji Md. Hussin berkata, acara sukan berkenaan merupakan salah satu kegiatan berpengakap yang menarik jika dirancang

Oleh Samle HJ, Jait

dengan teratur.

Katanya, kegiatan pengakap tidak semestinya hanya mengendalik aktiviti-aktiviti seperti berkhemah, projek 'pioneering', mengembara dan aktiviti amal yang lain.

Sementara itu, tetamu kehormat, Awang Haji Zainal Abidin pula mengingatkan agar anggota pengakap juga mementingkan pelajaran dengan tidak mengabaikannya selain aktif melibatkan diri dalam berpengakap.

Kejohanan sukan yang dibarap untuk terus mengeratkan lagi perpaduan itu juga merupakan salah satu aktiviti yang berkesan dalam mengasuh kerja berpasukan di kalangan anggota.

ARENA SUKAN

Perlumbaan Kuda FEI/UAE World Cup

AWANG RAMLI DUDUKI TEMPAT KE-25

Oleh Haji Ahmad HS

JERUDONG. - Pelumba kuda Negara Brunei Darussalam, Awang Ramli bin Haji Mokhtal berjaya menduduki tempat ke-25 dalam Perlumbaan Kuda FEI/UAE World Cup Endurance Ride/CEI-W sejauh 130 kilometer di Dubai.

Pencapaian tersebut sekali gus mengharumkan dan meletakkan nama negara di tangga ke-25 dunia dan yang terbaik di Asia Tenggara, kerana pertama kali Negara Brunei Darussalam menyertai perlumbaan kuda bertaraf dunia.

Perlumbaan yang berlangsung ada 21 Mac lalu yang bermula 6.00 pagi dan berakhir jam 3.00 petang di padang pasir negara itu telah disertai oleh 109 pelumba dunia dan hanya 39 pelumba yang berjaya menamatkan perlumbaan tersebut termasuk peserta negara.

Awang Ramli yang menunggang Denio II dari baka Arabian telah berjaya menamatkan perlumbaan mencatat masa tujuh jam 16 minit dengan purata kelajuan 17.86 kilometer sejam.

Dengan kedudukan yang diperolehi itu, beliau menerima sebuah trofi yang disampaikan oleh Setiausaha Agung Persekutuan Equine dan Lumba Kuda Emiriah Arab Bersatu, Tuan Faizal Seddiq Al-Mutawa.

Dalam sidang akhbar di Jerudong Park Polo and Country Club, Naib Presiden Persatuan Equine Brunei (BEA), Pengiran Haji Yaakub bin Pengiran Haji Othman berkata, sejak perlumbaan kuda yang dibukakan kepada orang ramai oleh Persatuan Equine Brunei tiga tahun lalu, negara kita dapat menghantar beberapa peserta dalam acara perlumbaan kuda atau equestrian competition di luar negara termasuk menyertai Sukan SEA di Kuala Lumpur dan di Dubai baru-baru ini.

Pengiran Haji Yaakub seterusnya berkata, pihaknya akan sentiasa merancang dari masa ke semasa untuk mengembangkan lagi acara tersebut termasuk menganjurkan Pertandingan Perlumbaan Kuda dan Polo dalam acara kebesaran negara seperti Ulang Tahun Hari Kebangkitan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setiausaha Agung persatuan tersebut, Razi Yanto Hamid Joyo pula berkata, kejayaan yang dicapai oleh peserta negara dalam menyertai perlumbaan tersebut sangat membanggakan.

Beliau seterusnya menjelaskan dalam masa tiga tahun Negara Brunei Darussalam telah dapat menghasilkan peserta dalam acara tersebut. Ini katanya amat berbeza di Republik Indonesia di mana dalam masa sepuluh tahun barulah dapat menghasilkan peserta dalam acara tersebut.

Sementara Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani mengucapkan tahniah kepada peserta negara yang berjaya menduduki tempat ke-25 dalam Pertandingan Perlumbaan Kuda Piala Dunia di Dubai.

Kejayaan tersebut akan dapat menjadi pendorong

kepada para belia di negara ini untuk mengikuti jejaknya. Di samping itu Dato Paduka juga mengucapkan syabas kepada BEA di atas usaha-usaha mereka dan berharap usaha tersebut dapat diteruskan dari masa ke semasa.

Awang Ramli yang berusia 28 tahun telah melibatkan diri dengan sukan berkuda sejak tahun 1996, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak BEA di atas sokongan kuat diberikan kepadanya dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta penyumbang-penyumbang perseorangan sehingga beliau dapat menyertai pertandingan tersebut.

Beliau juga menaruh harapan akan sentiasa mengikuti latihan-latihan dari masa ke semasa yang diberikan oleh para pelatih dan berharap akan dapat menyertai sukan perlumbaan kuda di Beijing dalam tahun 2008.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh BEA, penyertaan Negara Brunei Darussalam melalui BEA ke Perlumbaan Kuda FEI/UAE World Cup Endurance Ride/CEI-W 130 kilometer di Dubai merupakan buat pertama

kali, di mana Awang Ramli telah dipilih untuk mewakili negara ini.

Awang Ramli jelas siaran akhbar itu terlibat dalam perlumbaan endurance bermula pada bulan Mei 2001 semasa menyertai sejauh 60 kilometer anjuran TJEP di mana beliau menduduki tempat kedua. Di samping itu beliau juga pernah menyertai kejohanan seperti endurance 40 kilometer mendapat tempat keempat, 80 kilometer menduduki tempat pertama.

Siaran itu menambah, semasa di Dubai, Awang Ramli telah menjalani latihan teori dan praktikal di bawah jurulatih-jurulatih dari Sepanyol, Perancis dan juga Jerman sebelum menyertai perlumbaan iaitu lima hingga enam jam sehari dan beliau juga disertai oleh Dr. Siva Nathan, Veterinary Surgeon dari TJEP.

Di samping itu semasa di Dubai beliau juga berpeluang menemui pelumba-pelumba bertaraf dunia seperti Valerie Kanavy dari AS; Sheikh Hamdan bin Mohd. Al-Maktoum dan Sheikh Ahmad bin Mohd. Al-Maktoum dari Emiriah Arab Bersatu.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani menyempahkan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Akhir Polo. - Gambar oleh Harun HR.

Pertandingan Endurance Pengiran Haji Abdul Rahman juara

Oleh Haji Ahmad HS

JERUDONG. - Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Apong menjadi juara keseluruhan dalam Pertandingan Endurance Persatuan Equine Brunei (BEA) sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 pada 7 April lalu di Jerudong Park Polo and Country Club di sini.

Pengiran Haji Abdul Rahman peserta tempatan berjaya menumpaskan tujuh peserta lain memenangi pertandingan endurance sejauh 40 kilometer dengan catatan masa tiga jam empat minit dengan purata kelajuan 13.04 kilometer/jam dan dalam

60 kilometer, beliau mencatatkan masa empat jam 39 minit dengan purata kelajuan 12.09 kilometer/jam. Pengiran Haji Abdul Rahman juga terpilih sebagai penunggang kuda terbaik dan mempunyai keadaan kuda terbaik.

Pertandingan equestrian bermula 4.00 pagi dan berakhir sekitar 7.30 pagi disertai oleh lapan peserta termasuk bekas peserta Sukan SEA di Kuala Lumpur, Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Bakar, pelumba dari JPCC Geoffrey Sim dan lain-lain.

Hadiah-hadiah dalam Pertandingan Endurance disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Sementara Pasukan RYAN Polo menjadi juara dalam Pertandingan Polo setelah berjaya menewaskan Pasukan SPHB Polo dengan jaringan 6 - 5 dalam perlawanan enam chaka. Manakala tempat ketiga disandang oleh Pasukan JPCC 2.

Hadiah-hadiah bagi perlawanan akhir tersebut disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani bin Haji Ibrahim.

Sejumlah empat pasukan menyertai perlawanan yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.



PERTANDINGAN Polo antara Pasukan RYAN Polo dan SPHB Polo yang dianjurkan oleh Persatuan Equine Brunei (BEA) sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18. - Gambar oleh Harun HR.



AWANG Ramli bin Haji Mokhtal mengharumkan nama negara dalam Perlumbaan Kuda FEI/UAE World Cup Endurance Ride/CEI-W sejauh 130 kilometer di Dubai. - Gambar oleh Harun HR.

Skuad Sepak Takraw berazam capai kejayaan

Oleh Haji Ahat HI



BARISAN pemain-pemain diberikan kata-kata perangsang oleh Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin DSLJ Haji Abas sejeurus sebelum berlepas ke Bangkok bagi menyertai Kejohanan Piala Raja Thai Ke-17 dan Kejohanan Jemputan Pertama Asia. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

SKUAD Sepak Takraw negara berazam untuk mencatatkan kejayaan yang cemerlang di Kejohanan Sepak Takraw Piala Raja Thai Ke-17 di Bangkok, Thailand, bermula 5 hingga 11 April dan berharap untuk beraksi semula dalam Bahagian Satu musim depan.

Harapan itu disuarakan oleh Pengurus Skuad Sepak Takraw, Awang Haji Abu Bakar bin Kassim sejeurus sebelum berlepas bersama enam orang pemain pada 3 April lepas.

Kejohanan yang bermula 5 hingga 11 April itu disertai oleh pasukan dari negara-negara ASEAN, Australia, Amerika Syarikat, Jepun, Republik Korea, Republik Rakyat China dan India.

Beliau menjelaskan sebarang kejayaan di kejohanan itu akan dapat menaikkan semula imej skuad negara yang ketika ini masih beraksi di Bahagian Dua kejohanan itu sejak 1997.

"Matlamat kita sekarang ialah untuk

menjuarai Bahagian Dua sebagaimana yang pernah kita capai pada penyertaan tahun 1991 melalui regu Said Bakar, Adi Duraman, Ali Haji Adi dan juga Haji Omar," jelasnya.

Menyentuh skuad kali ini pula, beliau menyatakan para pemain adalah terdiri dari gandingan lama dan baru dan kesemuanya mempunyai pengalaman yang luas beraksi di kejohanan serantau dan antarabangsa.

"Barisan pemain yang kita pilih ini adalah gandingan lama dan baru di bawah jurulatih dari Thailand iaitu Ittiphol dan melihat kepada latihan yang mereka jalani, pencapaian mereka adalah seimbang di semua segi," katanya.

Selain menyertai Kejohanan Piala Raja Thai Ke-17, skuad negara itu juga akan menyertai Kejohanan Jemputan Pertama Asia di Royang, Thailand.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan berangkat menyaksikan Pertunjukan Disney On Ice - 100 Years of Magic.

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan Pertunjukan

Disney On Ice - 100 Years of Magic.

Keberangkatan tiba baginda, Duli Yang Teramat Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif QAF di Stadium Tertutup Kom-

Berangkat saksikan Pertunjukan Disney On Ice

Oleh Abdullah Asgar

pleks Sukan Hassanah Bolkiah pada 13 April lalu.

Juga berangkat Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Disney On Ice dianjurkan oleh QAF Sendirian Berhad yang berketuhanan waktu cuti sekolah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan kanak-kanak yang meminati watak siri kartun Mickey dan Minnie Mouse, Donald Duck, Goofy, Jimmy The Cricket, Pinocchio, Beauty and The Beast, Snow White, The Seven Dwarfs, Aladdin, Mulan, Lion King, Toy Story dan The Little Mermaid.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, ketika berkenan berangkat menyaksikan Pertunjukan Disney On Ice - 100 Years of Magic.

Hubungan Brunei - Denmark erat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Margrethe II, Queen Denmark dan kepada Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II pada 16 April lalu.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara

Negara Brunei Darussalam dengan Denmark. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Margrethe II sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan

Yang Terutama dan Kerajaan serta rakyat Denmark sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Denmark. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama dan rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Asia-Eropah bekerjasama

BERAKAS. - Para Menteri Asia-Eropah mengambil maklum bahawa isu pengaliran masuk penduduk-penduduk Asia ke Eropah adalah merupakan elemen yang penting dalam hubungan di antara negara-negara Asia dan Eropah.

Perkara ini terkandung dalam Deklarasi Persidangan Menteri-menteri Asia-Eropah Mengenai Pengurusan Pengaliran Masuk Penduduk-penduduk Asia Ke Eropah (Asia - Europe Migratory Flows) yang telah diadakan di Lanzarote, Sepanyol pada 4 hingga 5 April 2002.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji

Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Memandangkan kepada keadaan tersebut, para Menteri Asia-Eropah yang menghadiri persidangan itu bersetuju untuk bekerjasama dalam pengurusan pengaliran masuk penduduk-penduduk Asia ke Eropah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persamaan, hormat-menghormati dan untuk kepentingan bersama.

Mereka juga bersetuju bagi menangani isu pengaliran masuk tersebut secara komprehensif dan seimbang dengan mengambil kira penyebab utama dan juga kesan-kesannya di negara-negara asal, persinggahan (transit) dan destinasi.

Dalam pada itu, para Menteri Asia-Eropah juga memaklumi bahawa pengaliran masuk secara haram telah menjadi cabaran bersama kepada negara-negara Asia-Eropah yang melibatkan berbagai elemen yang rumit yang antara lain ialah jurang pembangunan sosiol ekonomi di antara negara dan merebaknya kejadian jenayah terancang. Jemaah menteri Asia-Eropah menekankan supaya kerjasama antarabangsa dalam pengurusan pengaliran masuk penduduk-penduduk Asia ke Eropah hendaklah berdasarkan kepada perkongsian yang sebenarnya, di samping menghormati kedaulatan negara-negara yang terlibat.

Mereka juga bersetuju untuk bekerjasama dalam berbagai bidang termasuk perkongsian maklumat strategik dan juga meng-

adakan bantuan latihan dan teknikal. Di samping itu, Menteri-menteri Asia-Eropah bersetuju bagi mewujudkan rangkaian pegawai-pegawai penghubung bagi penyelarasan dan penyediaan mesyuarat di peringkat pakar dan juga Ketua-ketua Pengarah Imigresen.

Hasil persidangan tersebut akan dibawa ke Sidang Kemuncak Ke-4 Asia-Eropah (ASEM 4) yang akan diadakan di Copenhagen pada bulan September 2002.

Persidangan yang berlangsung di peringkat menteri itu didahului oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan yang mana Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd Yusof bin Haji Mohd. Hassan.

Jangan hanya tahu makan gaji

Dari muka 1

"Pemuda-pemudi termasuk yang berpendidikan tinggi juga diingatkan untuk membudayakan strategi ini dengan sifat rendah diri untuk mempelajari lomeh-lomeh perusahaan dan perniagaan dari peringkat bawah kerana ia merupakan asas yang perlu," tegasnya lagi.

Seramai lebih 700 orang pencari kerja hadir di perasmian tersebut.

Pertukaran dan lantikan pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Awam sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pertukaran dan lantikan pegawai-pegawai berikut:

Awang Haji Md Yusop bin Bakar, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan ditukar ke Pejabat Daerah Temburong dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong mulai dari 2 Safar 1423/15 April 2002 dan Awang Haji Mohd Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab, bekas Pemangku Pegawai Daerah Temburong di Pejabat Daerah Temburong ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 2 Safar 1423/15 April 2002.

ISI CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN DENGAN AKTIVITI BERKEBAJIKAN

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

PERKEMBANGAN dunia sejagat melalui alat teknologi yang semakin mencabar dan pengaruh musuh-musuh Islam untuk melalaikan dan melemahkan umat Islam untuk mengerjakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wataala di zaman globalisasi ini begitu ketara dan mencabar. Justeru itulah umat Islam mestilah sentiasa peka dan berwaspada dalam mengawasi taktik musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari kelemahan umat Islam. Oleh yang demikian salah satu cara dan ikhtiar untuk menentang pengaruh musuh-musuh Islam itu ialah melalui peranan dan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak khususnya pewaris umat Islam.

Peranan dan tanggungjawab ibu bapa adalah sangat penting dalam kehidupan ummah baik dalam agama, budaya, sosial dan sebagainya. Kepada ibu bapalah diserahkan untuk melahirkan generasi yang mempunyai akhlak murni dan bertakwa. Dalam Islam salah satu tugas yang penting dipikul oleh ibu bapa ialah menanamkan jiwa tauhid (agama) kepada anak-anak. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Asy Syu'araa ayat 13 yang tafsirnya :

"Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa. Iaitu tegakkan agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya."

JANGAN BERPECAH BELAH

Allah Subhanahu Wataala telah mensyariatkan tentang agama kepada umat-Nya sejak Nabi Nuh Alaihissalam. Wasiat mengenai penanam jiwa tauhid (beragama) ini berterusan

OLEH
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DURAMAN

anak-anak itu bukanlah dengan pukulan yang mencederakan atau meninggalkan kesan atau bekas kepada tubuh badan anak-anak. Pukulan ibu bapa itu adalah suatu pukulan kasih sayang sebagai seorang tua untuk mengingatkan anak-anak mereka untuk menunaikan solat dan perbuatan yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

AMANAH ALLAH

Anak-anak adalah amanah Allah Subhanahu Wataala. Justeru itu adalah menjadi satu tugas dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap ummah Islam, maka dalam hal ini ibu bapa memanglah orang yang bertanggungjawab dalam melahirkan ummah yang mempunyai akhlak murni dan bertakwa. Sebagai contoh anak-anak diibaratkan kain putih yang bersih, terserahlah kebijaksanaan ibu bapanya untuk mencorakkan kain putih yang bersih itu, jikalau cantik dan menarik corak yang dibuat oleh ibu bapanya tentulah akan mendapat penghargaan dan penghormatan bukan hanya dari manusia tetapi yang paling afdal penghormatan dan rahmat itu datangnya dari Allah Subhanahu Wataala. Tetapi sebaliknya kalau corakan ibu bapanya itu buruk, perbuatan ini bukan hanya menimbulkan kebinasaan dan ejekan oleh manusia, tetapi yang paling kita takuti ialah laknat dan kemurkaan dari Allah Subhanahu Wataala jua. Perihal pembentukan akhlak dan takwa seseorang anak oleh ibu bapanya telah dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Perintah anak-anakmu melakukan solat ketika berumur tujuh tahun. Dan pukullah mereka apabila meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkan dari tempat tidur."

Perintah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu jelas kepada umat Islam supaya mendidik dan melatih anak-anak mereka bersolat sejak berumur tujuh tahun. Ibu bapa hendaklah memukul sekiranya anak-anak meninggalkan solat sewaktu berumur sepuluh tahun, memukul

Yahudi atau Nasrani atau Majusi."

Semua orang sukakan anak-anak mereka mempunyai akhlak yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala. Maka untuk itu, peranan ibu bapa sangat penting dalam menanamkan nilai-nilai akhlak yang murni kepada anak-anak. Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah menjadi contoh dan teladan yang baik kepada anak-anak. Sebagai misalan, mereka mestilah membawa anak-anak solat berjemaah, menyuruh anak-anak berpuasa dan lain-lain. Kita tidak mahu, ada di kalangan ibu bapa yang hanya pandai menyuruh anak-anaknya bersolat, berpuasa sedangkan mereka tidak pernah melakukan atau menunaikan perintah Allah itu. Terdapat juga di kalangan ibu bapa 'malastahkan ingau' terhadap anak-anak mereka dalam menunaikan perintah Allah. Kita tidak mahu diperkatakan seperti 'ketam mengajar anaknya supaya berjalan betul sedangkan dia sendiri tidak berjalan betul'.

Kepimpinan ibu bapa sebagai contoh dan teladan kepada anak-anak sangat penting dalam mengembangkan dan menyemarakkan amalan-amalan yang diperintahkan dalam agama Islam. Ibu bapa yang lalai atau 'inda ingau' terhadap anak-anak untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala boleh dikatakan 'harapkan sokong, sokong membawa rebah'. Kalau perangai dan sikap ini terjadi di kalangan ibu bapa Islam, maka akan pudarlah kegemilangan agama Islam. Kita mengharapkan golongan ibu bapa, supaya mendidik dan mengasuh serta memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak dari dalam kandungan lagi. Ke-

rana anak-anak adalah bakal penyambung silaturrahim kita dengan Allah Subhanahu Wataala untuk menegakkan syiar Islam.

Dari Ibnu Umar Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Apabila mati seseorang manusia terputuslah amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang salih yang berdoa untuknya."

Daripada hadis tersebut dapat menjelaskan kepada kita sesungguhnya ada tiga perkara yang menjadikan peninggalan manusia apabila mereka meninggal dunia iaitu sedekah jariah atau sumbangan-sumbangan derma yang ikhlas, ilmu yang dituntut kemudian dimanfaatkan kepada jalan Allah serta memperoleh anak salih yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapanya. Didikan untuk memperoleh anak-anak yang salih inilah sangat-sangat digalakkan dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala, kerana kita tidak mahu melahirkan anak yang dianggap sebagai 'kacang luputan kulit'.

KASIH SAYANG

Sebagai manusia yang mempunyai naluri semula jadi, anak-anak sangat memerlukan belaian kasih sayang dan kehalusan jiwa yang tidak berkesudahan sejak mereka dilahirkan. Ibu bapa mestilah menanamkan perasaan kasih sayang kepada anak-anak melalui didikan dan asuhan. Anak-anak yang sudah dilatih dan diasuh dengan didikan kasih sayang, insya-Allah akan dapat memiliki rasa kemanusiaan yang tinggi menjadikan dirinya sebagai orang yang disenangi dan dikagumi oleh orang lain dan manusia sejagat. Selain daripada itu anak-anak juga dilatih supaya bersikap taat, sopan, rajin, bercakap benar, tidak sombong, benci ke-

pada permusuhan dan tidak menyakiti orang lain, mudah memberi maaf, menghormati sesama manusia dan lain-lain. Implikasi daripada didikan ibu bapa ini akan dapat menangani masalah ummah sejagat seperti tidak pilih kasih, memelihara hak asasi manusia sentiasa terjamin, bantu-membantu, bertimbang rasa dan lain-lain. Semua amalan-amalan ini adalah dengan petunjuk jua.

Salah satu peranan yang penting dalam menyemarakkan agama Islam ialah melalui keluarga, kerana ke-sejahteraan dan keharmonian hidup dalam sebuah keluarga merupakan sebagai tapak atau asas dalam pembentukan ummah dan takwa kepada Allah. Agama Islam sangat mengambil berat terhadap kehidupan berkeluarga. Ibu bapa adalah merupakan pemimpin dalam keluarga. Bagi seorang ayah atau bapa tugas dan perannya ialah menanggung sara hidup isteri dan anak-anak dengan memberikan ilmu dan menyediakan pakaian, makan, minum serta tempat tinggal mengikut kemampuannya. Sementara isteri atau ibu pula mempunyai peranan dan tanggungjawab menjaga dan memelihara amanah, harta, anak-anak dan dirinya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Asy Syu'araa ayat 214 yang tafsirnya:

"Jagalah diri kamu dan ahli waris kamu dari api Neraka."

Allah telah memerintahkan kita umat Islam supaya menjaga dan mengawasi keturunan generasi kita daripada melakukan perbuatan-perbuatan mungkar dan maksiat, sesungguhnya melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang dan ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala itu sudah pasti akan menjuruskan mereka masuk ke dalam api Neraka. Inilah peringatan yang keras daripada Allah kepada umat Islam. Oleh yang demikian, ibu bapa

hendaklah mengambil iktibar daripada firman tersebut.

Anak-anak adalah menjadi lambang dan keagungan kita sebagai generasi penyambung terhadap perjuangan dan cita-cita yang murni untuk menunaikan perintah Allah Subhanahu Wataala. Kejayaan ibu bapa membentuk anak-anak sebagai ummah yang berakhlak dan bertakwa terhadap Allah Subhanahu Wataala adalah sebagai perjuangan untuk menegakkan dan mengukuhkan kecemerlangan agama Islam ke arah yang lebih berjaya dan unggul dalam menangani permasalahan kehidupan manusia sejagat.

Tetapi kecemerlangan dan keagungan agama Islam akan musnah sekiranya ibu bapa tidak dapat membentuk anak-anak menjadi ummah yang berakhlak dan bertakwa. Ummah yang tidak berakhlak dan bertakwa terhadap Allah Subhanahu Wataala itu, hanyalah sebagai prejudis yang menjatuhkan martabat manusia yang lebih rendah daripada haiwan. Mengapa tidak! Anak-anak yang tidak berakhlak dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala, hanyalah akan menyusahkan kedua ibu bapanya dan ummah yang lain, anak-anak ini akan mudah terjerumus kepada gejala-gejala yang buruk seperti mereka menjadi orang yang ingkar kepada suruhan Allah Subhanahu Wataala. Mereka akan menjadi perosak negara, ummah dan agama iaitu dengan melakukan jenayah, penipuan, penzina, pemabuk, penagih najis dadah, tidak amanah dan lain-lain. Kelakuan anak-anak seperti inilah, yang akan meruntuhkan agama Islam dan membawa keharmonian dalam hidup yang tiada berpedoman. Justeru itulah kita melihat peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik, mengasuh dan membimbing anak-anak sangat penting bagi melahir-

kan generasi yang berakhlak dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala demi untuk kecemerlangan agama Islam. Ibu bapa pula janganlah suka menyalahkan orang lain, jika anak-anak mereka berkelakuan mungkar sebagai mana kata pepatah Melayu 'jika tidak tahu menari, janganlah dikatakan tanah tinggi rendah'. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Ashr' ayat 1 hingga 3 yang tafsirnya :

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalannya salih, nasihat-menasihati dengan kebenaran dan menasihati dengan kesabaran."

Demikianlah Allah Subhanahu Wataala memperingatkan manusia sesungguhnya mereka sentiasa dalam kerugian, kerana dilalakan atau sengaja dilupakan dengan kenikmatan dunia, harta dan anak-pinak. Kita sebagai manusia mestilah nasihat-menasihati antara satu dengan yang lain sebagai mengingatkan diri kita daripada kealpaan dan kelalaian oleh keduniaan.

Allah Subhanahu Wataala telah menyeru kepada manusia termasuklah ibu bapa supaya beriman dan bertakwa kepada-Nya, kerana iman akan mendorong manusia bersifat jujur, adil, bertimbang rasa, pemurah, tolong-menolong, reda, pe-maaf, mudah meminta maaf, sabar, tawakal, berlapang dada, berkasih sayang, merendah diri, berbaik sangka dan sebagainya.

Jelas peranan ibu bapa dalam melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala sangat penting untuk membangunkan ummah yang kuat dan padu serta dapat menegakkan syiar Islam ke arah yang lebih cemerlang.

Sastera & Budaya

Apakah yang dikatakan keluarga dalam masyarakat Melayu ?

PENGENALAN

MENURUT Burges, Locke dan Thomes 'keluarga' ialah satu kelompok manusia yang mempunyai ikatan perkahwinan, ikatan darah atau mempunyai hubungan angkat; menganggotai sebuah rumah; berhubung antara satu sama lain berdasarkan peranan sosial masing-masing, sebagai suami dan isteri, ibu dan bapa, anak laki-laki dan anak perempuan, kakak dan adik; dan mewujudkan serta mengekalkan satu budaya yang sama.

Murdock pula mendefinisikan keluarga sebagai salah satu kelompok sosial yang mempunyai ciri-ciri penempatan yang sama, kerjasama ekonomi dan pengembangan zuriat. Di dalamnya terdapat orang-orang dewasa daripada kedua-dua jantina dan sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka terdiri daripada pasangan perkahwinan yang telah diterima umum. Mereka ini juga mungkin telah memperolehi anak, sama ada anak sendiri ataupun anak-anak angkat.

Dari definisi di atas, jelas kepada kita bahawa sesuatu keluarga itu tidak akan lengkap sekiranya tiga unsur utama tidak wujud iaitu bapa, ibu dan anak. Hakikatnya, keluarga itu adalah merupakan sebagai suatu institusi sejagat hasil daripada perkahwinan yang disebut sebagai keluarga asas. Oleh yang demikian, keluarga itu ialah satu sosial yang sehabis kecil bilangannya mengandungi ibu dan bapa serta anak yang tinggal di dalam sebuah rumah yang sama. Namun suatu kelompok keluarga asas akan menjadi semakin besar dengan terbentuknya keluarga-keluarga luas. Keadaan ini akan berlaku secara tidak putus-putus sehingga melepasi beberapa generasi. Namun budaya yang sama seperti cara hidup, bahasa, agama, adat resam termasuk nilai dan pemikiran dalamerti yang umum dan menyeluruh tetap diamalkan.

BAGAIMANA KELUARGA WUJUD?

Dalam masyarakat Melayu, proses permulaan membina keluarga itu ialah dengan ikatan perkahwinan yang dilafazkan melalui akad nikah. Ianya adalah sebagai penerimaan masyarakat terhadap hak seorang lelaki dan seorang perempuan untuk tinggal bersama sebagai suami isteri yang sah. Perkahwinan merupakan penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan dan zuriat yang dilahirkan oleh si perempuan diakui sebagai anak kepada kedua-dua pihak. Jadi, mulai detik itulah mereka digelar sebagai sebuah keluarga. Dalam masyarakat Melayu, upacara perkahwinan itu dimulakan dengan akad nikah. Selepas itu, upacara membatalkan air sembahyang dan seterusnya bersanding. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu itu berkahwin dengan berlandaskan ajaran agama Islam.

FUNGSI KELUARGA

Dalam sesebuah keluarga, anggota menjalankan pe-

OLEH NOR YAT

ranan masing-masing untuk memenuhi fungsinya dalam kalangan keluarga tersebut. Contohnya, seseorang lelaki bukan sahaja berperanan sebagai seorang bapa, tetapi dia juga adalah ketua rumah tangga, pencari nafkah, penyelaras disiplin dan sebagainya. Begitu juga seorang perempuan dan anak-anak yang masing-masing dengan peranannya tersendiri. Menurut Ogburn dan Nimkoff, fungsi keluarga dapat dibahagikan ke dalam tujuh aspek iaitu ekonomi, pendidikan, keagamaan, perlindungan, rekreasi, pemberian status dan fungsi kemesraan. Sebagai contoh, melalui fungsi pendidikan ialah memberikan pendidikan informal seperti penerapan nilai-nilai luhur, bimbingan, tunjuk ajar supaya boleh menjadi ahli masyarakat yang baik. Misalnya ibu bapa akan mendidik anaknya supaya bersopan santun, taat kepada agama, guru dan ibu bapa. Inilah nilai-nilai luhur orang-orang Melayu Brunei sejak dahulu lagi. Pendidikan informal ini akan dilakukan secara berterusan.

BENTUK DAN ORGANISASI KELUARGA

Sistem keluarga terbahagi kepada dua, iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Setiap keluarga dalam masyarakat apa-

pun, tetap akan bermula dari keluarga asas iaitu yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak yang masih belum berkahwin. Atau mungkin ibu dan anak-anaknya (suami bercerai, mati atau dalam perkahwinan poligami bila bapa tidak menetap dalam satu keluarga). Dari keluarga asas, ia akan menjadi sebuah keluarga luas yang terdiri daripada ibu, bapa, anak-anak yang telah berkahwin dan anak-anak mereka serta yang masih bujang, meliputi dua, tiga generasi atau lebih. Sementara itu, keluarga bergabung pula ialah apabila beberapa keluarga asas dari pelbagai pihak tinggal dalam suatu kelompok kediaman.

Sistem persanakan atau 'berdangansanak' bagi masyarakat Melayu Brunei adalah dari jenis dwisisi (bilateral) iaitu yang tidak menentukan perwarisan keturunan kepada nasab ibu (matrilini) atau nasab bapa (patrilini). Ini bererti jurai keturunan dwisisi ini menunjukkan hubungan individu yang sama rapat di antara keluarga sebelah bapa ataupun keluarga sebelah ibu. Sistem seperti ini adalah salah satu ciri Adat Temenggung yang juga sesuai dengan ajaran Islam yang menganggap semua saudara daripada kedua pihak (ibu dan bapa) mempunyai taraf dan hak yang sama.

Sistem dwisisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Brunei yang tidak mengira persanakan dari satu pihak sahaja

adalah supaya tidak terdapat pembahagian ke dalam kelompok zuriat atau suku seperti yang terdapat dalam adat perpatih. Ianya juga menghindarkan tekanan ke atas keluarga dalam soal tempat kediaman, wibawa dan hak kawalan, juga peraturan-peraturan perkahwinan. Walau bagaimanapun, soal autoriti kawalan pada umumnya juga adalah sesuai dengan sistem Adat Temenggung dan ajaran Islam yang memberikan hak dan tanggungjawab kepada lelaki, iaitu suami atau bapa. Tetapi kuasa dan autoriti itu dihadkan oleh lain-lain peraturan berupa adat, kemanusiaan dan ajaran agama Islam. Hak perwarisan misalnya adalah mengikut Hukum Faraid yang memberikan bahagian-bahagian tertentu kepada lelaki dan perempuan.

ISTILAH-ISTILAH PANGGILAN DALAM KELUARGA

Satu aspek yang umum dan penting dalam hubungan persanakan ialah dengan adanya sistem atau panggilan yang digunakan oleh ahli-ahli keluarga. Istilah-istilah itu mendapat kedudukan yang mantap, difahami dan dihayati oleh anggota-anggota sanak tersebut.

Dalam sesebuah keluarga terdapat istilah panggilan yang membezakan antara adik-beradik yang tua dengan yang muda, misalnya panggilan untuk adik beradik yang tua ialah abang, kakak, kak Ina dan lain-lain. Manakala yang lebih muda (adik-adik), disapa dengan nama, singkatan nama, nama timangan dan sebagainya. Selain dari itu, terdapat juga istilah-istilah tertentu bagi panggilan untuk bapa atau ibu saudara. Umumnya terdapat tujuh panggilan iaitu tua, basar, tengah, iring, uda, damit/amit dan bungsu atau uncu. Kepada sanak-sanak sepupu, istilah rujukan yang digunakan ialah berdasarkan jauh dan dekatnya hubungan itu; saudara sepupu, saudara dua pupu, tiga pupu dan lain-lain. Bagi anak yang diambil sebagai 'anak angkat', ia dirujuk sebagai keluarga angkat. Sementara persanakan yang lebih jauh, seseorang mungkin dirujuk sebagai 'saudara anjing' atau 'seperadian kuyuk' dalam istilah masyarakat Melayu Brunei.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, jelas di sini bahawa keluarga itu adalah kelompok manusia yang paling kecil bilangannya daripada kelompok sebuah bangsa, masyarakat dan negara. Ianya juga mengandungi banyak fungsi yang utama ke arah pembentukan moral dan sebagainya. Sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu itu juga unik dan penuh dengan kemesraan dalam berdangansanak. Melalui keluarga juga, kebudayaan itu dapat diperteruskan secara turun temurun. Keluargalah yang mengambil peranan penting dalam menyalurkan budaya, adat, agama dan kepercayaan kepada kelompok keluarga dan generasinya yang seterusnya. Sistem keluarga dalam masyarakat Melayu juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu itu adalah sebuah masyarakat yang bertanggungjawab serta berkebudayaan.

RUJUKAN

Burges, E. W, H.J. Locke & M.M. Thomes. 1971. *The Family: From Traditional to Companionship*. Von Nostrand Reinhold Co.

Murdock, G.P., 1947 *Social Structure* New York: Macmillan Press.

Ogburn, W.F dan M.F. Nimkoff, 1985. *Technology dan Changing Family*. Washington DC: Smithsonian Institution.

DALAM masyarakat Melayu, proses permulaan membina keluarga itu ialah dengan ikatan perkahwinan yang dilafazkan melalui akad nikah. Ianya adalah sebagai penerimaan masyarakat terhadap hak seorang lelaki dan seorang perempuan untuk tinggal bersama sebagai suami isteri yang sah. Perkahwinan merupakan penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan dan zuriat yang dilahirkan oleh si perempuan diakui sebagai anak kepada kedua-dua pihak. Jadi, mulai detik itulah mereka digelar sebagai sebuah keluarga. Dalam masyarakat Melayu, upacara perkahwinan itu dimulakan dengan akad nikah. Selepas itu, upacara membatalkan air sembahyang dan seterusnya bersanding. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu itu berkahwin dengan berlandaskan ajaran agama Islam.

Agama Islam ubat mujarab pesakit jiwa

BERTAKWALAH tuan-tuan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kebanyakan orang terlalu resah dan gelisah apabila ia menghadapi penyakit, baik penyakit itu ringan sahaja apatah lagi yang berat-berat yang menyebabkan tubuh badan dan perasaan menderita kesakitan.

Sementara itu orang selalu lupa, bahkan ada yang tidak mahu langsung mepedulikan jenis-jenis penyakit yang tidak ketara, yang tidak nampak seperti nampaknya pekong atau bisul pada kulit, nampaknya kesan-kesan penyakit batuk kering, penyakit kuning dan sebagainya melalui tanda-tanda tertentu pada tubuh badan si sakit. Pada hal penyakit-penyakit yang tidak nampak itu ada yang lebih besar mudarat dan bahayanya daripada yang nampak.

Penyakit yang kita maksudkan ialah penyakit jiwa, ada bermacam-macam jenis penyakit jiwa itu selain gila. Dan pada lazimnya jika penyakit itu dibiarkan sahaja akan membahayakan diri seorang penghidapnya. Bahkan juga boleh membahayakan orang lain, membahayakan masyarakat ramai. Sebab itulah agama Islam sebagai sifatnya penawar yang mujarab jika diamalkan, setelah mentadibir dan merawat umatnya dengan kaedah-kaedah kejiwaan yang sangat halus dan tepat. Seperti antara penyakit jiwa yang merbahaya itu ialah penyakit tidak pandai menghargai rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wataala, atau lebih tegas penyakit suka memandang ke atas tidak mahu melihat ke bawah. Baik disadari atau tidak, penyakit yang semacam inilah biasanya membawa orang lupa daratan, lupa akan Allah


Subhanahu Wataala. Sebagai contoh oleh kerana suka memandang ke atas, membanding-banding dirinya dengan orang lain yang lebih tinggi, lebih berpangkat dan lebih kaya daripadanya. Maka jadilah ia seorang yang tidak pernah reda di atas pemberian Allah Subhanahu Wataala kepadanya.

Pada lazimnya orang yang tidak pernah reda dengan pemberian Allah Subhanahu Wataala kepadanya itu ialah orang-orang yang tamak, rakus dan pendengki yang sentiasa mencari jalan, dengan tidak mengira baik buruk asalkan hajatnya sampai, tidak mahu melihat orang lain senang atau bahagia, walaupun kiranya terpaksa mengorbankan orang lain.

Perlumbaan dalam kehidupan tidaklah salah asalkan sahaja menurut lunas-lunas yang betul di dalam agama. Tetapi perlumbaan yang didasarkan semata-mata atas perasaan tidak puas hati, perlulah dihalusi supaya jangan sampai menjadi tindakan memprotes atau membantah kurnia Allah Subhanahu Wataala. Oleh kerana itu marilah kita sama-sama memujuk diri kita kiranya ada terasa perasaan-perasaan kurang bersyukur itu menyelinap dalam hati dan sanubari kita, supaya lekas-lekaslah kita mengatasi dan mengubahnya. Dan ubat itu sudah pun sedia ada sebagaimana sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam riwayat Imam Muslim daripada Abi Hurairah Radiallahuanhuma yang maksudnya kira-kira:-

Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"*Pandanglah orang-orang yang dibawah kamu, jangan pandang orang-orang yang di atas kamu. (Maka dengan cara begini) adalah amat baik supaya kamu tidak menolak nikmat Allah ke atas kamu.*"



PADA lazimnya orang yang tidak pernah reda dengan pemberian Allah Subhanahu Wataala kepadanya itu ialah orang-orang yang tamak, rakus dan pendengki yang sentiasa mencari jalan, dengan tidak mengira baik buruk asalkan hajatnya sampai, tidak mahu melihat orang lain senang atau bahagia, walaupun kiranya terpaksa mengorbankan orang lain.

Tidak diragukan lagi, melakukan cara-cara yang dianjurkan oleh Rasulullah ini akan menyelamatkan jiwa kita dari segala penyakit hasad dengki, cemburu dan tamak. Serta ianya akan menjadikan kita orang-orang yang berakal, dapat berfikir dengan memandang orang-orang sakit, buta, bisu dan lain-lain malapetaka serta fakir miskin, sedang kita sendiri selamat dari yang demikian itu, maka bukankah dari segi ini, kita masih lebih beruntung dari mereka yang disebutkan tadi? Dan apakah yang kita alami dari segi perasaan selepas berfikir demikian, jika bukan tunduk memuji, bertasbih dan bersyukur kepada Allah di atas nikmat kurnia-Nya kepada kita, yang rupanya adalah lebih besar dari yang diberikan kepada orang-orang tadi. Inilah namanya bahagia, bahagia yang dipancarkan dari perasaan penuh reda di atas limpah kurnia Allah, sama ada kurnia-Nya itu banyak atau sedikit.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 96 yang tafsirannya:

"Dan Tuhan berfirman lagi: Sekiranya penduduk negeri ini beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan Rasul Kami lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 4 صفر، 1423 برسان 17 افريل، 2002 هينك كهاري ثلاث، 10 صفر، 1423 برسان 23 افريل، 2002 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
صفر									لفريل
4	12.22	3.31	6.27	7.38	4.45	4.55	6.13	6.36	17
5	12.21	3.32	6.27	7.38	4.45	4.55	6.12	6.36	18
6	12.21	3.32	6.27	7.38	4.44	4.54	6.12	6.36	19
7	12.21	3.32	6.27	7.38	4.44	4.54	6.12	6.35	20
8	12.21	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.35	21
9	12.20	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.35	22
10	12.20	3.33	6.27	7.38	4.42	4.52	6.11	6.34	23

وقت 2 سبهيخ باكي دائره توتونغ ديمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمبه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 تهازي.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

DAGING AQIQAH

DAGING aqiqah digalakkan supaya tidak disedekahkan dalam keadaan mentah,

bahkan disunatkan supaya dimasak terlebih dahulu dengan sedikit rasa manis walaupun aqiqah itu aqiqah nazar. (Bughyah al-Mustarsyidin: 258 dan Mughni al-Muhtaj: 4/370). Ini kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam suka pada yang manis, sebagaimana dalam hadis daripada 'Aisyah Radiallahuanha katanya:

Maksudnya: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam suka yang manis dan madu."

(Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi, Ibnu Majah dan ad-Darimi).

Tujuannya ialah untuk bertafa'ul (menaruh harapan baik) terhadap keelokan perangai dan budi pekerti anak yang diaqiqahkan.


Adapun jika dimasak dengan tidak ada rasa manis seperti dimasak dengan rasa yang masam, maka tidaklah ianya menjadi makruh kerana tidak

ada larangan mengenainya.

Kemudian daging yang telah dimasak itu diberi makan kepada fakir miskin, sama ada dengan dihantar masakan itu ke rumah-rumah mereka atau dijemput mereka itu hadir makan di rumah tempat ber-aqiqah. Namun yang lebih afdal adalah dihantar masakan tersebut ke rumah-rumah orang fakir miskin.

Adapun pangkal paha kambing di sebelah kanan sunat disedekahkan dalam keadaan men-

Aqiqah dan hukum yang berkaitan dengannya



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

tah kepada bidan yang menyambut kelahiran anak tersebut. (Bughyah al-Mustarsyidin: 258). Ini kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh puteri Baginda Sayidatina Fatimah Radiallahuanha melakukan yang demikian itu dengan sabda Baginda:

Maksudnya: "Timbanglah rambut Husain dan sedekahkan perak dengan seberat timbangan rambutnya itu dan berikan kepada bidan kaki aqiqah."

(Hadis riwayat al-

Hakim).

Sementara itu, sunat bagi orang yang ber-aqiqah memakan sebahagian kecil daripada daging binatang yang diaqiqahkan, selagi mana aqiqahnya itu bukan aqiqah wajib (aqiqah nazar) atau aqiqah kerana wasiat.

Demikian juga, daging aqiqah itu sunat dihadiahkan kepada orang kaya, dan dia memiliki apa yang dihadiahkan kepadanya itu. (Mughni al-Muhtaj: 4/370). Dengan maksud memiliki itu adalah orang kaya tersebut boleh memakan atau menjualnya. Akan tetapi daging aqiqah itu haram diberi atau dijual kepada orang kafir.

Dalam hal memakan, menyedekah dan menghadiahkan daging aqiqah tersebut sama keadaannya dengan korban.

Semasa memotong daging disunatkan supaya jangan dipecah-pecahkan tulang binatang aqiqah itu, bahkan disunatkan

Bilangan 135 Bahagian Keempat

supaya mengasingkan tulang-tulang itu mengikut sendi-sendinya. Sebagaimana dalam hadis daripada 'Aisyah Radiallahuanha katanya:

Maksudnya: "Afdal bagi anak lelaki dua ekor kambing yang sama keadaannya dan bagi anak perempuan seekor kambing. Dipotong anggotanya (binatang) dan jangan dipecah-pecah tulangnya."

(Hadis riwayat al-Hakim).

Ini bertujuan untuk bertafa'ul (menaruh harapan baik) terhadap tulang anak itu nanti tidak pecah dan tidak patah sebagaimana tidak pecah dan tidak patahnya tulang-tulang binatang aqiqah itu.

Adapun jika dipecah-pecahkan tulang aqiqah itu, maka tidaklah ianya menjadi makruh akan tetapi hanyalah meny-

lahi yang utama (khilaf al-awla). (Al-Majmu': 8/322)

AQIQAH NAZAR

Apa yang dimaksudkan dengan aqiqah nazar itu sama keadaannya dengan korban nazar. Iaitu binatang sembelihan bagi aqiqah itu menjadi wajib apabila ia dinazarkan, sama ada nazar itu nazar yang sebenar (nazar hakikat) ataupun nazar dari segi hukum sahaja, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya: "Sesiapa yang bernazar untuk mentaati Allah, maka hendaklah dia mentaatinya."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Apa yang dimaksudkan dengan nazar yang sebenar itu adalah dengan menyebut nama Allah atau menggunakan perkataan 'nazar'. Sebagai contoh orang yang ber-aqiqah itu berkata: "Demi Allah wajib ke atasku menyembelih kambing

ini sebagai aqiqah", ataupun dia berkata: "Aku bernazar untuk menyembelih kambing sebagai aqiqah anakku".

Adapun bernazar dari segi hukum sahaja seperti seseorang itu berkata: "Aku jadikan seekor kambing yang aku pegang ini untuk aqiqah anakku", ataupun dia berkata: "Ini adalah aqiqah anakku", maka dianggap sama seperti bernazar yang sebenar kerana dia telah menentukan (ta'yin) binatang tersebut. (Tanah ath-Thalibin: 2/526).

Oleh itu, menurut Ibnu Hajar bahawa aqiqah wajib yang disebabkan oleh nazar atau ta'yin itu wajib disedekahkan kesemuanya dengan mentah. (Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj: 9/372). Sementara menurut Khatib Syarbini dan ar-Ramli bahawa tidak wajib disedekahkan kesemuanya dalam keadaan mentah bahkan sunat dimasak. (Nihayah al-Muhtaj: 8/146-147 dan Mughni al-Muhtaj: 4/370).

Bersambung

ANAK-ANAK merupakan anugerah dan amanah Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendakinya. Oleh itu menjadi kewajipan terhadap kedua ibu bapa agar memelihara bukan sahaja memberi mereka makan dan minum, pakaian, kesihatan, tetapi yang lebih penting lagi ialah memberi mereka pendidikan dan ilmu pengetahuan. Melalui pendidikan ilmu dan juga akhlak yang mulia kepada anak-anak, insya-Allah kelak mereka itu akan menjadi anggota masyarakat Islam yang beriman dan sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Cita-cita dan harapan tersebut tidak akan menjadi kenyataan sekiranya ibu bapa jahil dengan peranan ini, apatah lagi gagal menjadikan diri ibu bapa itu sendiri sebagai seorang Muslim atau Muslimah yang beriman dan bertakwa kepada Allah. Ibu bapa hendaklah terlebih dahulu menjadikan diri masing-masing

Kewajipan mendidik anak-anak menurut Islam

sebagai contoh teladan yang baik dalam semua segi kepada anak-anak.

Islam telah memberi prinsip panduan kepada ibu bapa atau pendidik iaitu mengutamakan pendidikan akidah dan keimanan kepada anak-anak, menamakan keyakinan yang mendalam ke dalam hati dan pemikiran mereka agar dengan demikian akan menjadi perisai dan pengawal daripada mereka itu terjerumus dengan gejala-

gejala yang tidak sihat dari suatu yang menyalahi hukum syarak. Hanya melalui didikan iman dan Islam satu-satunya jalan yang akan meletakkan manusia kepada keredaan dan pemeliharaan Allah di dunia dan di akhirat.

Kepentingan pendidikan akidah kepada anak-anak dilihat di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan: supaya menyambut kedatangan

anak damit yang baru dilahirkan dengan seruan azan dan iqamah supaya suara yang menyusuk masuk melalui telinga anak damit itu akan menembusi hati nuraninya dengan kalimah-kalimah tauhid dan kalimah yang mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wataala.

Bagi mendapat kesan dan natijah yang baik dan sempurna terhadap proses mendidik anak-anak, ibu bapa hendaklah memamerkan contoh teladan yang baik, nasihat yang berguna, tunjuk ajar yang berkesan dan bersabar menghadapi tabiat dan naluri kanak-kanak. Amat malang jika sekiranya ibu bapa hanya menyuruh anak-anak melakukan salat atau melakukan kebaikan, sedangkan mereka melupai diri mereka sendiri,

gagal menunjukkan teladan yang baik, tidak ada perasaan kasih sayang yang mendalam, bersikap kasar dan bengis terhadap anak-anak, tidak mengambil tahu dengan siapakah dia berkawan serta membenarkan pergaulan bebas lelaki dan perempuan.

Amat malang lagi sekiranya pasangan suami isteri sendiri sentiasa bergaduh, tidak ada kebahagiaan rumah tangga, menjadikan rumah tangga sentiasa bergolak dan tidak aman. Jika begitu keadaannya, bagaimanakah untuk mewujudkan ketenteraman dan kesejahteraan kepada anak-anak?

Di zaman sekarang terdapat tanda-tanda menunjukkan sebahagian ahli masyarakat kita kurang mengambil perhatian berat terhadap didikan Islam

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

kepada anak-anak. Mereka beranggapan pendidikan Islam tidak memberi pulangan ekonomi kepada keluarga. Oleh kerana itulah sesetengah ibu bapa lebih mengambil berat pengetahuan keduniaan yang bersifat fardu kifayah semata-mata, pengajaran Al-Quran mula diabaikan, fardu ain ala kadar sahaja. Dengan demikian menyebabkan terdapat anak-anak masyarakat Islam telah menunaikan salat dengan sempurna, tidak tahu membaca doa dan ada sesetengahnya pula tidak mengenal batas-batas hukum syarak.

Oleh itu marilah kita menyemak kembali pe-

ranan kita sebagai ibu bapa, lebih-lebih lagi sebagai anggota masyarakat Islam mengenai peranan dan tanggungjawab kita terhadap pendidikan Islam kepada anak-anak kerana bermula daripada anak-anak inilah akan menjadi belia yang akan mewarisi masyarakat seterusnya. Sekiranya mereka itu mempunyai akhlak yang rosak akan menggambarkan keadaan masyarakat kita di masa akan datang juga akan rosak. Sekiranya mereka itu berakhlak mulia, insya-Allah masyarakat akan menjadi mulia dan negara akan menjadi aman dan makmur di masa akan datang.

AMAT malang lagi sekiranya pasangan suami isteri sendiri sentiasa bergaduh, tidak ada kebahagiaan rumah tangga, menjadikan rumah tangga sentiasa bergolak dan tidak aman. Jika begitu keadaannya, bagaimanakah untuk mewujudkan ketenteraman dan kesejahteraan kepada anak-anak.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria meninjau secara lebih dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan serta perkembangan dan kemajuan Pejabat Telekom dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian Perhubungan di Daerah Belait.



Menteri Perhubungan tinjau kemudahan yang disediakan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria meninjau perkembangan teknologi perhubungan yang terdapat di Sungai Duhun, Kuala Belait sambil menerima penerangan ringkas dari seorang pegawai di Jabatan Telekom.

KUALA BELAIT. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Daerah Belait bagi menyaksikan secara dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan di daerah itu pada 28 Mac lepas.

Lawatan bermula dengan Majlis Muzakarah bersama Penghulu dan Ketua-ketua Kampung di Mukim Labi yang berlangsung di Pejabat Pos dan Telekom Cawangan Labi.

Semasa di sana, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah meninjau secara dekat mengenai kemudahan yang disediakan serta perkembangan dan kemajuan Pejabat Pos dan Telekom Cawangan Labi.

Dalam perjalanan menuju ke Sungai Tujoh

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Halim Haji Sulaiman

dari Labi, Yang Berhormat telah singgah dan menyaksikan kemudahan yang terdapat di Stesen Pemancaran Kampong Sungai Mau dan sekali gus mencuba membuat panggilan keluar negeri.

Semasa berada di Sungai Tujoh, Menteri Perhubungan telah menyaksikan mengenai pengendalian 'weigh-bridge' yang terdapat di sana.

Dari Sungai Tujoh, Yang Berhormat kemudiannya mengadakan lawatan ke beberapa jabatan yang terdapat dalam Kementerian Perhubungan antaranya Jabatan Pelabuhan, Jabatan Laut, Jabatan Pengangkutan Darat dan Pejabat Pos di daerah itu.

Sebelum menamatkan lawatan, Yang Berhormat telah singgah bagi meninjau perkembangan teknologi perhubungan maklumat (ICT) yang terdapat di Sungai Duhun.

65 kesalahan dalam 'OPS Sepadu PPJ4'

JERUDONG. - Sebanyak 65 kes kesalahan lalu lintas termasuk kesalahan-kesalahan memandu tanpa lesen, tidak menampal cukai jalan, tayar keluar dari madgad, ukuran plet pendaftaran tidak mengikut peraturan merupakan antara kesalahan-kesalahan yang didapati dalam operasi bersepadu 'OPS SEPADU DPJ4' yang diadakan pada 26 Mac lalu.

Operasi yang bermula pada jam 9.00 malam hingga lewat tengah malam itu tertumpu di beberapa kawasan seperti Daerah Polis Jerudong, kawasan Daerah Polis Brunei, Daerah Polis Tutong dan Daerah Polis Berakas.

Selain Pasukan Polis Diraja Brunei yang diketuai oleh DSP Haji Mohd. Hassan, operasi kali ini telah menggabungkan tenaga dengan lima buah agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang lain seperti Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan

Oleh Abu Bakar HAR

Imigresen, Jabatan Pengangkutan Darat dan Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Dalam operasi tersebut sebanyak 15 tangkapan telah dibuat di mana 10 darinya merupakan kes kesalahan di bawah Akta Imigresen yang terdiri dari warganegara Bangladesh, India, Malaysia, Thailand dan Republik Indonesia setelah didapati gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah.

Sementara itu tiga tangkapan telah dibuat berhubung dengan Akta Dadah dan dua kes yang lainnya berhubung dengan Akta Ugama kerana dipercayai meminum minuman yang memabukkan yang kesemuanya terdiri dari rakyat tempatan.

Operasi yang melibatkan sekatan jalan raya di 13 buah tempat secara serentak

mendapat bantuan dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas dengan mengawal rapi laluan keluar masuk serta kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Daerah Polis Jerudong.

Operasi sepadu kali yang keempat tahun ini antara lain bertujuan untuk membuat pemeriksaan sekatan jalan raya di kawasan-kawasan Daerah Polis Jerudong dan Daerah-daerah Polis yang bersempadan dengannya merupakan salah satu langkah dalam mempertingkatkan pencegahan jenayah di negara ini serta kesalahan-kesalahan lalu lintas.

Dalam meningkatkan kewaspadaan itu, operasi tersebut juga menumpukan perhatian kepada kesalahan-kesalahan lain seperti memiliki barang curi, senjata berbahaya, dadah terkawal, barang-barang tegahan kastam, kesalahan agama dan imigresen di samping membawa bersama senarai-senarai kereta curi.



OPERASI bersepadu 'OPS Sepadu DPJ4' yang dilakukan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain agensi penguatkuasa undang-undang. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tangani Masalah Sosial Secara Bersepadu'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Bersepadu tangani masalah sosial

DALAM era dunia global dan moden ini, gejala-gejala keruntuhan moral dan akhlak telah berlaku terutamanya yang melibatkan remaja dan belia. Sepatutnya dalam usia sebegini mereka bertungkus-lumus untuk mencari pelajaran hingga ke menara gading tetapi akhirnya tertewas dalam kancas sosial.

Tidak dinafikan melalui saluran media seperti akhbar-akhbar, majalah-majalah, televisyen, vcd dan internet adalah di antara medan yang banyak mempengaruhi remaja belia untuk mengikuti gaya hidup bebas tanpa batas, meminum minuman memabukkan dan kancas dadah. Siapa yang sepatutnya disalahkan akan perilaku ini, adakah media, para ibu bapa, guru-guru atau remaja belia itu sendiri?

Tugas ibu bapa kepada anak-anak bukan hanya menyaksikan mereka membesar sehingga dewasa tetapi memupuk pendidikan yang baik agar mereka menjadi insan yang sempurna. Didikan agama seharusnya seiring dengan pendidikan duniawi agar mereka sentiasa ingat kepada Allah dan tahu menilai yang mana pahala dan mana pula dosa. Malah ibu bapa juga patut menyiapkan diri mereka untuk menjadi insan yang baik agar dapat dicontohi oleh anak-anak mereka.

Jangan diserahkan bulat-bulat kepada para guru walaupun banyak masa mereka tertumpu di alam persekolahan. Begitu juga halnya apabila ibu bapa yang sanggup mendiamkan diri bila anaknya melakukan kesalahan, hanya kerana kasihan dan sayangnya pada anak. Ibu bapa seharusnya menegur dan membetulkan mereka daripada membiarkan mereka melakukan kesalahan itu selamanya. Guru-guru juga tidak terkecuali untuk sama-sama membimbing mereka ke jalan yang

betul. Guru-guru tidak boleh camah mata membiarkan para pelajar ini terkapai-kepai untuk menangani masalah sosial. Jangan hanya mengata yang tugas mereka hanya mengajar bukan mendidik dan juga memenitinkan masa dan wang ringgit daripada memberi pendidikan yang betul pada mereka ini. Di sini kita dapat rumuskan bahawa para ibu bapa serta penjaga serta guru-guru seharusnya bersepadu dalam menangani masalah ini. Tetapi bagaimana pula peranan remaja dan belia itu sendiri?

Dalam usia sebegini, para remaja dan belia suka mencuba dan meng-'explore' sesuatu yang baru. Tetapi usia mereka sudah cukup untuk mempunyai akal yang matang untuk memikirkan baik buruknya sesuatu itu. Didikan dari ibu bapa dan guru-guru seharusnya sudah sebatik dalam diri mereka agar dapat menghindari dari gejala-gejala sosial. Akal mereka juga dapat menilai untuk memilih teman-teman yang patut dijadikan sahabat. Dekatkan diri pada Allah supaya dapat menangkis segala hasutan iblis dan syaitan yang suka melihat kita terjerumus dalam lembah yang hina. Pimpinlah teman-teman yang lain agar sama-sama merasakan kenikmatan hidup yang tenang dan sempurna di jalan Allah.

Sekiranya kita semua sudah memahami tugas masing-masing dan bersepadu untuk menangani masalah sosial tersebut, insya-Allah kita akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang kukuh lagi harmoni, di samping dapat melahirkan generasi-generasi yang berguna untuk mengemudikan sebuah negara yang makmur, amin.

Dayang Siti Takhirah binti Haji Hussin,
No. 19 Simpang 427,
Kampung Sungai
Tilong, BC 3315.
No. k/p: 272342

Bersama ringankan 'beban' negara

NEGARA Brunei Darussalam telah merdeka sejak 1 Januari 1984 dan dalam tempoh itu sehingga ke hari ini, negara telah mengalami pelbagai perubahan baik dari segi ekonomi, pembangunan serta pentadbiran negara sehingga kita telah memasuki era milenium serta globalisasi. Kita sekarang juga telah memasuki satu era iaitu satu order baru yang mana kita sekarang ini mengalami beberapa evolusi, perubahan corak ekonomi, politik dan teknologi.

Oleh kerana pada masa ini negara telah mengorak langkah masuk dalam era milenium kita telah mengalami pelbagai perubahan serta perkembangan-perkembangan yang tidak diduga hasil daripada kemajuan sains dan teknologi. Ini secara langsung atau tidak langsung telah membusi kehidupan kita serta menyebabkan kita terpengaruh terutama sekali golongan remaja kita. Hasil daripada terdapatnya perhubungan yang canggih pada masa ini memudahkan media-media Barat untuk mencetuskan rancangan-rancangan hiburan budaya kuning yang

boleh didapati dengan mudah oleh golongan remaja kita melalui pelbagai siaran perhubungan yang canggih seperti internet dan sebagainya.

Golongan remaja sebenarnya adalah golongan yang 'keliru', mempunyai sifat ingin tahu serta mencuba pelbagai 'pengalaman' yang baru. Mereka kadang-kadang keliru untuk membuat keputusan kepada sesuatu masalah dan lebih suka berkongsi masalah yang mereka hadapi dengan golongan yang sebaya mereka, dengan alasan mereka lebih memahami berbanding dengan golongan dewasa iaitu ibu bapa mereka sendiri. Ini mungkin akan menyebabkan mereka teralasan pilih kawan dan akhirnya akan menyebabkan mereka terjerumus dengan gejala-gejala yang tidak sihat seperti budaya melepak, ponteng sekolah atau kelas, terlibat dalam penagihan dadah, pergaulan bebas serta yang lain. Untuk menangani masalah-masalah sosial ini, semua pihak bertanggungjawab bagi menyelesaikan isu tersebut misalnya setiap ahli keluarga adalah mustahak memiliki tanggungjawab moral bagi sama-sama merancang

untuk melahirkan generasi yang berakhlak serta berakidah sempurna.

Ibu bapa dan guru juga memainkan peranan penting dalam mematai tingkah laku dan keolahan kanak-kanak dan para remaja kerana kedua golongan ini sentiasa berdamping rapat dan mesra dengan golongan anak-anak dan remaja tersebut. Ibu bapa juga lah bertanggungjawab untuk memberi didikan yang sempurna seperti pendidikan agama Islam yang menjadi teras dalam menjalani kehidupan. Ini kerana ilmu agama dan tauhidlah saja yang membimbing mereka untuk menjadi insan yang berguna serta berjaya baik di dunia mahupun di akhirat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Setiap anak dilahirkan atas fitrah, maka kedua ibu bapalah bertanggungjawab sama ada meyahudkan atau memasrkaninya."

Dengan kata lain pengajaran agama Islam adalah disarankan sebagai asas yang penting untuk menghindarkan gejala-gejala sosial, keruntuhan akhlak dan moral di kalangan belia yang merupakan

dilema sejagat yang menghambat bukan saja di negara kita malah di negara-negara yang membangun. Kerajaan amat peka dengan isu tersebut. Oleh itu kerajaan telah mengambil langkah dengan menubuhkan sebuah Jawatan Kuasa Peringkat Kebangsaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk 'membendung' masalah-masalah sosial tersebut dan amat berharap orang ramai akan sama-sama membantu bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan menghubungi pihak berkenaan jika sekiranya mereka tahu atau melihat seperti penderaan, masalah penagihan dadah dan sebagainya berlaku kepada golongan kanak-kanak atau golongan belia.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersempena dengan lawatan baginda ke Ibu Kota London bagi melawat penuntut-penuntut Brunei di sana, baginda bertitah dengan menyatakan bahawa para penuntut merupakan aset yang paling mahal kerana mereka sentiasa ditunggu dan diharapkan untuk mengangkat martabat bangsa dan ibu pertiwi. Mereka juga dianggap

wira dalam masyarakat serta umpama suluh dalam kegelapan.

Oleh itu golongan belia kita khususnya para penuntut amat penting lebih-lebih lagi mereka sentiasa ditunggu untuk 'mentadbir' negara pada masa hadapan agar negara akan menjadi sebuah negara yang pesat membangun. Dengan diberi didikan yang sempurna kepada golongan remaja tidak mustahil akan lahir individu-individu yang berpotensi yang menjadi tulang belakang kepada negara dan apabila tulang belakang itu kuat maka kuat pulalah bangsa itu.

Marilah kita selaku rakyat di negara ini bersama-sama berganding bahu meringankan 'beban' negara dengan menangani masalah-masalah sosial sebagai tanggungjawab bersama kerana tanpa komitmen dan usaha padu semua pihak, masalah sosial tidak akan berjaya diatasi.

Zatul Himmah Izzat Haji Mohd. Tejuddin,
No. 24, Jalan 31
Simpang 47,
Kampung Lambak Kanan,
BC 2915.
No. k/p: 300127

Institusi keluarga semakin merosot

NEGARA Brunei Darussalam walaupun merupakan sebuah negara yang kecil tetapi aman dan serba mewah dengan rakyat dan penduduknya berada dalam suasana damai dan harmoni. Tetapi permasalahan sosial masa kini memberi gambaran yang para belia telah terkeluar dari landasan akhlak dan kemanusiaan. Data menunjukkan belia terlibat dalam budaya kuning, lepak, lari dari rumah, seks bebas, membuang anak dan penyalahgunaan dadah semakin berleluasa dan menjadi isu yang hangat diperbincangkan.

Sebelum masalah sosial ini terus berlaku, kita perlulah membuat langkah-langkah untuk menanganinya. Sebarang usaha mestilah dirancang secara bersepadu dan dilaksanakan secara aktif dan berterusan. Tidak dapat dinafikan bahawa antara faktor utama belia bergelut dalam kancas keruntuhan akhlak ialah kemerosotan institusi keluarga, kurangnya pendidikan agama dan berlakunya pengaruh buruk kebudayaan dan moral melalui filem, buku-buku, gambar-gambar, pengaruh-pengaruh kehidupan seperti budaya lepak dan sebagainya.

Di samping itu juga tarikan keduniaan dan perubahan gaya hidup masyarakat yang melampaui tarikan keimanan terus berlaku sehingga para

belia terus terperangkap dengan penyakit sosial yang mengiringi kemajuan sosio-ekonomi.

Di samping itu juga teralasan memilih rakan dan pergaulan bebas adalah di antara punca yang menyebabkan keruntuhan akhlak. Islam amat berhati-hati dalam membenarkan persahabatan dan pergaulan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada umatnya agar pandai memilih kawan. Bagi yang pandai mengatur kehidupan akan berjaya, tetapi bagi yang tersilap pilih akan mencorak kehidupan dalam kegelapan.

Terdapat berbagai agensi perubahan sosial yang terlibat secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi pergaulan dan peribadi para belia. Antara agensi perubahan utama dalam membentuk belia ialah keluarga, khususnya ibu bapa. Islam amat mengambil berat terhadap pendidikan. Berbagai cara didikan yang perlu diambil berat oleh ibu bapa dalam memberikan didikan dan asuhan agama kepada anak-anak mereka, supaya mereka memiliki pengetahuan serta kefahaman yang benar mengenai agama. Pihak ibu bapa juga perlu mengadakan perbincangan dengan anak-anak untuk mengetahui masalah mereka di samping mengeratkan lagi hubungan dalam keluarga.

Selain itu, keterlibatan dari semua pihak khususnya para guru, masyarakat dan semua agensi kerajaan atau swasta untuk menangani serta memberikan pemeduaan ke atas segala permasalahan adalah perlu. Pihak-pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran sama ada ke arah positif, mengawasi perkara-perkara seperti penjualan filem-filem lucah, pementasan dan konsert serta pengiklanan, mengawasi pengusaha hiburan yang tidak memikirkan kesesuaian manusia yang menggalakkan aktiviti melayan nafsu seronok dalam hidup bebas.

Dan akhir sekali peringkat yang amat diperlukan bagi memastikan usaha menyelesaikan masalah belia secara bersepadu ialah komitmen yang berterusan dari pihak negara itu sendiri dengan menyediakan program-program berfaedah yang secara langsung dapat menangani masalah sosiobudaya di kalangan belia.

Sektor swasta juga menjadi salah satu ejen dalam pembinaan kehidupan masyarakat di mana ia juga memainkan peranan penting dalam pembinaan kehidupan belia. Pada umumnya, peranan sektor swasta di negara ini ialah menyediakan peluang-peluang pekerjaan, yang mana dengan penglibatan para belia

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Air Untuk Pembangunan. Bincangkan'. Tarikh tutup 20 April 2002.
2. 'Bersama-sama Menggalakkan Pelaburan Asling'. Tarikh tutup 27 April 2002.
3. 'Gerakan Koperasi Perlu Lebih Dinamik Dalam Era Globalisasi'. Tarikh tutup 4 Mei 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm
email: pelita@brunet.bn

dalam pekerjaan, mereka secara tidak langsung akan dapat membina kedudukan ekonomi negara.

Sebenarnya para belia hari ini memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar, motivasi dan semangat. Mereka perlu diberi keyakinan terhadap diri sendiri dan pendedahan kepada peluang-peluang untuk memajukan diri. Para belia yang bermasalah ini perlu diberi kesedaran

bahawa merekalah harapan bangsa dan bakal pemimpin yang akan menerajui pimpinan negara di masa hadapan.

Hajah Norani binti Haji Harith,
No. 482, Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu,
BD 2517.
No. k/p: 263372



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain (empat dari kanan) ketika hadir merasmikan Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Teknikal Di Bidang Farmaseutikal Ke-19 yang berlangsung di Hotel Centrepont, Gadong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Sokongan ASEAN perlu bagi kejayaan bidang farmaseutikal

GADONG. - Kerjasama negara-negara ASEAN dalam pelbagai bidang bukanlah perkara baru malah telah mencapai banyak kejayaan antaranya kerjasama teknikal di bidang farmaseutikal (yang berhubungan dengan ilmu ubat-ubatan) yang mencapai kejayaannya lebih dua dekad lalu.

Dengan kejayaan itu penghargaan patut diberikan kepada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Pembuat Farmaseutikal Jepun kerana telah bertahan lama menyokong rantau ini.

Namun kejayaan kerjasama teknikal di bidang farmaseutikal itu tidak akan dapat dicapai tanpa adanya komitmen dan sokongan dari negara-negara ASEAN dan negara-negara yang berkecuali.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Teknikal Di Bidang Farmaseutikal Ke-19 yang berlangsung di Hotel Centrepont di sini pada 26 Mac lalu.

Katanya, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan akan terus memberi sokongan dalam mencapai apa jua kejayaan dan sebagai sebuah negara yang kecil tidak mempunyai industri farmaseutikal hanya mengimport semua ubat-ubatan dari luar negara.

Menyentuh mengenai perkara yang berkaitan dengan mutu farmaseutikal dan penguatkuasaan undang-undang kepada negara-negara pengeksport produk ke Negara Brunei Darussalam termasuk penetapan harga merupakan perkara penting bagi negara ini, jelas beliau.

Oleh itu, adalah perlu negara-negara anggota ASEAN mengemaskinikan peraturan mengenai farmaseutikal yang sedia ada dan mewujudkan undang-undang baru yang selaras dengan peratu-

ran serantau dan antarabangsa.

Tambahnya antara perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah membangun rantau ASEAN kepada sebuah kawasan yang berkeupayaan mengeluarkan data mengenai kajian perubatan yang baik yang boleh dijadikan bahan rujukan dalam dunia perubatan, mengawal dan mengesan pengeluaran dan pengedaran ubat-ubatan tiruan yang tidak berkualiti serta mengukuhkan kerjasama di bidang penyelarasan perintah farmaseutikal.

Mesyuarat Pertama diadakan pada tahun 1982. Mesyuarat kali ini berlangsung selama tiga hari itu antaranya membincangkan cadangan bagi kerjasama di bidang lain di samping membincangkan sukat-sukat dan cara lain untuk mengekalkan kerjasama teknikal ASEAN di bidang farmaseutikal ini dan menimbang semula perlaksanaan aktiviti-aktiviti bagi fasa 5 hari bulan Oktober 2000 hingga Februari 2002.

Sumber hutan pemangkin kesejahteraan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dalam era globalisasi dan arus pembangunan yang bergerak pantas ini, negara-negara lain di dunia ini, mula menyedari kepentingan sumber hutan yang menstabilkan alam sekitar apabila sumber hutan mereka menghadapi kemusnahan oleh pembangunan yang tidak seimbang dan tidak terkawal.

Namun di negara kita, tindakan-tindakan awal telah diambil dengan melakukan langkah-langkah pemeliharaan hutan yang mantap untuk generasi masa kini dan generasi kita yang akan datang agar dapat menikmati faedah-faedah sosial dan ekonomi hutan secara berterusan.

Pemangku Pengarah Perhutanan, Haji Saidin Salleh berkata, dalam rancangan strategi mencapai kecermerlangan 5 bintang yang giat dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan, antara komponen penting yang diambil kira ialah pengurusan hutan tropika yang mapan (sustainable) yang menjurus kepada memaksimumkan sumbangan sektor perhutanan dalam sasaran mempelbagaikan sumber ekonomi negara dan di masa yang sama tidak mengabaikan tuntutan mengekalkan sumber hutan sebagai warisan negara dan pemangkin kesejahteraan.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pegawai Perhutanan Kanan, Awang Shahrill Haji Shahbudin di

Oleh
Abu Bakar HAR



MESYUARAT Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Teknikal Di Bidang Farmaseutikal Ke-19 dihadiri oleh lebih seratus peserta dari negara-negara ASEAN termasuk peserta tuan rumah. - Gambar oleh Masri Osman.

PERSATUAN FILATELIK KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DITUBUHKAN

PERSATUAN Filatelik Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan apabila satu keputusan telah dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Protek yang telah diadakan pada 27 Mac lepas di Kementerian Perhubungan.

Tujuan penubuhan persatuan ini ialah untuk:

- Memberi laluan kepada pengumpul-pengumpul setem di Negara Brunei Darussalam menyertai aktiviti-aktiviti di peringkat antarabangsa.
- Memajukan perniagaan/industri setem melalui aktiviti mengumpul setem selain hobi.
- Menyatukan pengumpul-pengumpul setem yang ada di Negara Brunei Darussalam bagi memajukan aktiviti-aktiviti mengumpul setem dan dapat bekerjasama dengan pengumpul-pengumpul setem luar negeri.
- Menambah bilangan pengumpul setem khususnya generasi baru di Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat Jawatankuasa Protek yang telah diadakan itu telah melantik Jabatan Perkhidmatan Pos sebagai badan penyelaras bertujuan memantau perkembangan persatuan ini di samping berperanan dalam memberi apa-apa bantuan yang bersesuaian dari masa ke masa.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Awang Haji Saji bin Haji Mudin, Ketua Pos Agung dan dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Md. Ali bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan beberapa orang pemimpin-pemimpin belia, Negara Brunei Darussalam.

Oleh Ak. Jefferi Pg. Duraman

Majlis Perasmian Bengkel yang bertajuk Kriteria dan Petunjuk Pengurusan Hutan Berdaya Tahan Dalam Pembangunan Negara Brunei Darussalam di sebuah hotel di Berakas, pada 25 Mac lalu.

Beliau seterusnya berkata, pembangunan ekonomi tersebut amat penting bagi kehidupan kita dalam suasana perkampungan global yang penuh cabaran tetapi kita juga perlu menyedari bahawa alam sekitar yang unggul perlu bagi kesinambungan kesejahteraan yang mana secara holistiknya, penjaan pembangunan negara yang menjadi idaman kita ialah pembangunan yang dapat mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan pemeliharaan alam sekitar yang sama-sama kita ketahui saling bergantung antara satu dengan yang lain.

"Dengan adanya bengkel ini, saya yakin ianya merupakan langkah yang bijak dalam usaha kita untuk memastikan sumber hutan negara ini akan terus terpelihara dan terjaga demi kepentingan sosial ekonomi, selaras dengan Dasar Perhutanan kita," tambah beliau.

Ini selaras dengan persetujuan negara kita yang mana telah ikut serta dalam memberikan sokongan kepada Sidang Kemuncak Rio De Janerio di mana banyak negara telah menandatangani deklarasi serta dalam memberi sokongan dan dalam deklarasi ini di mana satu garis panduan iaitu 'ITTO Guidelines' bagi mencapai 'sustainable' telah dipersejuti bersama.

Menurutnya lagi, 'Criteria and Indicators on Sustainable Forest Management' adalah satu-satunya yang perlu dilaksanakan bagi negara-negara yang menyokong perhimpunan ini, yang juga bermaksud hanya negara-negara yang mencapai 'sustainable' sahaja yang akan dilayani eksport keluaran hutannya ke negara Kesatuan Eropah EU/EC.

"Dengan terlaksananya C & I ini dan seterusnya mengamalkan pengurusan hutan kekal sudah semestinya akan memberikan peluang yang cerah kepada produk kayu negara untuk dipasarkan ke luar negara," jelas beliau.

Bengkel empat hari yang bermula pada 25 - 28 Mac 2002 tersebut dikendalikan oleh beberapa penceramah tempatan termasuk Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan, Perancangan dan Perkembangan Hutan Malaysia, Thang Hooi Chiew selaku penceramah utama.

Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-18 di luar negeri



SEBAHAGIAN daripada tetamu yang hadir di Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 yang telah diadakan pada 22 Februari 2002, di Mina, Arab Saudi. Hadir sama di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sambutan di Jeddah

JEDDAH. - Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan oleh Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di sini.

Majlis Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada hari Jumaat, 22 Februari 2002 bersamaan 9 Zulhijah 1422 bilamana semua jemaah-jemaah haji dari seluruh dunia berada di bumi Mina termasuk jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

Majlis bermula dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah, membaca Yaasin dan seterusnya doa kesyukuran Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Hadir sama di majlis itu ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam dan para jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

Sementara Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada 12 Mac 2002 bersamaan 27 Zulhijah 1422 di Hotel Holiday Inn Al-Salam, Jeddah. Majlis telah dihadiri oleh lebih 250 orang tetamu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Arab Saudi, diplomat-diplomat asing di Jeddah, tokoh-tokoh korporat dan usahawan.

Tetamu kehormat ialah Tuan Bander Mohammed Jameel, Penasihat Pengarah Pejabat Penolong Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (wakil peribadi Ketua Pengarah, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri). Turut hadir ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Abdullah bin Saud bin Mohammed bin Abdul Aziz Al-Saud, kerabat diraja Arab Saudi.

Sambutan di Kuala Lumpur



KETIBAAN wakil khas Kerajaan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia dan Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin disambut oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah dan Datin Hajjah Nalmah.

KUALA LUMPUR. - Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan pada 25 Februari 2002 di JW Marriot Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia hadir di majlis itu sebagai wakil khas Kerajaan Malaysia. Turut hadir Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin, isteri Yang Berhormat.

Seramai kira-kira 300 orang tetamu hadir di majlis berkenaan terdiri dari pesuruhjaya-pesuruhjaya, duta-duta, ahli-ahli diplomat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Malaysia, pegawai-pegawai, penuntut-penuntut dan rakyat Brunei yang berada di Malaysia, ahli-ahli swasta dan keluarga pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia.

Terdahulu dari itu, majlis keagamaan sempena sambutan Hari Kebangsaan telah juga diadakan di rumah kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia di Taman TAR, Selangor.

Majlis didahului dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah diikuti dengan membaca Surah Yaasin dan tahlil. Majlis diakhiri dengan doa kesyukuran sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Kira-kira 60 orang hadir di majlis berkenaan.



KUASASUSAHA Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Pengiran Haji Jaberuddin bergambar bersama tetamu kehormat, Tuan Bander Mohammed Jameel (kanan) dan Duli Yang Teramat Mulia Putera Abdullah bin Saud bin Mohammed bin Abdul Aziz Al-Saud (kiri), di Majlis Resepsi yang telah diadakan pada 12 Mac 2002 di Hotel Holiday Inn Al-Salam, Jeddah.



Sambutan di Dhaka

DHAKA. - Majlis Resepsi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 telah diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Dhaka, Republik Rakyat Bangladesh.

Majlis tersebut telah berlangsung pada 5 Mac 2002 di Hotel Pan Pacific Sonargaon, Dhaka. Hadir sama di majlis itu ialah kira-kira 300 orang tetamu.

Gambar atas dari kiri kelihatan Awang Abdul Hamid bin Abdullah, Setiausaha Pertama, NBD di Dhaka; Datin Hajjah Zalina, isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh; Yang Berhormat Shahjahan Siraji, Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan Bangladesh; Yang Berhormat Mir Nasir Uddin, Menteri Penerbangan Awam dan Pelancongan dan isteri, Puan Mir Nasir Uddin dan Haji Yakib bin Haji Jumat, Setiausaha Ketiga Negara Brunei Darussalam di Dhaka.



Sambutan di Yangon

YANGON. - Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 telah diadakan oleh Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Yangon, Kesatuan Myanmar.

Majlis tersebut telah berlangsung pada 25 Februari 2002 di Hotel Sedona, Yangon dan dihadiri oleh enam orang menteri kerajaan, orang-orang kenamaan, duta-duta besar dan para diplomat asing di Yangon. Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha I, Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC), Kesatuan Myanmar.

Gambar atas, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Pekerma Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Hussin bin Haji Sulaiman, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Myanmar, Datin Hajjah Juriah Mustapha, isteri TYT bergambar bersama Brigedier Jeneral Phi Sone, Menteri Perdagangan; Dr. Daw Khin Win Shwe (isteri TYT Leftenan Jeneral Khin Nyunt), TYT Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha I, SPDC; Tuan Yang Terutama Ly Bounkham; Duta Besar Lao ke Myanmar dan Brigedier Jeneral Lun Thi, Menteri Tenaga, Myanmar di Majlis Resepsi sambutan tersebut di Hotel Sedona, Yangon.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bahagian Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei giat mengadakan ceramah dan taklimat kepada penuntut-penuntut dan ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung mengenai kerjaya kepolisan dan pembanteras gejala sosial.

Pada 25 Mac lepas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan ceramah mengenai kerjaya PDB di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Supt Awang Haji Abdul Murad bin Haji Abdul Hadi, Ketua Perhubungan Awam antara lain berkisar mengenai sejarah, tugas-tugas dan tanggungjawab PDB terhadap masyarakat termasuk syarat-syarat kemasukan dan peluang kerjaya dalam pasukan tersebut.

Lebih kurang 400 penuntut dari tingkatan tiga, empat dan lima yang menghadiri ceramah tersebut juga berkesempatan menyaksikan Pameran Mini yang disediakan oleh anggota PDB Daerah Polis Tutong.

Pada 28 Mac pula, PDB bersama agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Kementerian Pendidikan, Biro Kawalan Narkotik dan Pusat Pemulihan Al-Islah telah menyertai sesi Forum Pendidikan Penyalahgunaan Dadah 'Remaja Perkasa Aset Bangsa dan Negara' kelolaan Kementerian Pendidikan bertempat di Maktab Anthony Abell, Seria.

Forum serupa juga telah diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan pada 30 Mac dan Sekolah Menengah Sayyidina Husin, Jerudong pada 3 April lepas.

Wakil PDB, Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali dalam ketiga-tiga forum tersebut antara lain menerangkan mengenai jenayah dan kesalahan yang sering dilakukan oleh para remaja di negara ini, terutama yang berhubung kait dengan penyalahgunaan dadah.

Sementara itu pada 21 Mac lepas, PDB telah menerima lawatan seramai 47 orang pelajar Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

Semasa lawatan tersebut para pelajar telah diberikan taklimat oleh Supt Awang Haji Abdul Murad bin Haji Abdul Hadi, Ketua Perhubungan Awam PDB dan Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengi-



PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Sayyidina Husin, Jerudong menyaksikan Pameran Mini Pasukan Polis Diraja Brunei sambil menerima penerangan dari Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal.

ran Haji Marali, Penolong Ketua Perhubungan Awam PDB.

Taklimat berkisar mengenai sejarah, struktur dan carta organisasi PDB

serta kesalahan jenayah yang sering dilakukan oleh para penuntut sekolah.

Terdahulu para pelajar telah menyaksikan pertunjukan Kawad Kaki dan Senjata oleh anggota Pusat Latihan PDB, Kawad Rusuhan oleh anggota Unit Simpanan Kompeni 'D' PDB, demonstrasi 'Speed Trap' dan 'Tyre Clamping' selain penerangan berhubung kesalahan lalu lintas dari Cawangan Lalulintas dan Peronda.

Sementara itu pada 3 April, Bahagian Perhubungan Awam PDB juga telah memberikan taklimat kepada ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Subok dan Kampung Belimbing.

Dalam taklimat itu Supt Awang Haji Abdul Murad bin Haji Abdul Hadi, Ketua Perhubungan Awam PDB telah menerangkan

mengenai sejarah dan carta organisasi PDB serta peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung dalam membantu PDB mengurangkan atau membanteras kegiatan-kegiatan jenayah.

Beliau juga menerangkan mengenai tindakan yang tidak boleh dilakukan oleh ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung.

Hadir dalam taklimat itu ialah Awang Haji Md. Jais bin Md. Salleh, Ketua Kampung Subok; Awang Haji Khamis bin Tangkim, Ketua Kampung Belimbing; ASP Awang Khairul Rizal bin Haji Salim, 2 Pegawai Menguasa Balai Polis Bandar Seri Begawan dan Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali, Penolong Ketua Perhubungan Awam PDB.



SUPT Awang Haji Abdul Murad, Ketua Perhubungan Awam PDB dan Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal, Penolong Ketua Perhubungan Awam PDB memberikan taklimat kepada para pelajar Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

Pasukan Polis giat adakan ceramah dan taklimat



INSPEKTOR Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal memberikan ceramah semasa Forum Pendidikan Penyalahgunaan Dadah di Maktab Anthony Abell, Seria.

PARA penuntut Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong menyaksikan Pameran Mini PDB Cawangan Daerah Polis Tutong.



SEBAHAGIAN dari penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Lambak Kanan menyaksikan Pameran Mini Pasukan Polis Diraja Brunei.



AHLI-AHLI Pengawasan Kejiranan Kampung Subok dan Kampung Belimbing ketika mendengar taklimat oleh wakil Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menjadi kesalahan memandu tanpa lesen

LUMAPAS. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) terus mengingatkan orang ramai terutama penuntut-penuntut sekolah agar tidak memandu kenderaan tanpa mempunyai lesen memandu yang sah.

Wakil Bahagian Penguatkuasa JPD, Awang Shaminan berkata, adalah menjadi kesalahan memandu tanpa lesen memandu dan mereka yang didapati bersalah boleh didakwa, menerima hukuman penjara dan ditahan lesen memandu.

"Kes-kes kemalangan yang melibatkan penuntut sekolah turut mencatatkan korban nyawa," jelasnya ketika menyampaikan ceramah kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dalam Program Pendidikan Majlis Keselamatan Jalanraya 4 April lalu.

Sebanyak empat agensi mewakili Majlis Keselamatan Jalanraya telah menyampaikan ceramah mereka termasuk wakil Setiausaha Majlis Keselamatan Jalanraya, Awang Baha dan wakil Jabatan Pengangkutan Darat (Bahagian Penguatkuasa), Awang Shaminan bin Haji Tengah.

Para penuntut juga mendengar nasihat dan peringatan yang berguna mengenai kesalahan-kesalahan di jalan raya oleh Inspektor Salleh bin Harun, sementara Awang Ahmad bin Haji Jait pula menjelaskan peranan Jabatan Kerja Raya.

Program ceramah berkenaan adalah bagi memberi kefahaman mengenai fungsi, matlamat dan tujuan Majlis Keselamatan

Oleh Samle Haji Jait

Jalanraya, di samping memberikan pendekatan dan kefahaman mengenai undang-undang dan peraturan keselamatan jalan raya.

Pemangku Pegawai Kerja Majlis Keselamatan Jalanraya, Awang Baha yang juga wakil Setiausaha Majlis Keselamatan Jalanraya berkata, program itu dihasratkan bagi memberikan pendedahan mengenai Konsep 4 E dalam mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya di negara ini.

Para penuntut dan guru-guru juga berpeluang untuk berinteraksi dengan Ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalanraya melalui sesi soal jawab yang berkaitan dengan program berkenaan.



PARA penuntut dan guru-guru Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab ketika mendengarkan ceramah Program Pendidikan Majlis Keselamatan Jalanraya. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.




WAKIL Bahagian Penguatkuasa JPD, Awang Shaminan menjelaskan, adalah menjadi kesalahan memandu tanpa lesen. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



PROGRAM Pendidikan Majlis Keselamatan Jalan Raya dapat mengurangkan kadar kemalangan jalanraya, jelas Awang Baha, Pemangku Pegawai Kerja Majlis Keselamatan Jalanraya. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Penuntut SMJA ikuti Latihan Kebakaran

Oleh Abdullah Asgar



BANDAR SERI BEGAWAN. - Sekolah Menengah Sultan Mohd. Jamalul Alam (SMJA) dikejutkan dengan kejadian kebakaran kira-kira 9.30 pagi apabila Bilik Sumber di Blok C sekolah berkenaan hangus.

Latihan kebakaran yang melibatkan lebih 1,100 orang penuntut dari tingkatan tiga, empat dan lima dan 83 orang guru serta 21 pegawai pentadbiran sekolah dianggap kurang berjaya kerana dua sistem penggera bunyi kebakaran tidak berfungsi.

Pihak sekolah menjalani latihan itu dibantu oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Perkhidmatan Ambulans namun kereta bomba tidak sampai di tempat kejadian, kerana menerima panggilan kebakaran sebenar di tempat lain.

Masalah kedua yang dihadapi semasa menjalani latihan kebakaran pada 2 April lalu di sekolah tersebut ialah lebih sepuluh orang penuntut yang berada di sebuah bilik tidak terdengar bunyi penggera kebakaran mengakibatkan mereka lewat keluar bangunan kira-kira empat hingga ke lima minit kemudian.

Walaupun cuma satu latihan biasa tetapi banyak pengajaran yang boleh diperolehi antaranya kenapa dua penggera bunyi kebakaran gagal berfungsi, mengapa lebih sepuluh penuntut tidak mendengar bunyi penggera dan gagalnya tiba kereta bomba pemadam kebakaran di tempat kejadian.

Kerjaya kejururawatan perlu ketabahan

BERAKAS. - Bidang kejururawatan merupakan kerjaya yang memerlukan ketabahan dan kekuatan dari semua sudut perilaku, fizikal termasuk mental dan kerohanian.

Negara juga turut berbangga dengan kejayaan anak-anak tempatan yang semakin ramai menceburi kerjaya itu yang dianggap sebagai kerjaya yang sangat mencabar.

Graduan cemerlang dalam Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritis Sesi 2001 - 2002, Dayang Hajah Armah yang berkhidmat sebagai Jururawat sejak 1983 melahirkan rasa bangga mempunyai karier tersebut kerana berpendapat bidang itu antara kerjaya yang mulia.

Beliau yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) adalah antara empat penerima Anugerah 'Best Overall Performance' sempena Konvokesyen Ke-8 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkhiah (PAPRSB), 28 Mac lalu.

Ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI, beliau menjelaskan, karier kejururawatan di unit itu

sangat mencabar kerana pesakit yang dimasukkan merupakan pesakit yang tidak stabil dan bila-bila masa akan berubah keadaannya.

"Kita perlu peka terhadap pesakit dan sangat teliti memantau segala peralatan-peralatan bantu seperti pernafasan, tekanan jantung dan lain-lain peralatan," jelasnya.

Ketika menceritakan pengalamannya, beliau sentiasa memberi perkhidmatan terbaik ketika menghadapi pesakit yang tenat dan sering memberikan kata-kata perangsang supaya pesakit sentiasa mempunyai semangat untuk sembuh.

Beliau yang menuntut di Jepun pada tahun 1987 selama setahun dalam jurusan Rawatan Rapi dan Rawatan Jantung berharap kejayaan yang diperolehi itu tidak akan berakhir di situ dan akan berusaha untuk meningkatkannya pada masa akan datang.

Sementara itu, penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Bilik Bedah, Dayang Hajah Sariah binti Sahari pula menjadikan anugerah yang diperolehi sebagai motivasi terbaik bagi beliau untuk meningkatkan

Oleh Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Mohd. Zul-Izzi

kualiti kerja.

Katanya, sebagai seorang jururawat adalah perlu bersikap lemah lembut, prihatin, bertanggungjawab, cergas, memata-matai dan bersedia berkhidmat pada bila-bila masa yang diperlukan.

Beliau kini ditempatkan di Bilik Bersalin, Rumah Sakit RIPAS bagi menyelenggarakan dan meneliti ibu-ibu yang bakal melahirkan, di samping berperanan membantu operasi pembedahan kelahiran anak damit.

Bagi Awang Mursidi bin Haji Ali, penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Pembedahan Cranio-Maxillo Facial merakamkan kenangan ketika ditugaskan membantu pembedahan yang merangkumi bahagian tengkorak muka.

"Pengalaman itu memang mencabar dan cukup menarik," jelasnya yang sudah menceburi bidang itu sejak tiga tahun lepas.

Beliau memuji dengan keupayaan tenaga pakar dan peralatan di hospital di negara ini yang setanding kelengkapannya dengan hospital-hospital di negara-negara serantau dan yang sudah maju.

Beliau juga mengingatkan rakan-rakannya yang lain agar memberikan perkhidmatan yang terbaik dan jujur kerana khidmat mereka memang sentiasa diperlukan.

Sementara penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Kemalangan dan Kecemasan, Dayang Noryawati binti Salleh yang sudah berkecimpung selama lebih lima tahun di Bilik Kemalangan dan Kecemasan sudah biasa berdepan dengan suasana tersebut.

"Semua orang memang mengingatkan pengalaman pertama semasa bertugas lebih-lebih lagi pertama kali melihat kes-kes kemalangan yang ngeri tetapi akhirnya perkara itu sudah macam biasa," jelasnya.

Beliau turut mengangap anugerah yang diterima sebagai motivasi diri dan perintis untuk lebih maju lagi, di samping mendapat sokongan dari keluarga.



DAYANG Hajah Sariah binti Sahari, penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Bilik Bedah.



AWANG Mursidi bin Haji Ali, penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Pembedahan Cranio-Maxillo Facial.



DAYANG Noryawati binti Salleh, penerima Anugerah Terbaik Diploma Kejururawatan Kemalangan dan Kecemasan.



DAYANG Hajah Armah, graduan cemerlang dalam Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritis.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Metussin ketika menyampaikan hadiah kepada Awangku Shahmarizal Indra bin Pengiran Abdul Jaman, wakil Kumpulan Belia Masjid Zainab, Lumut yang menjuarai Pertandingan Syarahan Belia Masjid. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Pengangguran dedahkan belia kepada gejala sosial

Oleh Samle Haji Jait

MENTIRI. - Masalah pengangguran di kalangan belia berusia 15 - 19 pada tahun 2000 telah dicatatkan pada kadar 41 peratus manakala di kalangan belia berusia 20 - 24 tahun pula mencatat pengangguran hampir mencapai 18 peratus.

Peningkatan pengangguran yang membimbangkan itu di-khuatiri boleh mendedahkan para belia berkenaan kepada gejala-gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan melakukan jenayah kecil serta wujudnya budaya lepak di kalangan belia berkenaan.

"Masalah sosial yang seumpama itu hendaklah dibendung dan dicegah daripada peringkat awal lagi sebelum ianya merebak ke peringkat yang membahayakan sehingga boleh menyebabkan kemerosotan dan kemunduran pembangunan dan kemajuan belia di negara ini," jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Metussin, selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap di Majlis Pertemuan Belia Masjid Senegara Sempena Sambutan Awal Tahun 1423 Hijrah yang berlangsung di Masjid Perpindahan Mentiri, 31 Mac lalu.

Katanya, di samping usaha-usaha pihak agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO, pencegahan yang berkesan adalah juga bergantung pada kesediaan dan kebolehan belia itu sendiri untuk mengenal pasti masalah yang mereka hadapi dan menggunakan peluang yang disediakan untuk memperbaiki dan memajukan diri.

Beliau menyeru para belia agar tidak menjadikan kebolehan diri masing-masing yang dianggap terhad sebagai penghalang kepada kemajuan diri, bangsa dan negara kerana sebenarnya kita tidak akan tahu had kebolehan kita tanpa ada usaha yang bersungguh-sungguh.

"Kemajuan yang kita nikmati pada masa ini sepatutnya memberikan keyakinan kepada potensi dan keupayaan belia dalam

sama-sama memainkan peranan dan memberikan sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara," jelasnya.

Tambahnya, usaha yang bersungguh-sungguh dalam memperkasa keupayaan bangsa untuk mengejar dan mencapai kecermerlangan serta kemajuan dalam apa jua bidang hendaklah kita jadikan sebagai salah satu budaya bangsa kita di negara ini.

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar dan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, belia juga tidak menafikan perubahan-perubahan yang dialami tidak akan mengecualikan kita daripada menghadapi pelbagai cabaran dan pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan tatasusila dan nilai-nilai murni kehidupan masyarakat di negara ini.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap semua golongan masyarakat mempertingkatkan penghayatan ajaran-ajaran agama Islam dan melengkapkan diri dengan kekuatan ilmu, akidah dan akhlak demi untuk menegakkan nilai amal makruf dan nahi mungkar bagi menghadapi cabaran-cabaran dan pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan nilai-nilai murni bangsa kita.

Beliau menambah, golongan belia bakal menjadi tulang belakang kepada usaha meneruskan pembangunan negara dan akan menjadi tonggak utama kepimpinan negara serta aset negara yang paling berharga.

Oleh itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kurang-kurang menyediakan pelbagai program dan kegiatan belia dengan tujuan semata-mata untuk menjamin pembangunan dan kemajuan belia di negara ini, di samping men-

jamin masa depan mereka agar menjadi insan yang berguna dan dapat berbakti kepada bangsa dan negara.

Program Pertemuan Belia Masjid diserikan dengan Pertandingan Akhir Syarahan Belia Masjid yang memperdengarkan kepetahan penyampaian syarahan agama oleh empat peserta yang terpilih.

Awangku Shahmarizal Indra bin Pengiran Abdul Jaman wakil Kumpulan Belia Masjid Zainab, Lumut menjuarai pertandingan dengan memperoleh 83.5 mata sementara Abdul Hamid bin Aji dan Mansor bin Haji Kamis masing-masing berjaya di tempat kedua dan ketiga.

Majlis tersebut juga diserikan dengan persembahan nasyid dari Kumpulan Belia Masjid Kampong Sungai Hanching sementara Kumpulan Belia Masjid Perpindahan Kampong Mentiri mempersembahkan tausiyah.

Wakil kehormat, Dato Paduka Haji Metussin menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Lapan orang belia masjid seluruh negara yang aktif mengikuti pelbagai aktiviti masjid dan menabur khidmat serta tenaga juga menerima Sijil Penghargaan Belia Masjid masing-masing.

Pertemuan Belia Masjid Senegara dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dihasratkan bagi memupuk minat para belia gemar menceburi aktiviti-aktiviti yang berkebaikan dan berfaedah.

Program itu juga sebagai usaha bagi membiasakan para belia supaya berjinak-jinak dengan masjid dan dapat mengeratkan silaturahim sesama belia, di samping memeriahkan lagi Sambutan Awal Tahun 1423 Hijrah.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



Unit Pendidikan Khas lawatan Pusat Ehsan di Kg. Bengkurong

BENGKURONG. - Seramai 40 orang guru dan pegawai dari Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kiarong, Kementerian Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di Kampong Bengkurong di sini pada 26 Mac lalu.

Rombongan itu diketuai oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop.

Pengurus Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Mohd. Yassin telah memberikan taklimatnya kepada rombongan yang melawat ke pusat berkenaan mengenai pusat itu, kemudahan-kemudahan yang terdapat di pusat itu dan masalah-masalah yang dihadapi di pusat tersebut.

Dayang Hajah Norjum memberitahu wakil PE-LITA BRUNEI mengenai tujuan lawatan mereka ke

Oleh Aliddin HM

pusat berkenaan adalah untuk meninjau lebih dekat lagi perkembangan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sana.

Di samping itu juga, katanya, tujuan lawatan itu untuk melihat dan mencari peluang-peluang untuk bekerjasama antara Unit Pendidikan Khas dengan pusat tersebut.

Beliau menambah seramai 588 orang penuntut pendidikan khas (pre-vocational) berdaftar di bawah Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan dari jumlah tersebut 80 peratus adalah terdiri daripada lelaki.

Beliau juga menjelaskan bahawa jabatannya telah menerima hanya 86 penuntut masuk ke Unit Pendidikan Khas berbanding pada tahun-tahun sebelumnya seramai lebih 100 orang.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah

Maryam ketika ini mempunyai keramaian ahli yang berdaftar seramai lebih 400 orang.

Pusat itu mula dibuka rasmi pada 1 Oktober 2000 oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.



ROMBONGAN dari Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kiarong, Kementerian Kesihatan ketika mengadakan tinjauan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PERSEMBAHAN nasyid dari Kumpulan Belia Masjid Kampong Sungai Hanching menyerikan lagi suasana Pertandingan Syarahan Belia Masjid di Majlis Pertemuan Belia Masjid Senegara Sempena Sambutan Awal Tahun 1423 Hijrah. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Kepulangan abadi

(Bahagian pertama)

OLEH FATKAM A.P.



bernada tenang itu mampu menghapuskan segala kesedihan Amiza.

Amiza tahu apa yang telah terjadi adalah suratan. Dan dia tidak salah menilai pilihannya untuk memilih Keaiman sebagai seorang suami yang akan ditemaninya sehingga ajal memanggilnya.

Keaiman sedari mereka berdua telah diduga dengan berat. Keputusan meninggalkan emak dan ayah bukanlah sesuatu keputusan yang hanya dibuat secara remeh-temeh. Syurga di bawah tapak kaki ibu dan ayahlah manusia yang bertanggungjawab untuk 'menghidupkan' mereka melihat dunia. Keaiman mengerti malah dia amat arif dengan itu semua. Tapi jika itu sudah kehendak-Nya, Keaiman dan Amiza terpaksa menempuhi segala rintangan yang mendatang. Dan kini dia juga faham akan kedudukan Amiza di sisi keluarganya yang kini hanya menumpang kasih kepada keluarga Keaiman selepas sah Amiza diijabkabulkan sebagai isteri Keaiman.

Keaiman masih ingat selepas selamat mereka diijabkabulkan, Datin Hamdiah dan Dato Aminuddin seakan tidak sudi untuk bersalam dengan mereka berdua apatah lagi mereka berpaling muka seakan tidak menerima dia sebagai menantu mereka. Perbuatan memalukan itu bukan sahaja membuatkan hati Keaiman terguris bahkan juga Amiza. Amiza menagis sejurus selepas kedua orang tuanya angkat kaki dari majlis itu. Ramai orang yang berbisik-bisik dengan keolahan kedua orang mertuanya tapi apakan daya kedua orang mertuanya lebih memandang kepada status dan kedudukan wang ringgit. Harga diri dan maruah Keaiman tercabar dengan perlakuan mereka dan semenjak hari itu dia bertekad untuk menjaga Amiza dengan sebaik mungkin dan akan sedaya upaya merubah corak kehidupannya.

"Abang, pagi esok abang tak payah hantar Iza pergi kerja, ketua Iza beri cuti selama dua hari," beritahu Amiza dengan senyuman.

Keaiman berhenti dari makannya. Dia merasa hairan. Apa mimpi Encik

Sulaiman? Lagipun isterinya itu pun bukannya senang untuk duduk diam di rumah. Macam-macam kerja dilakukan mungkin dia cuba untuk menghiburkan hatinya sendiri. Tiba-tiba Keaiman mengagak sesuatu.

"Sayang sakitkah?" ujar-nya cemas.

Amiza menggelengkan kepalanya tetapi kelihatan senyuman masih menguntum di bibirnya. Penuh misteri tetapi nampaknya sungguh membahagiakan.

"Iza hendak beritahu sesuatu kepada abang," ayat Amiza terhenti di situ.

"Apa dia," debaran Keaiman mulai teras.

Dari nada suara dan ayat-ayat yang telah diucapkan oleh isterinya itu dapat dia merasakan sesuatu yang amat menggembirakan dirinya. Tetapi apa mungkin...

"Iza ... em ... Iza ..." masih malu untuk meneruskan kata-kata.

"Betulkah?" Keaiman seakan mahu menjerit.

"Apa abang ni? Takkan itu pun dah nak menjerit?" tegur Amiza cuba untuk menunjukkan rasa kurang senangnya.

"Habis macam mana lagi .. abang tersangat gembira ni," Keaiman melompat-lompat riang seperti kera mendapat bunga.

"Tapi macam mana

abang tak dapat cuti. Iza nak ke Paris bulan ni ..." Amiza berkata sambil menyusun pinggan mangkuk bekas makan di atas meja.

Keaiman terhenti. Perasaan gembira dan riangnya hilang dengan serta-merta.

"Paris? Nak buat apa di sana?" Keaiman hairan.

"Hai takkan pergi makan angin keluar negara pun tak boleh? Sekali-sekala kita harus mengetahui bagaimana keadaan dunia di luar kawasan kita. Ya tak bang?" Amiza mengenakan suaminya.

Kalau tidak kerana ingin memberitahu sesuatu kepada Keaiman ingin benar rasanya dia ketawa sepuas-puasnya di hadapan Keaiman. Tapi biarlah ianya akan dijadikan suatu kejutan buat Keaiman nanti bila sudah tiba di kota impian Amiza. Abang, maafkan Iza, bisik Amiza di dalam hatinya.

Keaiman kembali duduk dengan wajah yang kelihatan begitu hampa dengan kata-kata Amiza.

"Eh ... mengapa dengan abang ni. Dah ... dah ... dah lebih baik abang tolong Iza lapkan meja ni, biar Iza ke dapur," pinta Amiza dengan lembut.

Aduhai, isteriku sayang, rupanya itu yang ingin kau sampaikan. Ingatkan apa tadi ... Keaiman tersenyum malu setelah mengetahui cerita yang sebenar tambahan lagi dengan sambutan yang diperlihatkan kepada Amiza akibat salah anggapan tadi.

Sungguh dia menyangka Amiza sudah pun berbadan dua. Tapi tak apa, walaupun penantian itu satu penyiksaan, berkat kesabaran tentu akan tiba juga apa yang diidamkan. Dengan muka tebal dia melangkah menyusul Amiza di dapur.

Terasa akan perjalanan ke kota impian Amiza itu sungguh meletihkan. Walaupun pertukaran pesawat hanya berlaku sebanyak tiga kali tetapi Amiza seakan tidak terdaya lagi untuk turun naik. Mungkin kerana dia duduk terlalu lama dalam pesawat membuatkan punggung dan tulang belakangnya terasa lenguh.

Keaiman sesungguhnya beruntung kerana cutinya diluluskan walaupun dia memohon cuti tersebut disaat-saat akhir tarikh pemer-

gian mereka. Iskandar, rakan kongsi untuk menubuhkan syarikat milik mereka berdua telah memberikan kelulusan tanpa bicara panjang. Syukur alhamdulillah, perniagaan yang baru mekar itu diberkati Allah.

Syarikat itu telah berkembang maju dalam masa enam bulan. Cawangan kedua syarikat akan dibuka pada bulan hadapan dan cawangan yang bakal lahir itu akan diserahkan hak penajagaan sepenuhnya kepada Keaiman. Keaiman benar-benar bersyukur dengan kurniaan Allah. Nampaknya rezeki untuknya semakin murah dan masa hadapannya pun juga semakin cerah semenjak dia telah mendirikan rumah tangga dengan Amiza. Amizalah pendorong utama dirinya untuk melangkah ke hadapan untuknya menyalut segala dugaan dan cabaran. Amizalah teman setia di saat dia dilanda kedu-kedua dan ketika di dalam kegemilangan.

Keaiman memandang wajah Amiza. Tenang. Sinar keikhlasan dan kejujuran terpancar dari raut wajahnya. Pemilik wajah itu ... ah amat sukar bagi Keaiman tafsiran. Wanita seperti Amiza hanya dilahirkan satu dalam sejuta. Dan ini membuatkan Keaiman berasa bertuah. Bertuah yang amat sangat.

Kebisingan di kota Paris kian terasa. Amiza tersenyum puas menggambarkan perasaan gembira waktu itu.

"Hajat sayang sudah sampai. Abang belum lagi," bisik Keaiman mesra.

Amiza menjeling seraya tersenyum manja.

"Mungkin tak lama lagi hajat bang pula yang akan sampai," balas Amiza spontan.

Keaiman memandang tepat ke wajah Amiza. Apakah betul yang dikatakan Amiza? Keaiman mendiamkan diri. Tidak mahu pisang berbuah untuk kedua kalinya.

Sesampai di bilik hotel, Keaiman terus merebahkan diri di katil. Baru kini dia terasa letih. Amiza membuka langsir dan pemandangan kota Paris kelihatan sungguh indah tambahan mereka sampai setelah matahari turun. Terang benderang suasana di situ. Menara Eiffel dipandang Amiza dengan pandangan yang menakutkan. Di hati ingin rasanya dia pergi pada saat itu juga tetapi ... dia menoleh. Keaiman sudah terlelap. Amiza tersenyum. Kasihan. Dia melangkah mendekati suaminya. Diusapnya rambut Keaiman dan ciuman diberikan di dahinya. Keaiman tersedar. Dia menggeliat dan terus meluk Amiza.

"Malam nanti kita ke mana?" Keaiman bertanya lembut sambil tangannya mengoles punggung Amiza.

Amiza menggeleng. "Iza tak mahu ke mana-mana malam ini. Iza nak dengan abang saja," ujarnya manja.

"Eiikk, dalam setahun ini sayang dengan siapa?" sindir Keaiman bergurau.

"Iza tabulah dengan abang," pintas Amiza seakan merajuk.

Suasana hening seketika. "Tapi kali ni lain sedikit. Kita dah ada teman," sambungnya dengan nada yang perlahan.

Amiza berdiri menuju ke beranda. Angin malam di sana amat menyegarkan.

Lihat muka 13

**AMIZA menggelengkan
kepalanya tetapi kelihatan
senyuman masih menguntum
di bibirnya. Penuh misteri
tetapi nampaknya sungguh
membahagiakan.**



PUISI

TITIAN MINDA

Medan pertempuran minda
pemikiran kreatif, kritis dan analitis
semuanya dilagakan
pelbagai persepsi diutarakan
pelbagai ideologi didedahkan
pelbagai perspektif ditunjukkan
pelbagai kesimpulan dibuat
tiada kalah tiada menang
cuma yang pasti
generasiku tidak bisu.

MELAYU UNGGUL

Melayu terakhir?!
Hilam!
mengaburkan!

Inovasi!
Melayu harus dinamik
kemodenan harus dimelayukan
Melayu itu unik.

Anjakan paradigma!
Melayu harus terima globalisasi
dengan keutuhan jati diri
kekuatan iman.

Adaptasi!
belajar kehebatan bangsa lain
asaikan masih di atas landasan Islam
harus dipupuk, disemai, dijaga.

Bergemalah laungan generasiku!
biar ia terbit di ufuk timur
bersinar! bersinar!
bak mentari di waktu pagi
bak bulan di waktu malam.

REALITI

Kecantikan itu ilusi
hanya segelintir mengetahui
isi hati dicari
tidak ramai menyedari
titik bumi kupijak ini
satu lakonan di meja realiti.

KECUNDANG

Di persada ini
kita harungi
pahit manis kita rasai
namun kecewa juga kita hadapi.

Jangan tunduk!
kekalahannya itu uji ketabahan.

Kita masih muda!
harus bersemangat!

Bangunlah!
kecundang itu satu permulaan
satu permulaan dalam kejayaan.....

Nahmy

WARKAH TERAKHIR

Kertas biru muda
katotap lama
ikrar setia di sisi
tiba ketika kau berlalu jua
lemparkan daku dengan kedukaan.

Hatimu goyah diam badai
langkahmu limbung
diterpa angin.

Terlerai janji bersama warkah
katamu
nyata kita tiada berjodoh.

Pergilah
ku tak perlu insan sepertimu
goyang didera pujukan gemalai
pergilah bersama warkah terakhirmu.

MISKIN

Tertatih-tatih
si miskin
melangkah lesu
mendongak langit yang cerah.

Masihkah ada yang menghulur
secebis simpati dan pengertian
atau sekadar mencebik jikir
mencemooh geli.

Pinta si miskin
tika saatnya berlalu
moga bumi terima dengan gembira
msikin di dunia fana
moga sejahtera di akhirat nanti.

Non

HUJAN

Hujan semakin turun dengan lebatnya
tak berhenti-henti menghalang
perjalananku
tiba-tiba kuterkenang di musim senja
di Pantai Seri Kenangan
bersama kawan-kawan
tiba-tiba hujan turun
dengan lebatnya
rambutku
bajuku
dan nasibku
habis basah ditimpa hujan
kemudian kupandang
kawan makan nasinya
sampai habis tidak ada-apa
lalu kuberbisik di dalam hati
sambil mengeluh memandang
laut menyusur Pantai Seri Kenangan
kenapa ku seorang ditimpa hujan
hujan oh hujan
mengapa sering mengejar bayangku.

Ami. JA

TUGU

Tugu kasih tiada tepi sempadan
menghambat jiwa
menghambat raga
nelayan tua tetap setia.

Tugu menunggu mangsa
menanti ketibaan nelayan tua
yang memerah keringat
mencari sekilo dua tangkapan.

Ah anak di rumah siapa nak beri makan
kalau tugu tak dilabuhkan
hari ini pasti banyak tangkapan
rezeki yang tidak ketentuan.

Kelmarin berita sedih
nelayan dipukul ombak
mayatnya hilang entah ke mana
anak di rumah menangis menanti
keputingannya.

Apakah ini tanda kurang syukur kepada
Ilahi
disuruh taubat mengharap keampunan
hari raya takbir bergema
tapi sebaliknya tangis pilu pula yang
menjelma.

Sudah takdir barang kali nasib nelayan
begini
orang berhari raya mereka berduka
atau tidak mensyukuri nikmat yang ada
hanya diingat tugu mesti dilabuh
mencari sesuap nasi dan untuk membantu
keluarga.

Tugu tugu tugu
namamu tetap tegak
setegak monumen pejuang kemerdekaan
yang berjasa kepada negara
harapan tetap padamu untuk menegakkan
cinta dan kasih sang nelayan tua.

Helmi Halim

Dari muka 12

Lampu-lampu kian berge-
merlapan dan suasana se-
makin riuh-rendah dengan
bunyi keriuhan kota. Ke-
aiman hairan. Benarkah?
Dia mengikut Amiza.

"Dah abang sediakan
nama untuk anak kita
nanti?" tanya Amiza tiba-
tiba tersenyum dalam gem-
bira.

Keaiman seakan terga-
mam.

"Anak kita? Sayang ja-
ngan nak main-mainkan
abang." Keaiman masih ti-
dak percaya.

"Kalau Iza tipu abang,
buat apa Iza sanggup minta
abang temankan Iza bercuti
sampai sejauh ini," balas
Amiza.

"Ye ke abang akan jadi
seorang ayah. Betul ke??
Betul ke???" Kegembiraan
Keaiman semakin tidak
dapat dibendung. Semakin
sukar digambarkan.

"Dan Iza akan jadi seor-
ang ibu tidak lama lagi ..."
ujar Amiza turut sama
meraikan kegembiraannya
dengan Keaiman.

"Mengapa sayang tak
beritahu abang awal-awal.
Sayang tahukan selama ini
abang amat menantikan
saat-saat ini," kata Keaiman
terus memeluk Amiza.

"Saja nak tengok reaksi
abang," senyum penuh
makna Amiza berikar.

"Dah berapa minggu?
tangannya singgah ke perut
Amiza lantas diusap-usap-
nya

"Bukan minggu bang ...
dah masuk dua bulan lebih
..."

"Tak sabar rasanya
abang nak sambut kelahiran
orang baru kita."

"Apa abang ni ... dah
nak yang bukan-bukan
pula."

"Habis tu ... takkan dia
terperuk saja di dalam tu."

"Sabarlah ... apalah
orang tua ni."

"Eik ... kita pula yang di-
katakan dah tua. Kita sama-
sama tua tau," gelak ketawa
kedegaran. Kemesraan
kian terukir.

"Tahniah Man. Jagalah
Amiza dengan baik. Mak-
lumlah mengandungkan
anak sulung ni banyak kare-
nanya. Kau kenalah ba-
nyak bersabar," ujar Is-
kandar tumpang gembira.

"Terima kasih Dar.
Insya-Allah. Setakat ni be-
lum pula Amiza meminta
yang bukan-bukan. Cuma
..."

"Cuma apa?"

"Biasalah, bila dia ajak
jalan, aku rasa kau dapat
agak mana dia nak aku bawa
pergi," Keaiman berteka-
teki.

Iskandar tersenyum.

"Alah, macamlah aku
tak tahu pula. Tentulah pergi
membeli-belahkan."

"Tepat sekali tekaan
kau."

"Kau ni Man, dah lum-
rah alam menjadikan kaum
perempuan ni cepat perasa
orangnya. Lebih-lebih lagi
bila berada di dalam suasana

begini. Naluri mereka amat
berbeza dari kaum kita lela-
ki. Kalau buat persiapan,
persediaan merekalah yang
nombor satu," terang Is-
kandar seakan arif dengan
karena kaum wanita.

"Eh ... mana kau dapat
semua maklumat ni Dar?
Bila masa pula kau ada
isteri?" gurau Keaiman sete-
lah mendengar keterangan
dari Iskandar tadi.

"Kau ni Man ... bukan
kau tak tahu aku ni anak
bungsu merangkap anak
lelaki tunggal dalam kelu-
arga aku. Perangai kelima-
lima kakak aku tu sudah
cukup untuk aku dijadikan
sebagai panduan. Mereka
bukankah rapat dengan aku
... tentulah banyak yang aku
tahu dari mereka," Iskandar
menyambung lagi kata-
katanya.

"Lupa pula aku nak
tanya. Anak kau yang bakal
lahir ni nanti apa baby boy
ke atau baby girl?" tanya
Iskandar sambil mengaru-
garu kepalanya yang tidak
gatal.

"Entahlah Dar, kata dok-
tor anak lelaki," beritahu
Keaiman.

"Baguslah ... ada juga
teman kau main bola,"
seloroh Iskandar.

"Macam-macam kau
ni."

"Engkau Man jangan
suruh Amiza tu buat kerja
yang berat-berat. Buat masa
ni mak rasa baik kau tolong-
tolong dia buat kerja di
rumah ni. Nanti kalau dia
jatuh, teruk pula nanti ja-
dinya," leter Mak Inah, ibu
Keaiman.

Keaiman hanya men-
gangguk. Dia sibuk mem-
buat pengiraan untung rugi
syarikat. Sekarang sudah
hampir hujung tahun. Dia
ingin cepat menghabiskan
kerja sebelum Amiza balik.
Barulah ada masa untuk
bersama.

"Cubalah kamu berdua
ambil pembantu rumah. Se-
nang sedikit urusan kamu
berdua. Amiza pun bukan-
nya mahu berhenti bekerja,"
sambung Mak Inah.

Keaiman terhenti seben-
tar. Dia mengambil nafas
dalam-dalam. Mungkin un-
tuk melegakan ketegangan
yang berserabut di fikiran-
nya. Lenguh rasa jari-jema-
rinya menekan punat-punat
mesin pengira.

"Bukan dia tak mahu
berhenti mak. Cuma dia fikir
masa kemudian nanti. Masa
ni pun bukannya mak tak
tahu. Zaman persaingan. Bu-
kan senang nak cari dan
dapat kerja yang bersesuaian
dengan minat dan kehendak
kita," terang Keaiman sam-
bil meneruskan pekerjaan-
nya.

Mak Inah menggeleng-
gelengkan kepalanya. Tapi
jauh di sudut hatinya me-
mang membenarkan kata-
kata anak lelakinya itu. Masa
ni banyak juga yang sibuk
mencari pekerjaan dan
banyak juga yang mengang-
gur. Tapi yang lebih meng-
hairankan kaum perempuan
pula yang sudah bertambah

"MENGAPA sayang tak beritahu abang awal-awal. Sayang tahukan selama ini abang amat menantikan saat-saat ini," kata Keaiman terus memeluk Amiza.

dengan peratus memiliki
pengajian yang tinggi
berbanding dengan kaum
lelaki. Ini membuatkan
kaum perempuan lebih layak
untuk dipilih sebagai pekerja
berbanding dengan kaum
lelaki. Entah apa dah jadi
dengan dunia ni ... kaum
perempuan terperuk di peja-
bat, kaum lelaki pula terpe-
ruk di rumah. Mak Inah
menghembus nafas perla-
han-lahan. Syukurlah anak
lelaki dan menantunya ada
keinginan untuk memajukan
diri mereka. Lagipun tak
juga rugi mak bapa berikan
peruntukan lebih dalam pen-
didikan jika hasilnya kemu-
dian dapat diraih.

"Mak tahu, tapi nasi-
hatkanlah dia jangan bekerja
teruk sangat. Nanti tergangu
pula kesihatannya. Dia tu
hamil anak sulung. Berhati-
hatilah sikit."

"Terima kasih atas nasi-
hat mak. Keaiman rasa
Amiza tentu lebih tahu apa
yang dia sedang lakukan.
Mak janganlah risau sa-
ngat."

"Bukan apa Man, mak
kasihankan dia. Kerana kau,
dia jauh dari keluarganya
kalau ada apa-apa yang ter-
jadi, kita juga yang tang-
gung susahnya. Mak sa-
yangkan dia sama macam
dengan anak mak sendiri.
Amiza tu dah banyak ber-
susah kerana ingin menjadi
isteri kau. Kau patut hargai
pengorbanannya tu."

"Man tahu mak. Selama
nipun Man tak pernah abai-
kan dia. Dialah satu-satunya
buah hati Man."

"Eh ... mak mana pula
kau simpan Man," Mak Inah
seakan tidak mahu meng-
alah.

"Alah mak ni, Man pun
sayangkan mak tapi Man le-
bih sayangkan Amiza kerana
dialah teman hidup selagai
hayat ni ada mak," jawabnya
berterus terang.

"Baguslah kalau macam
tu. Begitulah anak mak,"
Mak Inah seakan senang hati
dengan jawapan Keaiman.

"Alamak ... tak lama lagi
dia nak balik. Man pergi
buat air dahulu ye mak ..."
Keaiman bergegas bangun
dari tempat duduknya.

"Eh tak payah. Mak dah
buat tadi. Kau tu bukannya
boleh diharap sangat. Dari
dahulu sampai sekarang pe-
lupa kau tak tak pernah hi-
lang," sindir Mak Inah lagi.

"Maaflah mak, Man ten-
gah sibuk ni," ujar Ke-
aiman seakan mengakui ke-
silapannya.

Tiba-tiba kedegaran bu-
nyi deruman kereta masuk di
perkarangan rumah teres dua
tingkat itu. Tentunya Ke-
aiman dan Mak Inah dapat
mengagak siapa yang
datang.

"Tu pun Amiza balik
mak, sebentar ye," Keaiman
meminta izin dan pergi
mendapatkan Amiza.

Mak Inah pula masuk ke
dapur, menyediakan minum-
an petang mereka.

"Eh ... mak bila sam-
pai?" tanya Amiza dengan
girang, terus menyalam tan-
gan ibu mertuanya.

"Tadi tengah hari," ja-
wab Mak Inah dengan se-
nyuman. Kasih sungguh dia
dengan menantunya yang
seorang ni. Sombong tidak,
hormat pula pada orang tua.
Baik budi pekertinya.

"Hish, mengapa mak tak
beritahu awal-awal boleh
juga kami jemput mak di
kampung. Ni ... mak ke yang
sediakan minuman petang
ni? Tak usahlah buat kerja-
kerja macam ni mak. Biar
Iza saja yang buat," Amiza
berkata seakan rasa tidak
senang bila melihat ibu mer-
tuanya ingin menuangkan
air.

"Tak apalah Iza, kau tu
perlu berehat. Sementara mak
ada di sini, kau tak usah ri-
sau sangat dengan makan
minum kamu. Mak akan to-
long uruskan," ujar Mak
Inah separuh simpati.

"Alah mak, bukannya
berat sangat. Amiza masih
mampu buat kerja-kerja
macam ini," bantah Amiza
perlahan.

"Tak apa, yang bakal
lahir ni nanti adalah anak
kamu pertama dan cucu bagi
kedua belah keluarga, mak
mahu dia sihat."

"Eh mak, takkan itu aje.
Man mahu dia kakak seperti
ayahnya dan cantik seperti
ibunya," tokok Keaiman
pula yang bernadakan
gurauan.

"Abang ni ke situ pula,"
tegur Amiza malu-malu.

Mak Inah merasa baha-
gia melihat kemesraan ke-
dua suami isteri itu. Dia
kembali terkenang di waktu
dia dan ayah Keaiman masih
baru dalam alam perkah-
winan apatah lagi ketika
hendak menyambut keda-
ngan orang baru di antara
mereka berdua. Betul kata
orang, perhubungan suami
isteri akan menjadi semakin
erat selepas lahirnya cahaya
mata hasil dari perhubungan
yang sah dan diredai oleh
Allah.



ستتياسر برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 17 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	JIM BUTTON
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.35	WILDLIFE ADVENTURES - 'March On The Crabs'
5.45	BERITA
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	WANITA - Ulangan
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: 'Tersayang'
9.25	MUTIARA HUTAN - 'Flora Hutan Camouran Dipterap'
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA STV 12 - 'Phua Chu Kang'
11.00	MASTER OF ILLUSION
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 18 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: 'Little Mouse On The Prairie/Sang Wira'
5.15	MEDICAL SCIENCE
5.45	BERITA
6.27	AZAN MAGHRIB

6.45 FIQHUL MIRATHS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	GEMA ISLAM
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: DI LUBUK HATINYA
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Cable Guy'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 19 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	TAMAN SARI
11.30	BERITA
11.40	HOME GREEN HOME
12.15	DISCOVER ISLAM
12.30	SEMBAHYANG FARU JUMAAT- Siaran Langsung

PETANG

1.30	DINUL ISLAM
2.00	SUKAN
	ANTARABANGSA - Memori Piala Dunia 1998
2.30	DINAMIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI 'Homeward Bound'
3.29	AZAN ASAR
4.35	ANIMATION HOUR: VOLTRON: DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA
5.30	TECHNOLOGY WORLD
5.45	BERITA
6.00	AT TAHZIB
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	AN NAZHFAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	DEKOR
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA CO PRODUCTION: ASAM GARAM
9.30	HEALTH WORKS
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAWA - 'Ima dan

Wati'
12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 20 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR: Anak-anak Sidek/Tic Tac Toons
11.00	SCIENCE INSIGHT
11.30	BERITA
11.40	DRAMA CO PRODUCTION: CATATAN MISTERI - Ulangan
12.21	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI TEMPATAN: GAYA HIDUP - 'Setitik Peluh - Ulangan

PETANG

1.15	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Jump Cut'
2.45	DOKUMENTARI TEMPATAN - 'Majlis Ulang Tahun Ke-5 Kampung Kita' - Ulangan
3.15	COMBAT MISSION
3.32	AZAN ASAR
4.15	SPORTWORK
5.00	ANIMATION HOUR: Jin Jin & The Panda Patrol/Care Bears
5.45	BERITA
5.55	UNEARTHED
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	DARI MAHKAMAH KADI

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	KLINIK KITA
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN Hujung MINGGU - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'All Night Long'
01.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 21 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN

6.10 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 SESAME STREET
11.15 KLIK! KLIK! KLIK!
11.30 BERITA
11.40 SUNDAY MATINEE - 'Everyone's Talking'

12.21 AZAN ZUHUR
12.28 SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - PREVIEW
1.50	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002
2.50	PERTUKARAN RANCANGAN RTB/STV 'Konsert Mesra'
3.33	AZAN ASAR
4.15	ANIMATION: Tom And Jerry Kids III/Professor Thompson
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.35	MUSLIMS OF THE WORLD
5.45	BERITA
6.15	DISAPPEARING FRONTIERS
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	LANTERA

MALAM

7.00	ZIHNUH ISLAM
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Permintaan Terakhir'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	BEYOND CHANCE - Siri Baru
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 22 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN

5.15 ANIMATION HOUR: Hulk Hogan's Rock 'N' Wrestling/Restrol The Special Rescue Squad
5.15 SUKAN GLOBAL
5.45 BERITA
5.55 CUTTING EDGE
6.27 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	INSTITUSI KEWANGAN ISLAM
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: MUTIARA
9.25	KU CARI BINTANG - Siri Baru
10.00	NEWS AT 10
10.30	BIZARRE
11.00	ALTERNATIVES UNCOVERED - 'Studying Alternatives'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 23 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR - Dragon Tales
4.35	FILLER
4.50	STINGS, FANGS & SPINES - Siri Baru
5.45	BERITA
6.05	DRAMA CO PRODUCTION: MANIS BERPESAN - Ulangan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	COSBY - 'Florida'
7.25	DOKUMENTARI - 'Zapin'
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	KAMPUNG KITA
9.25	ELEMENTS
10.00	NEWS AT 10
10.30	ADRENALIN JUNKIES
11.15	FIRE
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT



10 pegawai ABDB naik pangkat

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenan kenaikan pangkat bagi seramai 10 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pemerintah Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz telah menyempurnakan Majlis Kenaikan Pangkat itu pada 29 Mac lalu di Mess Pegawai Bolkiah Garrison.

Oleh Samle Haji Jait

Kenaikan pangkat itu adalah bagi tujuh orang Pemangku Leftenan Kolonel yang dinaikkan pangkat ke Leftenan Kolonel.

Mereka ialah 165 Pe-



TIGA dari sepuluh pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diperkenankan kenaikan pangkat bermula 29 Mac lepas. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Hayati erti Hijrah

BERAKAS. - Para pegawai dan kakitangan kerajaan di Jabatan Perkhidmatan Pos diseru agar da-

PEREMINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar ketika menyempurnakan kenaikan pangkat kepada seorang Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Kiri). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Oleh
Ak. Jefferi PD

pat menghayati erti Hijrah dan seterusnya memahami sejarah mengenai Hijrah.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Mohamad Ali yang juga selaku Pengerusi Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423 dan seterusnya diselajurkan dengan Doa Kesyukuran Jemaah Haji jabatan tersebut.

Majlis berlangsung pada 30 Mac lepas bertempat di Bilik Latihan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Memproses Surat dan Bungkusan di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Dalam ucapannya, beliau juga menyeru agar kakitangan dan para pegawai di jabatan tersebut bukan hanya dapat menghayati erti Hijrah yang sebenar tetapi juga dapat melakukan amalan-amalan yang berfaedah dan berkebaikan, sekali gus dapat menjadikan jabatan terse-

but sebagai jabatan contoh kepada jabatan-jabatan kerajaan yang lainnya di dalam melakukan keba-jikan serta perkara-perkara amal.

Majlis tersebut diserikan dengan ceramah oleh Ustaz Haji Maimun Aqsa bin Abidin Lubis, Pensyarah Institut Pengajian Islam Hassanah Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Hadir sama di majlis yang penuh keberkatan itu ialah Ketua Pos Agung, Awang Haji Saji bin Haji Mudin.



CERAMAH Hijrah disampaikan oleh Ustaz Haji Maimun Aqsa bin Abidin Lubis, Pensyarah Institut Pengajian Islam Hassanah Bolkiah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1423 anjuran Jabatan Perkhidmatan Pos. - Gambar oleh Harun HR.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Apakah tema Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Coolum, Queensland baru-baru ini?
 - 'Komanwel Di Abad Ke-21 : Membanteras Keganasan Global'
 - 'Komanwel Di Abad Ke-21 : Kesenambungan dan Pembaharuan'
 - 'Komanwel Di Abad Ke-21 : Bersatu Mengekalkan Keamanan'
- Berapakah tan kargo kontina bagi import dan eksport yang dikendalikan oleh Pelabuhan Muara pada tahun 1985?
 - 697,189 kargo tonnage
 - 2,379,411 kargo tonnage
 - 1,473,737 kargo tonnage
- Apakah tajuk Seruan Suci keluaran PELITA BRUNEI 30 Januari 2002?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadirkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 27 Mac 2002.
- A 2 A 3. Memperkasa Keupayaan Bangsa

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 27 MAC 2002

NURUL NATASHA BINTI HAJI MOHAMMAD,
NO. 3, SIMPANG 41 - 48,
KAMPONG KIULAP, BE 1518.
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH RENDAH KIARONG

SITI NORHAZIRAH BINTI HAJI ZAIN,
NO. 221, KAMPONG KULAPIS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BG 2521.
UMUR : 13 TAHUN
SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HUSIN,
JERUDONG

AWANGKU MUHAMMAD BIN PENGIRAN
HAJI NIKMAN
NO. 9, SIMPANG 941,
KAMPONG PENGKALAN GADONG, BC 3719.
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH SAINT ANDREWS

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 525

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 525,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tindakan akan diambil ke atas pemandu yang enggan patuhi peraturan



PEMANGKU Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Haji Hallid bin Pengiran Haji Mohammed (empat dari kiri) ketika berucap di Majlis Taklimat Media Pelancaran Kempen Kesedaran Mengenai Keselamatan Di Stesen-stesen Minyak yang diselenggarakan bersama Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell. - Gambar oleh Masri Osman.

Oleh Haji Ahmad HS

GADONG. - Tindakan akan diambil ke atas pemandu-pemandu yang enggan mematuhi peraturan di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 Seksyen 37 (2) dengan menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$2,000.00 bagi kesalahan pertama dan dipenjara sehingga enam bulan dan denda \$4,000.00 bagi kesalahan kedua.

Tindakan juga dikenakan kepada pemandu-pemandu ketika mengisi minyak tanpa mematikan enjin kenderaan atau menyalakan api selain daripada api elektrik di dalam kenderaan ataupun mengisi minyak kenderaan pengangkutan awam semasa membawa penumpang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Haji Hallid bin Pengiran Haji Mohammed ketika berucap di Majlis Taklimat Media Pelancaran Kempen Kesedaran Mengenai Keselamatan Di Stesen-stesen Minyak berlangsung di sebuah hotel di sini pada 4 April lalu.

Kempen tersebut diselenggarakan bersama oleh pihak Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell.

Pengiran Haji Hallid seterusnya berkata, pihak majlis amat menitikberatkan aspek-aspek keselamatan bagi pemandu-pemandu kenderaan khasnya dan pengguna-pengguna jalan raya umumnya.

Ini jelasnya termasuklah di tempat-tempat awam seperti stesen-stesen minyak sebagai tempat yang ditujui oleh orang ramai untuk membeli dan mengisi minyak kenderaan.

Menurutnya lagi, keselamatan di stesen-stesen minyak mestilah diberi perhatian yang sama seperti keselamatan di jalan raya kerana aktiviti-aktiviti di stesen minyak adalah juga terbukti membawa risiko-risiko yang boleh mengakibatkan kepada pelbagai jenis kemalangan dan seterusnya kecederaan atau kematian.

Ke arah itu, Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell mengambil inisiatif melalui kempen itu dengan memperlihatkan bahaya yang boleh mengundang kecelakaan semasa mengisi minyak kenderaan ketika enjin masih hidup, merokok dan menggunakan telefon bimbit.

"Di samping itu Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell akan memperkenalkan beberapa peraturan 'Do's dan Don't' semasa mengisi minyak di stesen-stesen minyak," katanya.

Menurutnya lagi, kempen tersebut akan dijalankan bukan hanya dalam jangka masa yang singkat atau terhad, malahan akan berterusan supaya orang ramai akan sentiasa sedar dan ingat mengenai keselamatan di stesen-stesen minyak di masa akan datang.

Agensi-agensi kerajaan yang akan terlibat bagi sama-sama menjayakan kempen tersebut ialah Jabatan Pengangkutan Darat, Unit Petroleum, Jabatan Polis Diraja Brunei, Kementerian Undang-Undang dan Persatuan Pemilik dan Pengusaha Stesen-stesen Minyak.

Wakil-wakil media yang hadir dalam majlis taklimat tersebut turut mendengarkan beberapa penerangan mengenai matlamat kempen tersebut yang disampaikan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell. Di samping itu para wartawan juga diberi kesempatan mengajukan soalan dalam sesi soal jawab bersama pegawai-pegawai kerajaan dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell.

Dalam sesi taklimat itu, para wartawan turut diminta untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan kempen tersebut sesuai dengan tugas dan peranan media sebagai penyampai maklumat, sama ada melalui media cetak atau elektronik.

Kami Memeduli Keselamatan Awda

Patuhi peraturan keselamatan di stesen-stesen minyak

Tabiat Yang Tidak Selamat

Satu sumber cetusan api atau api dari rokok yang menyala atau pemetik api boleh memaraskan wasap-wasap bahanbakar yang mungkin akan mengakibatkan kebakaran atau letupan.



JANGAN MEROKOK

Tindakan Yang Merbahaya

Cetusan api dari enjin yang dibiarkan hidup atau ekzos kereta boleh memaraskan wasap-wasap bahanbakar di stesen-stesen minyak yang mungkin akan mengakibatkan kebakaran atau letupan.



MATIKAN ENJIN

Risiko Telefon Bimbit

Telefon bimbit menggunakan bateri yang berkuasa tinggi. Punat kunci atau pendering boleh mengeluarkan cetusan elektrik dalam jumlah yang sedikit, tapi cukup untuk menyalakan wasap-wasap bahanbakar. Ia mungkin mengakibatkan satu letupan atau kebakaran yang akan mencederakan tubuh badan atau menyebabkan kehilangan nyawa.



MATIKAN TELEFON BIMBIT

Apa kata undang-undang?

Keselamatan di Stesen-stesen Minyak telah digabungkan ke dalam undang-undang:

Akta Lalulintas Jalan Raya, Bab 68

Seksyen 37

(2) Sesiapa yang

- Mengisi minyak ke dalam mana-mana kenderaan, sedangkan enjin kenderaan itu masih hidup, atau manakala mana-mana lampu selain lampu elektrik, menyala dalam kenderaan tersebut; atau
- Mengisi minyak ke dalam mana-mana kenderaan awam, manakala penumpang ada di dalamnya;

Akan didakwa sabit kesalahannya.

- Sesiapa yang sabit kesalahannya akan didenda sebanyak B\$2,000 dan sekiranya didakwa untuk kedua kali atau seterusnya, akan dihukum penjara 6 bulan dan bayaran denda sebanyak B\$4,000.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Syarikat Pemasaran Brunei Shell no. tel. 02-244739, 02-220968

Satu kempen bersama oleh:



Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



Syarikat Pemasaran
Brunei Shell



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/2/2002

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk membersihkan bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan hendaklah dimasukkan tawaran berkenaan ke dalam Peti Tawaran Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 29 April 2002 jam 12.00 tengah hari.
3. Tawaran yang lewat diterima dan tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
4. Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Di sebelah atas sudut kiri sampul surat hendaklah dituliskan nama 'TAWARAN PEMELIHARAAN BANGUNAN IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA BRUNEI'.
5. Wang cagaran sebanyak \$500.00 hendaklah dibayar di Bahagian Pembayaran, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Wang ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya setelah meng-

hantar tawaran-tawaran yang jujur (bona fide tender).

6. Tawaran ini adalah untuk tempoh dua tahun (mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani).
7. Syarat-syarat tawaran dan penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada Bahagian Logistik (Penolong Penguasa Kastam), Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

SYARAT-SYARAT TAWARAN PEMELIHARAAN BANGUNAN IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pemborong hendaklah melaksanakan kerja-kerja tersebut mengikut keperluan-keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual Lingkungan Kerja. Tempoh kontrak ini ialah untuk selama dua tahun mulai tarikh surat perjanjian ditandatangani.
2. Bagi pelaksanaan kerja seperti yang diperlukan, Kerajaan akan membayar Pemborong secara bayaran bulanan yang akan diluluskan setelah tawaran diberikan.
3. Pemborong adalah tidak berhak untuk menyerahkan kerja tersebut kepada satu pihak yang lain (sub-contract) bagi pelaksanaan semua atau mana-mana bahagian kerja tersebut.
4. Pemborong hendaklah melaksanakan kerja tersebut dengan penuh kecekapan dan teliti dan mengikut/berdasarkan amalan dan taraf kerja yang baik dan selamat.
5. Pemborong hendaklah mengadakan atas perbelanjaannya sendiri semua barang-barang yang diperlukan melaksanakan kerja tersebut (termasuklah tanpa batasan (had), tenaga buruh, karung-karung sampah, peralatan dan bahan-bahan pembersih yang diperlukan dan lain-lain).
6. Kerajaan adalah berhak pada bila-bila masa jua pun untuk memerintahkan dengan notis bertulis:
 - a) Penggantungan kerja-kerja; dan
 - b) Sebarang perubahan terhadap kerja-kerja yang dalam bidang keupayaan dan sumber-sumber Pemborong.

7. Pemborong hendaklah mengganti-rugi dan tidak akan merugikan Kerajaan dan Kakitangan terhadap apa jua kerugian atau kerosakan harta benda yang dipunyai oleh semua orang dan/atau semua kecederaan termasuk kecederaan teruk atau penyakit terhadap semua orang yang bersabit daripada atau berkaitan dengan pelaksanaan kontrak ini dan disebabkan oleh kecuai atau kaedah kerja yang tidak betul atau lain-lain kesalahan pihak Pemborong. Dan Pemborong hendaklah menjamin semua pegawai/kakitangan di setiap bahagian dalam Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, orang ramai yang masuk ke bangunan ini daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau mengalami kecederaan disebabkan keadaan licin permukaan lantai yang telah dikilatkan yang termasuk dalam kerja tersebut sepanjang tempoh kontrak ini.
8. Penggunaan api elektrik dan air tidak akan dikenakan sebarang bayaran.
9. Pemborong yang berjaya hendaklah mengadakan perkara-perkara seperti berikut:
 - (a) Seorang Pengawas (Supervisor) yang boleh bertutur dalam Bahasa Melayu.
 - (b) 'Uniform' kepada pekerja-pekerjanya yang mudah dikenali.
 - (c) Mengadakan senarai pekerja-pekerjanya.
 - (i) Nama;
 - (ii) No Kad Pengenalan;
 - (iii) Kerakyatan;
 - (iv) Jawatan;
 - (v) Umur
 - (d) Waktu melaksanakan tugas hendaklah menurut kehendak tuan punya bangunan.
10. Sebelum sebarang kerja dilaksanakan Pemborong hendaklah memuassakan hati pihak Kerajaan dengan menyediakan/mengadakan polisi-polisi insurans yang perlu.
11. Undang-Undang Kontrak yang digunakan diperjanjikan ini adalah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.
12. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pasport pemilik.
13. Pemborong hendaklah menyertakan salinan resit bayaran deposit.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/04/2002

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Tawaran
UBD/E8/04/2002	RE-ROOFING WORKS FOR GYMNASIUM, INDOOR SPORTS COMPLEX, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM	Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 29 April 2002.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi dan 1.30 petang - 2.30 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/08

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI : 'TO SUPPLY AND INSTALL 200 UNITS OF CHAIRS AT DEPARTURE HALL FOR TERMINAL COMPLEX, AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI TO SUPPLY AND INSTALL 200 UNITS OF CHAIRS AT DEPARTURE HALL FOR TERMINAL COMPLEX, AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI DARUSSALAM. Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/08 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang, hari Isnin 6 Mei 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan cagaran sebanyak \$25.00 tidak akan dikembalikan.
5. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, Negara Brunei Darussalam melalui telefon 02-330142 atau 332337 sambungan 1484, atau melalui faks : 02-331772.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIDANG KERJA BAGI PEMELIHARAAN HARIAN BANGUNAN IBU PEJABAT KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, DI JALAN MENTERI BESAR DALAM DAN LUAR BANGUNAN:-

- Lantai dasar, Tingkat 1, 2, 3, 4 & Blok B.
(lantai, tangga, siling, dinding, diffuser hawa dingin, langsir, lampu, kapet, alat perabot, tandas, papan tanda, lif, rail tangga, dapur, cermin jendela dan letak kereta serta kawasan).
- a) Membersihkan dan menggilap basah lantai jubin setiap hari, mencuci, melicin dan menggilap lantai jubin setiap hari.
 - b) Membersihkan tangga dari tingkat bawah hingga tingkat 4 setiap hari.
 - c) Menyedut debu dan membersihkan siling setiap bulan.
 - d) Membersihkan dan mengelap dinding setiap hari.
 - e) Menyedut debu pada diffuser hawa dingin setiap hari. Membersihkan keseluruhan peralatan hawa dingin setiap minggu.
 - f) Menyedut debu pada langsir setiap minggu.
 - g) Membersihkan dan mengelap diffuser (grill) lampu setiap hari.
 - h) Menyedut kapet dengan mesin penyedut setiap hari jika diperlukan. Membersihkan kapet dengan syampu setiap hari jika diperlukan.
 - i) Membersihkan dan mengelap perabot, peralatan pejabat dan pintu setiap hari. Membersihkan dan menyapu golongan paip pemadam api setiap minggu.
 - j) Membersihkan dengan teliti semua tandas setiap hari (2 x sehari) dengan menyediakan tisu tandas (toilet paper) serta bau-bauan harum.
 - k) Membersihkan papan tanda (signage).
 - l) Membersihkan ruang legar dan pintu serta dinding lif setiap hari.
 - m) Mengelap rail tangga dari tingkat bawah hingga tingkat 4 setiap hari jika diperlukan.
 - n) Membersih dapur setiap hari.
 - o) Mencuci dan mengelap cermin jendela dengan alat-alat dan kimia pencuci jendela yang tidak mencemarkan udara pada setiap hari.
 - p) Membersihkan tempat letak kereta jika diperlukan. Memotong rumput di sekitar bangunan jika diperlukan. Memelihara Seni Taman (landscaping). Membersihkan longkang dan kawasan bangunan setiap hari. Menyiram bunga di dalam dan kawasan bangunan setiap hari. Mengutip dan membuang sampah setiap hari.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/CTL 0011/2002

RKN 8 : NO WARAN ? EXPANSION OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATIONS MATERIALS - EXTERNAL NETWORK EXPANSION TOWN AREA

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam Kelas S1, S2 & S3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi THE INSTALL AND SUPPLY DUCT SEALING SYSTEM FOR MANHOLES AT CENTRAL EXCHANGE AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan JTB/SO/CTL 0011/2002 - INSTALL AND SUPPLY DUCT SEALING SYSTEM FOR MANHOLES AT CENTRAL EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 29 April 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 22 April 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
9. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertenai yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
10. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 6 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga sebut harga mestilah sah laku selama 9 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/GB/GIB/PO1/2002

(VOTE NO : 811-018-008-002, 811-018-008-003)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam Kelas P3 dan PX.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET DISASTER RECOVERY CENTRE NETWORK INFRASTRUCTURE ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : Bilangan Tawaran : JTB/GB/GIB/PO1/2002 (VOTE NO : 811-018-008-002, 811-018-008-003) - 'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET DISASTER RECOVERY CENTRE NETWORK INFRASTRUCTURE ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI' tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 6 Mei 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Contractor's Registration, Tender and Quotation Unit, Tingkat 2, Telecommunications Department, Old Airport Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$300.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Seksyen Global, Korporat dan Internet, Bahagian Bisnes Internet, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertenai yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.

8. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah diselesaikan dalam masa 6 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan tempoh sebut harga mestilah sah laku selama 12 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/SO/GDG 0004/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Telekom yang berdaftar dalam Kelas K1, K2, K3 & S1, S2, S3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi TRANSFER OH TO UNDER GROUND AT S.T.K.R.J. MATA-MATA GADONG.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan JTB/SO/GDG 0004/2002 - TRANSFER OH TO UNDER GROUND AT S.T.K.R.J. MATA-MATA GADONG tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 29 April 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 22 April 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
9. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertenai yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
10. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 6 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga sebut harga mestilah sah laku selama 9 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/SO/SLR00051/2002

RKN 8 : 811-019-001-005- EXPANSION OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATIONS MATERIALS-EXTERNAL EXPANSION-MUARA, SALAR, SERDANG AND MERAGANG

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam Kelas K1, K2 dan K3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi INSTALLATION OF PRIMARY NETWORK AT SALAR AND MUARA EXCHANGE AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/SLR00051/2002 - INSTALLATION OF PRIMARY NETWORK AT SALAR AND MUARA EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 29 April 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong dan Pengeluaran Tawaran serta sebut harga, Tingkat 2, Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 22 April 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
9. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertenai yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.

- yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
10. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 6 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga sebut harga mestilah sah laku selama 9 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/SO/MDG 0052/2002

RKN 8 : 811-019-001-006 - EXPANSION OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATIONS MATERIALS - EXTERNAL NETWORK EXPANSION BERAKAS, MADANG, PULAI AND SUNGAI HANCHING

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelwa dari pemborong-pemborong Telekom yang berdaftar dalam Kelas K1, K2 & K3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR EXPO-HOUSING FOR SIMPANG 46 KAMPONG MADANG CABINET 017.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan JTB/SO/MDG 0052/2002 - PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR EXPO-HOUSING FOR SIMPANG 46 KAMPONG MADANG CABINET 017 tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 29 April 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pemborong & Tender, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia & Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan dengan pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil pengarah pada hari Isnin 22 April 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/05/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 22 April 2002.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan seta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pendaftaran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi dan 1.30 petang - 2.30 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Pembiayaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : UBD/E8/05/2002 - MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 3KVA DAN 5KVA UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY (UPS) EQUIPMENT FOR UBD. Bayaran Dokumen dan Pendaftaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).



JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPBA/12/2002 : Tajuk Kerja : MENGGANTI 1 BUAH CHILLER - (2 BUAH COMPRESSOR) BAGI BANGUNAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 29 April 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.
Bayaran Tawaran : \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan kelas II, III, IV, V & VI (kategori 5).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT BARU SESI JULAI 2002 BAGI MENGIKUTI KURSUS DI SEKOLAH VOKASIONAL SULTAN BOLKIAH, SERIA

Bil	Nama Kursus	Syarat-Syarat Kemasukan	Tempoh Kursus	Tahap Kursus
1	BDTVEC National Diploma in Computer Studies	1. Tamat Tingkatan 5 dengan memperoleh 4 kredit dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' level (Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris). Atau 2. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC Pre National Diploma in Computer Studies. Dan 3. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 4. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 2 1/2 tahun	Teknisyen
2	BDTVEC National Diploma in Business & Finance	1. Tamat Tingkatan 5 dengan memperoleh 4 kredit dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' level (Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris). Atau 2. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC Pre-National Diploma in Business & Finance. Dan 3. Lulus peperiksaan kemasukan (jika ada). 4. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 2 1/2 tahun	Teknisyen
3	BDTVEC Pre National diploma in Computer Studies	1. Tamat Tingkatan 5 dan sekurang-kurangnya memperoleh lulus (Gred 7 atau 8) dalam 4 mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' level. Atau 2. Memperolehi sekurang-kurangnya gred 2 dalam 4 mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' level. Dan 3. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 4. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 tahun	Teknisyen
4	BDTVEC Pre National Diploma in Business & Finance	1. Tamat Tingkatan 5 dan sekurang-kurangnya memperoleh lulus (Gred 7 atau 8) dalam 4 mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' level. Atau 2. Memperolehi sekurang-kurangnya gred 2 dalam 4 mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' level. Dan 3. Lulus peperiksaan kemasukan (jika ada). 4. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 tahun	Teknisyen
5	BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 in Refrigeration and Air-Conditioning	1. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Refrigeration and Air-Conditioning. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf Lanjutan
6	BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 in Motor Vehicle Mechanic	1. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Motor Vehicle Mechanic. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf Lanjutan
7	BDTVEC National Trade Certificate Grade in Vehicle Body Repair	1. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Vehicle Body Repair. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf Lanjutan
8	BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 in Dressmaking & Tailoring	1. Lulus dalam semua mata pelajaran di peringkat BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Dressmaking & Tailoring. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf Lanjutan
9	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Welding and Fabrication	1. Tamat Tingkatan 3. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf
10	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Machining	1. Tamat Tingkatan 3. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf
11	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Dressmaking & Tailoring	1. Tamat Tingkatan 3. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Kraf
12	BDTVEC National Vocational Certificate in Clerical Studies (General Office Clerk)	1. Tamat Tingkatan 3. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Asas Perkeranian
13	BDTVEC National Vocational Certificate in Clerical Studies (Accounting Clerk)	1. Tamat Tingkatan 3. 2. Lulus peperiksaan kemasukan (jika perlu). 3. Lulus temu duga.	Sepuluh masa 1 1/2 tahun	Asas Perkeranian

PERHATIAN :

- PEMOHON-PEMOHON yang sedang dalam perkhidmatan sama ada dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau syarikat-syarikat swasta mestilah mendapatkan kebenaran, dihadapkan melalui dan dengan sokongan Ketua Jabatan/Majikan masing-masing.
- Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari Pendaftar, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Setia atau Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan Blok 'C', Simpang 347, Gadong BE 1310.
- Semua borang permohonan mestilah dikembalikan ke Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Setia tidak lewat dari jam 4.00 petang pada 2 Mei 2002. Borang permohonan tersebut hendaklah juga disertakan dengan dokumen-dokumen yang disebutkan di bawah.
 - Salinan sijil-sijil persekolahan (BJCE/G.C.E 'O' level/G.C.E 'N' level dan lain-lain).
 - Salinan kad pengenalan/surat beranak/surat akuan/surat kerakyatan.
 - Dua (2) keping gambar berukuran pasport.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JL/6/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 atau 3 bagi 'DOCKING AND REPAIR OF PERAPAT SATU'.
- Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran 29 April 2002 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : JL/7/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari kategori MSB kelas 2 atau 3 atau broker-broker Insurans Laut yang berkelayakan bagi 'RETENDER OF MARINE INSURANCE' untuk kapal-kapal Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan 'RETENDER OF MARINE INSURANCE, JL/7/2002', di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan nama penender dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Sebarang keterangan-keterangan lanjut mengenai kapal atau perlindungan insurans yang diperlukan bolehlah diperoleh dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Serasa Muara, BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup : 29 April 2002 jam 2.00 petang.



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : 6/2002

NAMA TAWARAN : PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN, KAWASAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN PADANG DEWAN KEMASYARAKATAN DAERAH TEMBURONG

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN adalah dibuka kepada syarikat-syarikat dan pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed). Di sampul surat itu hendaklah ditulis nama atau bilangan tawaran di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.
- Tawaran yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan.
- Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan dan spesifikasi lengkap bagi tawaran ini boleh diperoleh di Bahagian Taman Rekreasi, Landskap dan Alam Sekitar, Tingkat 1, Pejabat Daerah Temburong pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.
- Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada hari Isnin 29 April 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang dinyatakan tidak akan dilayan.
- Wang cagaran secara tunai sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Temburong semasa waktu-waktu bekerja. Wang cagaran akan dikembalikan kepada tawaran yang benar (bona fide tender) yang tidak berjaya.
- Penawar-penawar yang telah mengambil dokumen tawaran ini dan telah membayar wang cagaran tetapi gagal atau lambat menghadapkan tawaran daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan kehilangan wang cagaran mereka.

- Penawar-penawar adalah dikehendaki membuat lawatan ke kawasan-kawasan pemotongan rumput iaitu kawasan Rumah Persinggahan Kerajaan, Kawasan Pejabat-pejabat Kerajaan dan Padang Dewan Kemasyarakatan bagi memastikan kedudukan kawasan rumput yang hendak dipotong.
- Setiap tawaran yang diterima adalah dikira sah bagi tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh ianya dihadapkan. Penawar-penawar tidak dibenarkan menarik diri dari tawaran ini selama tempoh tersebut.
- Penawar-penawar hendaklah juga menghadapkan sama Salinan Pendaftaran Perniagaan dan hendaklah mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dari Kementerian Pembangunan dalam kategori 4 (C).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang termurah atau seumpamanya.



DI DALAM MAHKAMAH KADI BANDAR SERI BEGAWAN

PERMOHONAN POLIGAMI

KEPADA : SITI ROZAINA BINTI HAJI MOHAMMAD NO. K/P : 121991 (K). Warga Negara Brunei Darussalam beralamat : No. 72, Jalan 39 Kampong Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Adalah suami kamu : Awang Marali bin Haji Ahmad No. k/p : 066248 (K) ada menuntut dalam Mahkamah ini mengenai perkara di atas. Maka kamu adalah dikehendaki hadir ke hadapan Mahkamah ini atau dengan Peguam yang mewakili kamu (Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temburong dan Muara Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam) pada 30 April 2002 jam 2.00 petang hari Selasa untuk menjawab segala tuntutan ke atas kamu dan apa jua surat keterangan pada hari itu dan hendaklah kamu mengambil tahu bahawa sekiranya kamu ingkar menghadapi Mahkamah pada hari itu maka tuntutan ini akan dibicarakan dan diputuskan semasa ketiadaan kamu.

Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/GB/GIB/P02/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam P3 dan PX.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi : SUPPLY, DELIVERY, DESIGN, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET INTRUSION DETECTION SYSTEM FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : JTB/GB/GIB/P02/2002 - SUPPLY, DELIVERY, DESIGN, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF BRUNET INTRUSION DETECTION SYSTEM FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 20 Mei, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Pengeluaran Tender dan Sebutarga, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boelh didapati dari Seksyen Global, Korporat dan Internet, Bahagian Bisnes Internet, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.
8. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah diselesaikan dalam masa 3 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan tempoh sebut harga mestilah sah laku selama 12 bulan dari tarikh tutup tawaran.

Bilangan Tawaran : JTB/GB/GIB/P02/2002

VOTE NO : 811-019-001-008 - EXPANSION OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATION MATERIAL-EXTERNAL NETWORK EXPANSION-BELAIT DISTRICT

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3 & S1, S2, S3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF CONVERTING OVERHEAD TO U/GROUND CABLE AT CAB : 030, 031 & 032 MUMONG EXCHANGE AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan JTB/GB/GIB/P02/2002 - PROVISION OF CONVERTING OVERHEAD TO U/GROUND CABLE AT CAB : 030, 031 & 032 MUMONG EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Bahagian Perancangan dan Pelaksanaan Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Cawangan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit-pembayaran tawaran.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boelh didapati dari Bahagian Perancangan dan Pelaksanaan, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Cawangan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit-pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Sabtu 20 April 2002 jam 10.30 pagi di Bahagian Perancangan dan Pelaksanaan, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Cawangan Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

JUALAN LELONG KENDERAAN

PASUKAN Polis Diraja Brunei akan melelong sebanyak 65 buah kenderaan dan 37 buah motosikal pada 16 Mei 2002 jam 8.00 pagi bertempat di Kawasan Bengkel Kenderaan (Cawangan Lalulintas) Gadong.

Jualan lelong itu adalah atas kebenaran Kementerian Kewangan melalui suratnya bil : KKW/2/493/13 bertarikh 21 Mac 2002 dan 25 Mac 2002 bersamaan 7 Muharam 1423 dan 11 Muharam 1423.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Tawaran : TMSN/8/6.2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'THE MAINTENANCE CONTRACT OF HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT, PRIME MINISTER OFFICE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan (Tawaran dan Sebutarga), Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setelah bayaran harga dokumen berjumlah \$200.00 dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 17 April 2002.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : 'THE MAINTENANCE CONTRACT OF HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT, PRIME MINISTER OFFICE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan dan ditandakan seperti berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 6 Mei 2002.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

Bilangan Tawaran : TMSN/8/7.2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'THE MAINTENANCE CONTRACT OF ICL DRS6000 FOR INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORE DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan (Tawaran dan Sebutarga), Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setelah bayaran harga dokumen berjumlah \$200.00 dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 17 April 2002.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : 'THE MAINTENANCE CONTRACT OF ICL DRS6000 FOR INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORE DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah

ditujukan dan ditandakan seperti berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 6 Mei 2002.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

Bilangan Tawaran : TMSN/8/9.2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'RENEWAL OF MAINTENANCE CONTRACT FOR LABOUR DEPARTMENT'.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan (Tawaran dan Sebutarga), Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setelah bayaran harga dokumen berjumlah \$200.00 dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 17 April 2002.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : 'RENEWAL OF MAINTENANCE CONTRACT FOR LABOUR DEPARTMENT' tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan dan ditandakan seperti berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 6 Mei 2002.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : 07/2002 (5)

LATIHAN MENEMBAK MENGGUNAKAN PELURU HIDUP

LATIHAN di atas bagi bulan April, Mei dan Jun 2002 akan diadakan pada tarikh dan masa berikut dari Padang Tembak Binturan :

Tarikh : 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29 dan 30 April 2002 jam 7.30 pagi - 11.59 malam di kawasan Binturan. Kawasan laut bahaya : 4 km dari pantai.

Tarikh : 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29 dan 30 Mei 2002 jam 7.30 pagi - 11.59 malam di kawasan Binturan. Kawasan laut bahaya : 4 km dari pantai.

Tarikh : 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27 dan 28 Jun 2002 jam 7.30 pagi - 11.59 malam di kawasan Binturan. Kawasan laut bahaya : 4 km dari pantai.

Semua kapal termasuk perahu-perahu kecil, dinasihatkan agar tidak memasuki kawasan yang disebutkan semasa latihan sedang dijalankan. Pemberitahuan ini mansuh pada 28 Jun 2002 jam 12.00 malam.



**MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN
ANAK PUTERI RASHIDAH
SA'ADATUL BOLKIAH**

**KURSUS DIPLOMA KEJURURAWATAN LANJUTAN
PENGKHUSUSAN MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK
PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH BAGI
SESI JANUARI 2003 - 2004**

MAKTAB Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MJPAPRSB) akan menawarkan beberapa Kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan Pengkhususan di pelbagai bidang bagi sesi Januari 2003 - 2004.

Kursus adalah dibukakan kepada jururawat (staff nurse) yang memenuhi syarat dan kelayakan sama ada berkhidmat dengan kerajaan atau swasta. Jururawat-jururawat adalah juga dipelawa untuk memohon.

Nama Kursus	Tempoh Kursus
Diploma Kejururawatan Kemalangan dan Kecemasan (Diploma in Accident and Emergency Care Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritikal (Diploma in Critical Care Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Bilik Bedah (Diploma in Operating Theatre Nursing)	1 tahun
Diploma Perbidanan (Diploma in Midwifery)	18 bulan
Diploma Kejururawatan Kesihatan Masyarakat (Diploma in Community Health Nursing)	1 tahun

Diploma Kejururawatan Kanak-Kanak (Diploma in Paediatric Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Mata (Diploma in Ophthalmic Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Anaestetik (Diploma in Anaesthetic Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Kesihatan Jiwa (Diploma in Mental Health Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Pembedahan Cranio-Maxillo Facial (Diploma in Cranio-Maxillo Facial Surgical Nursing)	1 tahun
Diploma Kejururawatan Terapeutik (Diploma in Therapeutic Nursing)	1 tahun

Syarat dan Kelayakan :

- i. Mempunyai kelulusan Diploma Kejururawatan Asas atau yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii. Mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang dari 2 (dua) tahun selepas menamatkan pengajian Diploma Kejururawatan Asas.
- iii. Penduduk tetap juga akan dipertimbangkan.

Pemhatian :

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 27 Julai 2002.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah tidak akan dilayan.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran JP/8/2002

**TAWARAN BAGI DESIGN, SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER
RECIRCULATING SYSTEM FOR 9 UNITS OF 400 SQ. METER PONDS
LADANG IKAN SERASA, MUARA**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide). Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan TAWARAN BAGI DESIGN, SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER RECIRCULATING SYSTEM FOR 9 UNITS OF 400 SQ METER PONDS LADANG IKAN SERASA, MUARA di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penender dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara yang beralamat di atas tidak lewat daripada hari Isnin 6 Mei 2002 jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BS 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak berhak untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JUALAN LELONG

ADALAH dimaklumkan bahawa jualan lelong harta benda Kerajaan kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha, Kementerian Pertahanan akan diadakan pada 1 Mei 2002 jam 9.00 pagi bertempat di kawasan Logistik Depoh, Bolkiah Garrison.

Keterangan benda yang akan dilelong adalah tayar, bateri, peralatan, perkakas Am dan lain-lain kepunyaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Unit Simpanan Gurkha dan Kementerian Pertahanan.

Syarat-Syarat lelong bagi pembeli yang berjaya adalah seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dari Kawasan Perolehan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong bagi 3 buah kenderaan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria bilangan Pendaftaran BG 5179 Mitsubishi L200 4WD, BG 5184 Hino Compress Truck, BG 6614 Mitsubishi Pajero akan diadakan pada tarikh dinyatakan.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang yang dibelinya tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Kenderaan yang dilelong adalah sebagai besi buruk dan jabatan ini tidak akan bertanggungjawab sama ada kenderaan tersebut boleh didaftarkan atau pun sebaliknya kerana terdapat sebahagian kenderaan yang dilelong ini mungkin dapat dibaik pulih dan digunakan di jalan raya yang mana pihak pembeli hendaklah menghadapkan permohonan kereta ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk pemeriksaan teknikal bagi pengeluaran cukai jalan raya berkenaan.
3. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
4. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

JADUAL

Butir-Butir Keterangan	Tempat Lelong	Tarikh dan Masa
Tiga (3) buah kenderaan lama - Mitsubishi L200 4WD - Hino Compress Truck - Mitsubishi Pajero	Bengkel Lembaga Bandaran, Jalan Setia Diraja, Kuala Belait	25 April 2002 jam 10.00 pagi



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubungkaitnya dengan kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran dokumen dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut : - \$20.00 bagi DA/K/SSP/39/2002, DA/K/SSP/39/2002 dan DA/K/SSP/40/2002 - \$30.00 bagi DA/K/SSP/41/2002 hingga DA/K/SSP/53/2002 (Bagi tawaran perkhidmatan kantin Sekolah-Sekolah Rendah bagi tempoh 3 tahun). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutarga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat Satu (1), setelah membuat pembayaran.
5. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
6. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Resit Bayaran Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul tersebut hendaklah ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti mana yang dilkankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 6 Mei 2002 jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**TAWARAN BAGI KAIN RENTANG DAN LOGO SEMPENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KDYM PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-56**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk mencetak, membekal, mengedar, memasang dan seterusnya membuka kain rentang seperti berikut :- Kain Rentang Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Borang-borang dan keterangan lanjut boleh didapati pada waktu-waktu bekerja dari Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui borang yang telah disediakan dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Jawatankuasa Khas Kain Rentang dan Logo serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya di alamat Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas BB 3510 tidak lewat pada 1 Mei 2002 jam 4.00 petang. Permohonan-permohonan yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



JABATAN PERDANA MENTERI

**JUALAN KERETA-KERETA TERPAKAI KERAJAAN
SECARA LELONG**

SUKACITA dimaklumkan kepada orang ramai dan syarikat-syarikat di Negara Brunei Darussalam bahawa Jabatan Perdana Menteri akan menjual secara lelong kereta-kereta saloon Mercedes Benz 500 SEL, Mercedes Benz 380 SEL, Mercedes Benz 300 SEL, Volvo 760 GLE, Volvo 240 GLE, Toyota Crown 5.5 Sedan, Toyota Crown 3.0, Nissan Laurel 2.4 GL, Toyota Cressida, Proton Saga, Nissan Patrol S/Wagon 7 Seaters sudah terpakai pada tarikh, jam dan tempat seperti berikut : 27 April 2002 hari Sabtu, jam 9.00 pagi bertempat di Bengkel Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

1. Kereta-kereta yang akan dilelong sedang dipamerkan di Bengkel Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam.
2. Permohonan yang berjaya dikehendaki menjelaskan 10 peratus dari Bengkel Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Urusan pendaftaran kereta yang dibeli adalah tanggungjawab pemohon yang berjaya.

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Dokumen	Tarikh Tutup dan waktu penerimaan
DA/K/SS P/38/2002	Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Satu (1) Unit Kenderaan Saloon Enjin Petrol 2000 - 3000 CC untuk Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/39/2002	Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Satu (1) Unit kenderaan 4WD Enjin Diesel 2000 - 3000 CC Untuk Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/40/2002	Membekal, Menghantar, Memasang dan Menguji Satu (1) Unit Bas 22 Penumpang Enjin Diesel 3000 - 4000 CC Untuk Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/41/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Brunei I Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/42/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Sungai Siamas, Brunei I, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/43/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Lela Menchanai, Brunei I, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/44/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Dato Ahmad, Brunei I, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/45/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Dato Gandi, Brunei II, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/46/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Bengkurong, Brunei II, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/47/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Panglima Berudin Limau Manis, Brunei IV, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/48/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Lumapas, Brunei IV, Daerah Brunei dan Muara.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/49/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Tutong II, Daerah Tutong.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/50/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong II, Daerah Tutong.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/51/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Sungai Liang, Daerah Belait.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/52/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Daerah Belait.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SS P/53/2002	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Lumut, Belait, Daerah Belait.	\$30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	6 Mei 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)

Waktu-waktu penerimaan wang bayaran dokumen dan pentadbiran Isnin hingga Khamis 8.00 pagi - 11.30 pagi, 1.30 petang hingga 2.30 petang. Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran : (45) KKBS/PTD/1.3/11 PT:5

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT MINI BUS 12 PENUMPANG (SUPPLY OF ONE (1) UNIT 12 SEATER MINI BUS)

Syarat-Syarat Tawaran :


DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu pejabat.

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 tidak lewat hari **Isnin 22 April 2002**, jam 2.00 petang.
- Bayaran tender fees sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) secara tunai hendaklah dibayar semasa mengambil borang tawaran dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan diberikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
- Penender yang berjaya adalah dikehendaki membekalkan keperluan tersebut dengan seberapa segera.
- Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut : Sijil Perniagaan yang masih sah laku.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

SUPPLY OF ONE (1) UNIT 12 SEATER MINI BUS

- UNITS REQUIRED : One (1) unit.
- SPECIFICATIONS
 - Seating Capacity : 12 Seater.
 - BODY :
 - Type : Long Body.
 - Door : Drivers door on RHS, with LHS or LHC passenger entrance door and rear emergency door.
 - Dimensions : 4/5 Door Standard Roof, Long Wheelbase.
 - Engine : 2.4 litre Diesel, 2446cc.
 - Transmission : 5-speed manual, floor shift.
 - Wheels/Tyres number : 5 (five) including spare.
 - Front & Rear : 185R-14-8PRLT 14 X 5.5J.
 - Rear : 185R-14-8PRLT 14 X 5.5J.
